



# PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB  
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB  
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN**

**HARI RABU: 24 JUN 2009**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 10 HINGGA 126)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9  
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

NO:10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM**

**[BAYAN BARU]**

**TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan pelajar yang sedang mengikuti Pengajian Juruterbang dan usaha Kerajaan dalam membantu pelajar yang kurang mampu membayar yuran yang terlalu mahal.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Bayan Baru, pada masa sekarang, terdapat seramai satu ribu tujuh puluh tiga (1,073) Pelatih Juruterbang yang sedang mengikuti Pengajian Juruterbang di seluruh negara.

Mengenai usaha Kementerian dalam membantu pelajar yang kurang mampu membayar yuran yang terlalu mahal adalah di maklumkan bahawa Kementerian tidak menyediakan biasiswa dan pinjaman kepada pelajar-pelajar Pengajian Juruterbang memandangkan ia tidak terletak di bawah bidang kuasa Kementerian ini.

Walau bagaimanapun pihak MARA ada menyediakan kemudahan pinjaman untuk membiayai latihan juruterbang di mana mereka bolehlah mengemukakan terus permohonan untuk mendapatkan pinjaman tersebut

NO SOALAN : 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH  
(DUNGUN)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

Tuan Matulidi Bin Jusoh (Dungun) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah elaun imam dan bilal kesemuanya akan diseragamkan di seluruh Malaysia dan mengapakah mereka ini tidak diberi pendapatan tetap mengikut skim gaji kerajaan dengan ditambah insentif-insentif tertentu agar dapat mengangkat martabat institusi keagamaan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Perjawatan imam-imam dan masjid-masjid adalah dibawah pentadbiran dan pengurusan kerajaan negeri, walau bagaimanapun

Kerajaan pusat amat prihatin di atas kebajikan imam-imam dan anak-anak Qaryah walaupun mereka berada di bawah pengurusan negeri dengan membantu Kerajaan Negeri dengan membayar elaun insentif bulanan dengan kadar RM450 sebulan kepada seramai 13,872 orang imam yang melibatkan 6,156 buah masjid mukim/kariah seluruh negara sejak tahun 2005. Sebagai maklumat terdapat imam yang telah dibayar gaji tetap dengan mengikut skim gaji kerajaan iaitu seramai **213 orang** terdiri daripada 14 orang Imam Besar setiap negeri dengan gred S 48 (9 negeri), S 44 (1 negeri), S41 (1 negeri) dan S 27 ( 1 negeri), manakala Imam Daerah pula terdiri daripada 188 orang kebanyakannya dengan gred S41. Imam Besar dan Imam Daerah ini bertanggungjawab kepada Masjid Negeri dan Masjid Daerah,tetapi masih ada juga yang tidak dibayar mengikut skim bergaji tetap kerana ada di kalangan mereka tidak memenuhi syarat seperti faktor akademik dan usia untuk dilantik ke dalam skim perkhidmatan kerajaan. Manakala elaun bilal pula masih dalam kajian untuk direalisasikan. Untuk makluman, bilal yang berkhidmat di semua 14 masjid negeri di Malaysia adalah di bawah skim kerajaan dengan gred S11 dan S17. Disamping itu, terdapat para bilal bertugas secara sukarela yang dilantik oleh pihak masjid masing-

masing dengan perakuan pihak Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN).

Walaupun bagaimanapun kerajaan dari semasa ke semasa akan berusaha untuk memperkemarkan perjawatan para imam mengikut skim kerajaan bagi masjid-masjid yang bersesuaian disamping menjaga kebajikan imam, bilal dan siak.

**SOALAN NO. ( 12 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG  
(BUKIT MERTA JAM)  
TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)

**SOALAN :**

**Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTA JAM)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan perumahan Kerajaan yang mengambil kira graduan muda yang baru keluar bekerja dan ingin mendirikan rumah tangga supaya mereka juga mampu memiliki rumah sendiri, khususnya di bandar-bandar di mana kos rumah semakin meningkat.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perumahan yang dibangunkan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan kediaman dan perlindungan yang sempurna khusus kepada golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah. Pihak swasta pula mempunyai peranan bagi memenuhi permintaan perumahan selain daripada golongan sasaran tersebut. Kerajaan melalui KPKT sedang dalam proses menggubal Dasar Perumahan Negara (DRN) yang akan menjadi hala tuju kepada sektor perumahan negara. Walaupun DRN tidak secara spesifik menggariskan keperluan penyediaan perumahan kepada graduan muda yang baru keluar bekerja, namun demikian, keperluan penyediaan perumahan untuk dimiliki oleh semua golongan

termasuk penyediaan perumahan dan kemudahan kepada golongan bujang dan keluarga kecil juga diambilkira.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI**  
**(SILAM)**  
**TARIKH : 24.06.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [ SILAM ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan menggerakkan sekolah-sekolah bagi membantu menerapkan visi wawasan Satu Malaysia, di mana sekolah sebenarnya mampu melahirkan golongan belia yang bersatu dan bergerak seiringan aspirasi negara dengan mengenyahkan perbezaan yang berdasarkan kepada bangsa dan agama serta menjadi kekuatan bangsa Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Y.A.B Perdana Menteri Malaysia menyatakan bahawa "SATU MALAYSIA" adalah penerusan agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar. Formula "SATU MALAYSIA" digagas dan dilaksanakan dalam dua aspek utama. Aspek pertama adalah penerapan teras-teras perpaduan manakala aspek kedua adalah penerapan nilai-nilai aspirasi.

Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menerapkan perpaduan dan nilai-nilai aspirasi dalam kalangan murid pelbagai kaum menerusi Teras Pertama Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-

2010) iaitu Membina Negara Bangsa. Antara usaha KPM dalam membantu menerapkan gagasan 1 Malaysia ialah;

1. **Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP).** Objektif utama RIMUP adalah mewujudkan perpaduan murid antara kaum bermula dari sekolah rendah pelbagai aliran [SK., SJK(C) dan SJK(T)] melalui aktiviti bersama dan terancang. Aktiviti tersebut dilaksanakan secara berkelompok sama ada di peringkat rendah atau menengah. Pengisian program RIMUP adalah untuk menggalakkan penyertaan masyarakat setempat, para guru dan murid khususnya di peringkat sekolah rendah dari pelbagai aliran dalam kegiatan-kegiatan khas secara bersama. Diharapkan setelah murid-murid dapat menjalani aktiviti secara bersama di peringkat rendah akan memudahkan mereka menyesuaikan diri apabila masuk ke alam menengah.
2. **Kurikulum persekolahan.** Semua sukatan pelajaran menekankan kepada nilai-nilai murni yang mendokong termasuk amalan perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum di Malaysia.
3. Unsur perpaduan dan integrasi murid pelbagai kaum termasuk antara negeri-negeri juga dilaksanakan menerusi **aktiviti Kokurikulum** di sekolah. Nilai perpaduan dan integrasi murid merupakan fokus utama dalam setiap aktiviti kokurikulum sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan.

Di samping itu, Sekolah Wawasan yang ada sekarang merupakan di antara pelaksanaan yang dilakukan oleh KPM dalam merealisasikan Gagasan 1 Malaysia.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

Formula "SATU MALAYSIA" digagas dan dilaksanakan dalam dua aspek utama. Aspek pertama adalah penerapan teras-teras perpaduan manakala aspek kedua adalah penerapan nilai-nilai aspirasi.

### 1. Penerapan Teras-teras Perpaduan;

- **Teras-teras perpaduan ada tiga perkara yang telah saya huraikan sebentar tadi iaitu:-**
  - (i) sikap penerimaan antara semua kaum dan rakyat Malaysia;
  - (ii) prinsip-prinsip kenegaraan berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; dan
  - (iii) keadilan sosial.
  
- **Teras-teras perpaduan didukung oleh nilai-nilai murni** yang perlu menjadi sebahagian daripada budaya hidup rakyat Malaysia termasuklah nilai-nilai seperti hormat menghormati, tawaduk, kesederhanaan dalam tingkah laku dan tutur kata serta kebijaksanaan dalam sebarang keputusan dan tindakan.

### 2. Penerapan Nilai-nilai Aspirasi;

Menekankan lapan elemen yang perlu menjadi amalan mana-mana masyarakat yang ingin berdaya maju dan berjaya. Elemen-elemen tersebut merangkumi:

- (i) budaya kecemerlangan atau *high performance culture* dalam melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab;
- (ii) keberanian untuk berinovasi;
- (iii) meneroka peluang-peluang baru;

- (iv) meritokrasi dalam memberikan tugas kepada yang paling layak melaksanakannya berlandaskan undang-undang dan Dasar Negara;
- (v) kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada tanah air tercinta;
- (vi) ketabahan dalam mengharungi sebarang cabaran yang mendatang;
- (vii) integriti dalam segala urusan dan transaksi; dan
- (viii) penguasaan ilmu dan kemahiran yang sebanyak mungkin.

Pembudayaan nilai-nilai aspirasi ini akan menyerlahkan masyarakat Malaysia yang berwibawa, dihormati dan disegani bersesuaian dengan identiti sebuah negara bangsa yang maju dan berjaya.

NW = 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN  
[ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah cukai lapangan terbang dan caj bahan api yang dikutip oleh Air Asia sepanjang tahun 2008 sehingga sekarang dan jumlah yang dikembalikan kepada penumpang yang membatalkan penerbangan mereka ataupun yang gagal mendapat atau terlepas pesawat.

**Jawapan:**

Jumlah cukai lapangan terbang yang dikutip oleh AirAsia sepanjang tahun 2008 adalah RM 100.6 juta. Manakala jumlah caj bahan api yang dikutip oleh AirAsia bagi tempoh April hingga Oktober 2008 adalah RM 453 juta. AirAsia tidak mengutip sebarang caj bahan api selepas dari Oktober 2008.

Daripada jumlah tersebut, tiada caj bahan api yang dikembalikan kepada penumpang yang membatalkan penerbangan mereka ataupun yang gagal mendapat atau terlepas pesawat. Walau bagaimanapun, caj lapangan terbang dikembalikan kepada penumpang yang gagal mendapat atau terlepas pesawat adalah sebanyak RM301,000 bagi tahun 2008 dan RM63,000 bagi tahun 2009 (sehingga April).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN**

**TARIKH: 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ Rembau ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terkini bagi pekerja yang telah dibuang kerja akibat krisis ekonomi 2008/2009 dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan oleh pihak Kementerian untuk membantu mereka yang diberhentikan termasuk mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian.

PR-022-L20012

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kesan daripada krisis ekonomi global yang melanda negara ini, telah mengakibatkan majikan yang terlibat mengambil tindakan untuk mengurangkan tenaga kerja bagi mengurangkan kos operasi. Dari bulan Oktober 2008 hingga 23 Jun 2009 seramai 28,851 pekerja tempatan dan asing telah diberhentikan kerja secara tetap. Sementara itu seramai 8,908 pekerja telah diberhentikan kerja secara sukarela.

Seterusnya Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah bagi membantu mereka yang diberhentikan kerja termasuk mendapatkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan mereka. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Mewujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat kebangsaan dan negeri yang melibatkan pihak majikan, kesatuan sekerja dan Kerajaan. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi terhadap pekerja yang diberhentikan.
- ii. Penubuhan 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja di seluruh negara bagi membantu penempatan pekerjaan.
- iii. Menyediakan Garis Panduan Pemberhentian Pekerja (GPPP) sebagai panduan kepada majikan berkaitan pengurusan pemberhentian pekerja.
- iv. Menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan (3P) (*Jobs Placement Program*) sekali sebulan di 15 lokasi seluruh negara dengan menyediakan kemudahan bagi majikan mengadakan temu duga terbuka.
- v. Melaksanakan program latihan dan penempatan (*Train & Place*) bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja, belia dan siswazah menganggur untuk membolehkan mereka mendapat kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa.
- vi. mengadakan program CESS (*Community Based Employment Support Services*) yang bertujuan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada kumpulan sasar melalui pelbagai aktiviti dan program yang diatur dengan menggunakan JobsMalaysia serta dibantu oleh pegawai pembimbing kerjaya dari Kementerian saya.

Selain daripada itu, KSM akan melaksanakan Program *Train and Retain* bagi pekerja yang terlibat dengan pemberhentian sentara (*lay-off*). Pelatih akan diberi latihan dalam

pelbagai bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri. Melalui program ini, Kerajaan berharap pekerja dapat bekerja semula dengan majikan asal.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan terutama di subsektor elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan. Kerajaan juga telah membuat keputusan supaya baki levi pekerja asing yang diberhentikan kerja sebelum tamat tempoh kontrak perkhidmatan akan dikembalikan kepada majikan, manakala sebagai insentif kepada majikan, jaminan bank akan dipulangkan secepat mungkin bertujuan untuk menggalakkan majikan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan.

KSM percaya program yang telah dilaksanakan tersebut akan mencapai kejayaan dan diharapkan dan ini memerlukan kerjasama dan sokongan penuh daripada semua pihak yang terlibat.

Font : Arial (20)

Soalan No: 16

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMMAD  
NIZAR BIN JAMALUDDIN  
(BUKIT GANTANG)**

**TARIKH : 24 .06.09**

**SOALAN :**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam usaha membangunkan dan menyediakan kemudahan tenaga elektrik kepada penduduk-penduduk yang tinggal jauh di kawasan pedalaman dan pulau-pulau.**

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha memberikan bekalan elektrik ke kawasan pedalaman dan di pulau-pulau, Kementerian telah, sedang dan akan terus melaksanakan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sistem alternatif seperti menggunakan sistem solar hibrid, mikro hidro dan turbin angin. Sehingga kini, Kementerian telah melaksanakan 23 projek solar hibrid di kawasan pedalaman Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia bernilai RM130.05 juta yang telah memberi manfaat kepada 2,981 buah rumah.

Antara projek-projek BELB sistem alternatif yang telah siap dilaksanakan oleh Kementerian ialah projek solar hibrid di Pulau-pulau Mersing, Johor

bernilai RM11.6 juta dan telah disiapkan pada bulan September 2005. Kementerian juga telah menyiapkan projek solar hibrid di Pulau Banggi pada bulan Disember 2008 yang bernilai RM21.0 juta dan memberi manfaat kepada 602 buah rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian juga telah siap melaksanakan projek turbin angin di Pulau Perhentian, Terengganu pada bulan September 2007. Projek ini bernilai RM12.6 juta dan dibiayai secara perkongsian di antara Kementerian, Kerajaan Negeri Terengganu dan Tenaga Nasional Berhad. Kementerian juga kini sedang melaksanakan 4 projek turbin angin di Kg. Tinaum dan Kg. Mengkapoh, Ranau, Sabah serta di Kg. Arur Dalam, Bario dan Kg. Telok Melano, Lundu, Sarawak. Projek bernilai RM20.0 juta ini dijangka akan siap sepenuhnya sebelum

21 Julai 2009 dan akan memberi manfaat kepada kira-kira 200 buah rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sistem alternatif yang dilaksanakan oleh Kementerian direka bentuk untuk memberikan bekalan elektrik 24 jam, setanding bekalan elektrik yang menggunakan sambungan talian grid.

Sehingga akhir tahun 2008, liputan bekalan elektrik di Semenanjung telah mencapai 99.9%, di Sabah mencapai 80% dan di Sarawak mencapai 84%. Dari angka tersebut, kira-kira 0.5% liputan bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak diperolehi melalui pelaksanaan projek BELB alternatif ini, manakala selebihnya disumbangkan melalui pelaksanaan projek BELB sambungan talian grid.

Memandangkan masih banyak kawasan-kawasan pedalaman yang masih belum mendapat bekalan elektrik, Kementerian kini sedang dalam peringkat kajian untuk melaksanakan projek mikro hidro di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Sejumlah 70 buah kampung di Sarawak dan 40 buah kampung di Sabah telah disenarai pendek untuk dikaji khusus bagi pelaksanaan projek ini. Kementerian menjangkakan bahawa pelaksanaan projek akan dimulakan pada awal tahun 2010.

Kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek BELB alternatif di kawasan-kawasan yang tidak dapat diberi bekalan secara sambungan talian grid selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai sasaran liputan bekalan elektrik 100% pada akhir tahun 2015.

NO: 17.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB. DATUK BILLY ABIT JOO**  
**[ HULU RAJANG ]**  
**TARIKH JAWAPAN** : **24 JUN 2009 (RABU)**  
**DI DEWAN RAKYAT**  
**SOALAN** : **NO. 17**

**SOALAN**

**YB. DATUK BILLY ABIT JOO** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan berapakah jumlah dan di manakah tempat yang berpotensi untuk dijadikan pusat janaan kuasa hidro elektrik di Sarawak. Berapa megawatt akan diperoleh secara keseluruhannya dan adakah ini akan dapat menampung keperluan Malaysia pada tahun yang akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Negeri Sarawak mempunyai potensi kuasa hidro sekitar 20,000 Mega Watt (MW) iaitu daripada kawasan-kawasan lembah sungai seperti Murum, Baram, Baleh, Tutoh, Limbang, Lawas, Trusan dan sebagainya. Berdasarkan perancangan Kerajaan Negeri Sarawak, sebanyak lebih kurang 5,000MW akan dibangunkan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2020 sejajar dengan inisiatif *Sarawak Corridor on Renewable Energy (SCORE)*, dengan izin. Sumber hidro ini bukan sahaja dapat menampung permintaan elektrik di negeri Sarawak, malah ia

juga dapat menampung keperluan bekalan elektrik di Semenanjung untuk tempoh sehingga tahun 2020.

Kita sebenarnya bertuah kerana Sarawak mempunyai potensi hidro yang besar yang boleh turut dimanfaatkan bagi memenuhi keperluan elektrik di Semenanjung Malaysia. Pembangunan sumber hidro di Sarawak akan dapat mempelbagaikan sumber penjanaan elektrik negara ke arah menghasilkan campuran penjanaan yang optimum sejajar dengan Dasar Kepelbagaian Bahan Api 1981 dan Dasar Lima Bahan Api 2001 yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Melalui Dasar-Dasar tersebut, hidro telah digariskan sebagai salah satu daripada bahan api bagi penjanaan elektrik di negara ini bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api gas dan arang batu. Usaha untuk mempelbagaikan bahan api bagi penjanaan elektrik ini dibuat bagi memastikan pengguna mendapat bekalan elektrik yang sentiasa mencukupi, berdaya harap serta pada harga yang berpatutan tanpa mengabaikan kelestarian alam sekitar.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **TUAN MANIKAVASAGAM A/L  
SUNDARAM (KAPAR)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **24.06.2009**

**Tuan Manikavasagam a/l Sundaram (Kapar) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-**

- a) Adakah Kerajaan akan bercadang untuk mengurangkan kadar faedah kad kredit daripada 18% kepada 10% dan menghapuskan caj lambat bayar sebanyak 1% yang dikenakan oleh bank; dan
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk melindungi pengguna kad kredit daripada ditindas oleh bank dengan pelbagai caj-caj tambahan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kadar faedah kad kredit di Malaysia merupakan antara kadar faedah yang terendah di Asia, di mana kadar yang dikenakan oleh pengeluar kad kredit di negara lain adalah antara 18% hingga 42% setahun. Kos perniagaan kad kredit adalah tinggi kerana ia melibatkan penggunaan infrastruktur dan rangkaian sistem antarabangsa serta melibatkan pemberian kredit kepada pengguna tanpa memerlukan jaminan atau cagaran. Oleh itu, bagi membolehkan pengguna kad menikmati kemudahan kredit secara mudah pada

bila-bila masa sama ada di dalam atau luar negara, pengeluar kad kredit perlu menanggung kos berkaitan risiko kredit dan penipuan, kos pentadbiran infrastruktur serta kos pentadbiran. Bagi kos penanggungan risiko kredit, ia termasuk bayaran kredit biro, kos kutipan pembayaran balik pinjaman serta yuran dan perbelanjaan berkaitan kutipan hutang lapuk kad kredit. Di samping itu, pengeluar kad kredit mengenakan caj lewat bayar sebagai langkah bagi mengelakkan kelewatan pembayaran balik pinjaman dan sekali gus memupuk disiplin kewangan di kalangan pengguna.

2. Bagi menggalakkan pengurusan kewangan berhemat di kalangan pengguna kad kredit di Malaysia, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan yang menghendaki pengeluar kad kredit mengamalkan struktur kadar faedah bertingkat (*tiered pricing*) bagi kad kredit. Di bawah struktur ini, pengguna kad kredit akan dikenakan caj kewangan mengikut peringkat (*tier*) yang telah ditetapkan berdasarkan tabiat pembayaran balik pinjaman kad kredit pada setiap bulan.

3. Berikutan pengumuman oleh Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia, berkuat kuasa 31 Mac 2009, kadar faedah atau caj kewangan maksimum yang boleh dikenakan oleh institusi pengeluar kad kredit adalah 17.5% setahun atau 1.45% sebulan. Pemegang kad yang menyelesaikan sekurang-kurangnya jumlah minimum yang perlu dibayar setiap bulan tepat pada waktunya untuk 12 bulan berturut-turut, caj kewangan akan dikurangkan kepada tidak lebih daripada 13.5% setahun. Pemegang kad yang menyelesaikan jumlah minimum yang perlu dibayar sekurang-kurangnya 10 bulan daripada kitaran 12 bulan, caj kewangan akan dikurangkan kepada tidak lebih daripada 16% setahun. Selain daripada itu, kadar maksimum caj lewat bayar iaitu 1% dikenakan ke atas jumlah hutang tertunggak, tertakluk kepada bayaran minimum RM10 atau maksimum sebanyak RM100, yang mana lebih tinggi, telah dikurangkan kepada minimum RM5 dan maksimum sebanyak RM75.

4. Di samping itu, sesetengah pengeluar kad kredit di Malaysia menawarkan kadar faedah serendah 9% kepada pemegang kad peringkat pertama (*Tier 1*)

mereka. Oleh itu, para pengguna mempunyai pilihan untuk memilih kad kredit daripada pengeluar yang menawarkan kadar faedah atau pakej yang lebih rendah dan menarik.

5. Caj-caj lain yang dikenakan oleh institusi pengeluar kad kredit seperti yuran penyertaan, yuran tahunan dan yuran pendahuluan tunai bergantung kepada institusi-institusi pengeluar kad kredit berdasarkan strategi perniagaan masing-masing. Walau bagaimanapun, institusi pengeluar kad kredit perlu berpandukan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam garis panduan Bank Negara Malaysia mengenai *Imposition of Fees and Charges on Banking Products and Services* apabila mengenakan caj-caj tersebut.

SOALAN NO: 319

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN**  
**[ ALOR GAJAH ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2009**  
**RUJUKAN : 1840**

**SOALAN:**

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada kerajaan bercadang menaikkan hukuman kepada penjenayah terutama peragut dan Mat Rempit memandangkan terdapat banyak kes yang mengakibatkan kehilangan nyawa baru-baru ini dan ini akan menjejaskan imej Negara.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Alor Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, undang-undang yang berkuatkuasa sekarang adalah memadai untuk menghukum mana-mana individu yang terlibat di dalam kegiatan jenayah termasuk jenayah ragut.

Mengikut statistik sejak tahun 2005 hingga bulan Mei 2009, jenayah ragut yang melibatkan kematian adalah sebanyak tujuh (7) kes daripada 41,732 kes ragut yang dilaporkan. Sehubungan dengan hukuman yang dikenakan buat masa kini, Kerajaan sedang membuat kajian di atas kewajaran untuk meningkatkan hukuman yang lebih berat ke atas peragut.

Pada masa ini, Kerajaan juga sedang mengkaji cadangan untuk meminda beberapa peruntukan sedia ada di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ) bagi mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah lumba haram (samseng jalanan).

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama berganding bahu dengan Kerajaan di dalam usaha membendung jenayah ragut dan Mat Rempit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN**  
**[KULIM BANDAR BARU]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN :**

**TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) Apakah rasional Kerajaan mengarahkan dasar *Common Religion* dilaksanakan?
- (b) Adakah Kerajaan sedar dasar tersebut bercanggah bukan sahaja dengan Hukum Syarak malahan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan?

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

- (a) Menurut Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, tertakluk kepada Fasal (4) Perkara 11, mengembangkannya. Berdasarkan peruntukan ini adalah jelas bahawa seseorang itu bebas memilih agama yang hendak dianutinya dan tiada mama-mana orang boleh dipaksa untuk menganuti atau menukar agamanya. Inilah prinsip yang terkandung di dalam dasar *Common Religion*. Walaubagaimanapun, Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada seseorang ibu atau bapa atau penjaga untuk menetapkan agama seseorang yang berumur di bawah 18 tahun.

Perkara ini telah pun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Subashini a/p Rajasingan v saravanan a/l Thangathoray* [2008] 2 MLJ 147. Mengenai tafsiran perkataan "*parent*" itu membawa maksud mufrad ("*singular*") dan

bukannya jamak (*“plural”*). Oleh itu, seseorang ibu atau bapa yang menukar agamanya mempunyai hak di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menetapkan agama anaknya yang berumur di bawah 18 tahun dan tidak timbul perbuatan memaksa seseorang kanak-kanak itu untuk menukar agamanya.

- (b) Menteri bersetuju terhadap prinsip bahawa agama anak-anak adalah menurut agama asal ibubapa semasa perkahwinan. Oleh itu, tiada pertukaran agama secara automatik terhadap anak-anak untuk mengikut agama baru salah seorang dari ibu atau bapa yang menganut agama Islam. Namun begitu, Kerajaan tetap akur kepada hak yang diberikan kepada ibu atau bapa menurut peruntukan yang sedia ada dan hak itu hendaklah dikekalkan dan tiada apa-apa pindaan dicadangkan terhadap peruntukan itu. Justeru, berdasarkan Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan, ibu atau bapa atau penjaga seorang kanak-kanak di bawah umur 18 tahun berhak untuk menentukan agama kanak-kanak itu.

Walaupun peruntukan Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan penentuan status agama anak yang berumur di bawah 18 tahun tidak dipinda, namun bagi mengatasi masalah hak jagaan anak dalam kes penukaran agama, pindaan akan dibuat kepada Akta Membahru Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]. Melalui pindaan-pindaan ini kebajikan anak-anak akan menjadi fokus utama dan bukan perbalahan ibu dan bapa mengenai hak jagaan. Adalah diharapkan melalui pindaan-pindaan itu, masalah perundangan dan sosial yang berbangkit dari pemeluk Islam oleh salah seorang pasangan bukan Islam seperti isu pembubaran perkahwinan, nafkah, hak jagaan anak dan pembahagian harta perkahwinan akan dapat diatasi.

Rang Undang-Undang bagi pindaan-pindaan ini akan dibentangkan pada hujung Mesyuarat Kedua ini. Perbahasan

**NO. SOALAN : 20**

lanjut mengenai isu ini boleh dibangkitkan semasa membahaskan RUU berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
(PAYA BESAR)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN :**

**DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar penggunaan jenama bir halal oleh syarikat pengedar minuman tersebut bukan sahaja mengelirukan masyarakat Islam tetapi turut menyemai bibit-bibit kemudaratan sosial di kalangan umat Islam. Apakah tindakan susulan Kerajaan mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN :**

Kerajaan melalui Jakim bahawa syarikat yang mengeluarkan bir halal tersebut (*Istac*) tidak pernah membuat apa-apa permohonan pengesahan halal kepada *Halal Development Corporation* (HDC) bagi

mendapatkan kelulusan penggunaan jenama tersebut. Syarikat berkenaan adalah syarikat daripada luar negara yang telah membuat pameran mengenai produk halal di Malaysia. Dalam hal ini Kerajaan telah memberi pandangan dan nasihat pada syarikat tersebut agar dapat mempamer dan menjual produk-produk halal kepada masyarakat Islam di negara ini serta haruslah sensitif terhadap penggunaan nama dan penjenamaan terhadap produk yang dihasilkan, walaupun ianya halal dari sudut penggunaan.

Dalam Akta Perihal Dagangan, menurut 'Mukaddimah' Akta ini, tujuan Akta Perihal Dagangan 1972 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) diwujudkan ialah:

"Suatu Akta bagi menyatukan dan meminda Undang-Undang berhubung dengan cap barang dagangan dengan peruntukan-peruntukan baharu yang melarang salah perihal mengenai barang-barang yang diadakan dalam perjalanan perdagangan dan penunjukkan-penunjukkan yang palsu atau mengelirukan tentang harga barang-barang, bayaran atau kadar bagi perkhidmatan,

tempat tinggal atau kemudahan dan untuk mengawalselia, mengawal atau melarang membuat pernyataan-pernyataan yang palsu atau mengelirukan tentang apa-apa perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan-kemudahan yang di dalam tempoh perjalanan atau perniagaan, memberi kuasa untuk menghendaki maklumat atau arahan-arahan berhubung dengan barang-barang yang dicap atau supaya disertakan dengan barang-barang itu atau supaya dimasukkan dalam iklan-iklan; dan bagi maksud-maksud yang berkaitan.”

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM  
[KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**RUJUKAN : 1842**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Bin Kasim [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai jumlah pendatang yang telah memohon dan diberi taraf warganegara Malaysia, serta bilangan mengenai kes-kes jenayah yang dilakukan oleh mereka dan adakah kerakyatan itu akan ditarik balik.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Kedah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya orang asing yang telah diluluskan taraf Pemastautin Tetap dan telah tinggal di Malaysia tidak kurang daripada 12 tahun, serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja layak memohon taraf kewarganegaraan Malaysia secara masukan di bawah Perkara 19 kurungan 1 Perlembagaan Persekutuan.

Dari 31 Ogos 1957 sehingga April 2009, seramai **satu juta sembilan ratus empat puluh tujuh ribu satu ratus lima puluh enam orang (1,947,156)** Pemastautin Tetap telah memohon taraf kewarganegaraan Malaysia. Daripada jumlah tersebut, seramai **satu juta tiga ratus empat puluh empat ribu dua ratus lapan puluh tujuh orang (1,344,287)** telah diberi taraf kewarganegaraan Malaysia.

Daripada jumlah ini, seramai **337 orang** telah dikesan melakukan kes jenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin menyatakan di sini bahawa sekiranya mereka yang telah diberikan taraf kewarganegaraan ini didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman sama ada **penjara tidak kurang daripada dua belas bulan, atau denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit, dan hukuman itu dikenakan dalam tempoh lima tahun daripada tarikh mereka mendapat kewarganegaraan,** maka taraf kewarganegaraan mereka boleh dilucutkan mengikut peruntukan di bawah **Perkara 25 kurungan 1 kurungan c Perlembagaan Persekutuan.**

Tuan Yang Dipertua,

Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa taraf kewarganegaraan yang diberikan kepada seseorang **boleh ditarik balik atau dilucutkan** sekiranya mereka didapati melanggar peruntukan-peruntukan di bawah **Perkara 24, 25 dan 26** Perlembagaan Persekutuan.

Tindakan melucutkan taraf kewarganegaraan boleh diambil setelah Kerajaan berpuas hati bahawa terdapat bukti-bukti sahih yang menunjukkan mereka telah melakukan kesalahan-kesalahan yang melanggar peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan seperti yang saya nyatakan sebentar tadi.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MOHAMAD  
SHAHRUM BIN OSMAN  
(LIPIS)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN :**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan tumpuan khusus Kementerian yang memberi penekanan aspek pembangunan insan bagi memastikan penduduk luar bandar tidak ketinggalan dalam menikmati kemajuan negara selaras dengan konsep Satu Malaysia.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang dipertua,

KKLW akan terus melaksanakan pelbagai program pembangunan modal insan luar bandar bagi mencapai matlamat melahirkan masyarakat desa yang berpengetahuan dan berkemahiran selaras dengan konsep Satu Malaysia.

Dalam tempoh RMKe-9, KKLW telah diperuntukkan sejumlah RM939.6 juta bagi melaksanakan program-program seperti kursus-kursus kemahiran (menjahit, memasak dan urutan), keusahawanan, kepimpinan, ICT, pendidikan pra sekolah serta program Pusat Sumber.

Sehingga tahun 2008, KKLW telah membelanjakan sejumlah RM428.5 juta (46%) bagi melaksanakan program-program tersebut. Secara ringkasnya, pencapaian program-program modal insan luar bandar bagi tahun 2008 adalah seperti berikut :

- a. Seramai 1,547 peserta menerima latihan Kemahiran di peringkat sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1,2,3 dan Diploma;
- b. Seramai 4,706 peserta menerima latihan keusahawanan;
- c. Seramai 8,088 orang pemimpin-pemimpin (JKKK/P) dilatih di bawah Kursus Kepimpinan anjuran INFRA;
- d. Seramai 13,420 peserta menerima latihan Asas ICT ; dan

- e. Seramai 187,024 kanak-kanak mendapat pendidikan pra sekolah di 8,364 kelas Tabika KEMAS.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG]

**TARIKH** : 24 JUN 2009 (RABU)

**SOALAN** :

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah alasan projek naik taraf melebarkan jalan Persekutuan dari Plaza Tol Rawang Lebuhraya PLUS ke Bandar Rawang dan ke Bandar Tasik Puteri belum dimulakan dan jangkakan projek tersebut akan disiapkan.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos Projek Menaiktaraf laluan FT3209 dan Jalan Negeri B27, Jalan Rawang ke Tasek Puteri ialah RM235 juta. Pada masa ini, kerja-kerja mereka bentuk telah siap.

Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat dilaksanakan pada masa ini kerana siling peruntukan tidak mencukupi. Kementerian mencadangkan projek ini dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMK-10).

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD. NOR BIN OTHMAN  
(HULU TERENGGANU)**

**TARIKH : 24.06.2009**

**SOALAN:**

**TUAN HAJI MOHD. NOR BIN OTHMAN (HULU TERENGGANU)** minta Menteri Pelajaran menyatakan perbelanjaan yang telah digunakan bagi menaik taraf talian Internet di sekolah yang masih menggunakan teknologi *Very Small Aperture Terminal* (VSAT) yang perlahan berbanding *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL)

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua

Dalam usaha meningkatkan kualiti prasarana pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menjalinkan kerjasama dengan Kementerian berkaitan dalam melaksanakan projek rangkaian SchoolNet bagi mengatasi jurang digital sekolah-sekolah di seluruh negara. Sebagai usaha untuk memantapkan prestasi jalur lebar SchoolNet bagi menyokong pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, pihak KPM telah mengambil inisiatif melaksanakan peningkatan rangkaian jalur lebar dari 1 Mbps kepada 4 Mbps menggunakan teknologi *VPN Bonded Broadband* di 600 lokasi dengan kos berjumlah RM60 juta. KPM amat mengharapkan agar guru-guru menggunakan kemudahan yang disediakan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran agar menarik, tidak membosankan dan berkesan kepada murid-murid.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**RUJUKAN : 1846**

**SOALAN:**

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan konkrit yang akan diambil oleh Jabatan Imigresen dan Kementerian Kesihatan untuk memperbaiki keadaan di Depot-depot Tahanan Imigresen apabila terdapat kes kematian dua orang tahanan di Depot Tahanan Imigresen Juru baru-baru ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ipoh Timur yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes kematian di Depot Tahanan Imigresen Juru baru-baru ini merupakan satu kes yang terpencil. Tahanan di Depot ini dijangkiti oleh penyakit wabak tikus (leptospirosis).

Keadaan keselamatan dan kesihatan tahanan-tahanan di Depot-Depot Tahanan sentiasa diberi keutamaan. Beberapa langkah pencegahan diambil oleh Jabatan Imigresen Malaysia untuk menjamin bahawa tahap keselamatan dan kesihatan adalah sentiasa tinggi. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah:-

1. Menjemput pihak berkuasa seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Kementerian Kesihatan untuk mengadakan lawatan dan pemeriksaan berkala untuk memeriksa tahap keselamatan dan kesihatan sentiasa berada pada tahap yang tinggi.
2. Memastikan supaya makanan yang disajikan kepada tahanan Depot adalah bersih dan berkualiti. Penyedia makanan di Depot wajib diberi suntikan oleh pihak Kesihatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD  
[SIPITANG]

**TARIKH** : 24 JUN 2009 (RABU)

**SOALAN** :

**DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] MINTA  
MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah yang diambil untuk  
meningkatkan tahap dan standard Lebuhraya Persekutuan yang  
terdapat di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha meningkatkan tahap infrastruktur di Sabah. Sebagai bukti, peruntukan pembangunan Kementerian Kerja Raya bagi Negeri Sabah semasa RMK-7 hanya RM1.357 bilion. Kemudian ditambah kepada RM2.467 bilion dalam RMK-8 dan kini peruntukan diluluskan dalam RMK-9 adalah sebanyak RM2.608 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 92.2% berbanding RMK-7.

Tuan Yang Dipertua,

Di samping melebar dan menaik taraf jalan persekutuan ke tahap yang lebih tinggi, Kerajaan Persekutuan juga telah meningkatkan tahap keselamatan jalan persekutuan tersebut seperti menyediakan lampu-lampu isyarat jalan, memasang lampu jalan raya di persimpangan jalan, menaik taraf bahu jalan bagi jalan persekutuan dan membina lorong memotong untuk jalan raya seperti Papar Beaufort, Ranau - Sandakan, Lahad Datu Tawau.

## **Bahagian B**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi skop penyenggaraan pula, Pihak Kementerian sememangnya sedar akan keadaan kerosakan sebahagian jalan persekutuan di Sabah. Bagi mengatasinya, pihak Kementerian Kerja Raya bersama-sama JKR Sabah telah mengenal pasti lokasi-lokasi yang mengalami kerosakan teruk di jalan tersebut.

Bagi jalan-jalan yang boleh dibaiki melalui skop penyenggaraan rutin oleh konsesi, ianya sentiasa dilaksanakan oleh syarikat konsesi dan bagi jalan-jalan yang rosak dan tidak termasuk dalam skop penyenggaraan rutin konsesi, peruntukan telah diberi untuk membaiki jalan-jalan tersebut. Pada tahun 2009 ini sahaja, sebanyak RM47 juta telah pun diluluskan bagi tujuan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN

TARIKH: 24 JUN 2009

SOALAN:

**Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja sama ada dalam sektor awam dan swasta dalam negeri dan berapakah jumlah yang telah diambil berkhidmat / bekerja serta terangkan status masing-masing.

PR-022-L19456

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akibat daripada kesan kelembapan ekonomi global yang melanda negara ini sejak dari bulan Oktober 2008, majikan yang terlibat terpaksa mengambil langkah mengurangkan tenaga kerja bagi mengurangkan kos operasi. Sehingga 23 Jun 2009 seramai 28,851 pekerja tempatan dan asing telah diberhentikan kerja secara tetap dan seramai 8,908 pekerja telah diberhenti kerja secara sukarela (*voluntary*).

Kementerian Sumber Manusia telah dan sedang melaksanakan pelbagai program bagi membantu pekerja yang diberhentikan kerja untuk mendapatkan pekerjaan. Melalui program tersebut, seramai 11,051 pekerja yang diberhentikan telah pun dibuat

penempatan. Bilangan ini akan meningkat apabila mereka yang sedang dan akan dilatih di bawah program *Train and Place* menamatkan kursus mereka dengan jayanya dan dibuat penempatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, tiada pegawai awam lantikan tetap yang diberhentikan (*retrenchment*) atas sebab ketidakupayaan Kerajaan membayar emolumen dalam tempoh kegawatan ekonomi ini. Sebaliknya, Kerajaan telah mengambil langkah menggiatkan lagi pengambilan bagi mengisi kekosongan 50,000 jawatan tetap dan akan melantik secara kontrak sejumlah 13,000 tenaga kerja seperti diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua. Bagi maksud mengisi kekosongan sejumlah 50,000 jawatan, Kerajaan telah melantik seramai 14,998 orang dan seramai 5,066 orang lagi dilantik secara kontrak untuk mengisi 13,000 tenaga kerja berkenaan.

No: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH (LIMBANG)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN [74]  
29** : Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang akan dibuat oleh Kerajaan atas caj perkhidmatan transit yang dikenakan oleh Jabatan Kastam Kerajaan Negara Brunei Darussalam sebanyak Dollar 25 hingga 100 untuk setiap kenderaan persendirian atau perdagangan yang melintasi negara tersebut selain cukai.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia dan Negara Brunei Darussalam mempunyai asas hubungan yang amat kukuh yang telah terjalin sekian lama. Atas dasar ini, kedua-dua pihak telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menjalinkan hubungan yang lebih erat dan meluas didalam pelbagai bidang kerjasama demi manfaat bersama.

Adalah menjadi harapan Malaysia supaya hubungan erat yang sedia terjalin akan terus diperluaskan dan diperkukuhkan lagi. Di dalam konteks ini, Kementerian ini mengambil maklum akan kegusaran dan implikasi impak dari sudut ekonomi apabila caj perkhidmatan yang tinggi yang dikenakan oleh Kastam dan Eksais Diraja Brunei Darussalam ke atas barangan yang dibawa melalui pusat pemeriksaan di sempadan Malaysia-Brunei sejak 1 April lalu.

Tuan Yang Dipertua,

Perkembangan dan kesejahteraan ekonomi kedua-dua buah negara adalah saling bergantung dan boleh dipertingkatkan lagi. Di dalam hubungan ini, Malaysia dan Brunei haruslah bersama berikhtiar

mencari jalan untuk menggalakkan lagi hubungan perdagangan dan perlaburan antara sektor swasta kedua-dua buah negara. Kementerian ini yakin bahawa masih ada ruang untuk kedua pihak untuk mengkaji semula caj bayaran tersebut dan bercadang untuk memasukkan isu tersebut dalam agenda semasa Rundingan Tahunan antara Y.A.B. Perdana Menteri dengan Paduka Seri Baginda Sultan Brunei Darussalam yang dijadualkan pada awal bulan Ogos kelak.

## SOALAN NO.30

### PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
**KAWASAN** : KUALA SELANGOR  
**TARIKH** : 24.06.09 (RABU)

YB. DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang kajian yang dibuat oleh Kerajaan sebagai asas dalam membuka keputusan untuk meliberalisasikan 27 sub-sektor perkhidmatan. Apakah sektor-sektor yang bakal mendapat manfaat dan apakah sektor-sektor yang diunjurkan menghadapi saingan sengit dari pihak luar.

### JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Keputusan Kerajaan untuk meliberalisasikan 27 sub-sektor perkhidmatan dibuat selepas Kementerian-kementerian yang terlibat menjalankan kajian yang terperinci. Dalam pada itu, Kerajaan juga telah mendapatkan maklum balas daripada pihak industri dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat. Asas-asas kepada tindakan liberalisasi ini adalah sebagaimana berikut:

- meletakkan Malaysia pada landasan yang betul untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020;

- **melonjakkan kedudukan negara daripada negara berpendapatan sederhana tinggi kepada negara berpendapatan tinggi;**
- **mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi;**
- **menstrukturkan semula ekonomi untuk mengukuhkan daya saing;**
- **mempelbagaikan sumber pertumbuhan dan eksport; dan**
- **meningkatkan pelaburan asing.**

**Antara kriteria yang diambil kira dalam menentukan sub-sektor –sub-sektor yang terlibat dalam liberalisasi serta-merta ini adalah:**

- **sub-sektor - sub-sektor berkenaan mempunyai potensi untuk menarik pelaburan asing. Pada masa ini, pelaburan asing hanya mewakili 11 peratus daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkhidmatan berbanding dengan 40 peratus dalam sektor perkilangan;**
- **sebahagian daripada sub-sektor yang dibuka pasaran telah pun diliberalisasikan sebelum ini seperti sub-sektor teknologi maklumat;**
- **sebahagian daripada sub-sektor ini merupakan perkhidmatan khusus di mana Malaysia tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut; dan**
- **sebahagian daripada sub-sektor ini memerlukan pelaburan yang tinggi dan mengambil masa untuk menghasilkan keuntungan.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Langkah liberalisasi ini dijangka akan memberikan manfaat kepada semua sub-sektor perkhidmatan yang terlibat. Antara faedah yang bakal diraih daripada liberalisasi ini adalah:**

- **meningkatkan pelaburan asing dalam sub-sektor – sub-sektor yang kurang diceburi oleh pelabur tempatan;**
- **menambah peluang pekerjaan terutamanya pekerjaan bernilai tinggi;**
- **kemasukan kepakaran khusus dan teknologi yang akan membantu dalam pemindahan teknologi;**
- **menambah kapasiti baru dalam sub-sektor – sub-sektor yang belum diceburi oleh pelabur tempatan;**
- **menyediakan peluang untuk usaha sama domestik dan luar negara;**
- **menyediakan kepastian perundangan (*legal certainty*) bagi pelabur-pelabur asing yang ingin melabur di Malaysia; dan**
- **meningkatkan daya saing penyedia perkhidmatan tempatan.**

**Perlu ditekan bahawa, sub-sektor- sub-sektor yang terlibat tidak akan bersaing secara langsung, tetapi akan menjadi pelengkap kepada penyedia perkhidmatan sedia ada dan meningkatkan daya saing negara.**

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE  
[ TENGGARA ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**RUJUKAN : 1848**

**SOALAN:**

**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikutan di Malaysia di anggarkan terdapat kira-kira 200,000 ribu Mat Rempit. Mat Rempit ini terlibat dengan kegiatan yang melanggar undang-undang dan sedang mengancam keselamatan nyawa masyarakat dengan perilaku jenayah mereka yang menjadikan masyarakat sentiasa di belenggu ketakutan justeru apakah penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan terhadap isu yang sedang mengancam keselamatan rakyat dan negara.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tenggara yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius perkara ini dan telah merangka pelan tindakan jangka pendek dan panjang bagi menangani gejala rempit (samseng jalanan).

Bagi pelan tindakan jangka pendek, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khususnya Cawangan Trafik telah mengadakan operasi-operasi Lumba Haram secara besar-besaran dan berterusan di seluruh negara. Hasil daripada 1,653 operasi yang diadakan sepanjang 1 Mei 2009 sehingga 14 Jun 2009, seramai 127 orang samseng jalanan telah ditangkap dan 77 orang daripadanya telah didakwa di Mahkamah.

Pihak polis juga telah mengadakan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membendung aktiviti lumba haram dan samseng jalanan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh jangka panjang, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bertujuan untuk menangani isu ini secara bersepadu dan menyeluruh. Jawatankuasa Bersama berkenaan akan menumpukan kepada aspek-aspek berikut:-

- (i) Pindaan dan penambahbaikan perundangan yang sedia ada;
- (ii) Pelan tindakan penguatkuasaan dan operasi;
- (iii) Pemulihan dan kaunseling;
- (iv) Pelaksanaan program dan aktiviti bagi golongan sasaran (belia dan remaja); dan
- (v) Kesedaran awam.

Ingin saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat tidak kira daripada pihak pembangkang atau penyokong Kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia supaya bersama-sama membantu Kerajaan di dalam usaha membendung gejala lumba haram dan 'samseng jalanan' dari terus bermaharajalela.

SOALAN NO: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**[ BANDAR KUCHING ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2009**  
**RUJUKAN : 1847**

**SOALAN:**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mempertingkatkan disiplin pasukan polis dan mencegah rasuah di kalangan pasukan polis dan adakah langkah-langkah itu berkesan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mempertingkatkan disiplin dan mencegah rasuah di kalangan anggota polis ialah seperti mengadakan kursus motivasi, seminar dan bengkel dengan melibatkan Unit Bahagian Agama dan Bahagian Kaunseling (BAKA) yang baru diwujudkan. Kursus-kursus berhubung integriti ini akan dijalankan secara berkala bagi memastikan amalan berintegriti menjadi budaya pasukan Polis Diraja Malaysia. Selain itu, pengurusan atasan Polis Diraja Malaysia turut memperkenalkan pemakaian lencana dengan slogan "Integriti Amalan Kita". Poster-poster serta pelekat kereta berslogan turut diedar ke seluruh peringkat bermula di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, hinggalah ke peringkat Kontinjen, Briged dan Formasi.

Tuan Yang Dipertua,

Penyiasatan berhubung kes-kes tatatertib turut dijalankan secara menyeluruh dengan adil dan telus tanpa mengira pangkat anggota yang terlibat. Bagi memastikan pengurusan tatatertib PDRM berjalan

dengan lancar, mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Tatatertib dan Pencegahan Rasuah (JPTMR) turut diadakan dari masa ke semasa. Melalui Arahan Pentadbiran Bil. 2/2006 oleh Pengarah Pengurusan PDRM, Sistem Kawalan Disiplin dan Dadah (SKDD) telah dilaksanakan bagi memantau disiplin anggota dan pegawai polis secara sistematik dan lebih berkesan. Orang awam juga tidak terkecuali dan boleh memainkan peranan dalam memantau disiplin pihak polis di mana segala aduan berhubung mana-mana salah laku yang dilakukan oleh anggota atau pegawai polis boleh dilaporkan melalui laman web rasmi PDRM, iaitu [www.rmp.gov.my](http://www.rmp.gov.my).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING (TAIPING)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapa pengguna streamyx mengalami kehilangan paket data Internet yang mencecah 45 peratus terutamanya ke destinasi Amerika Syarikat dan nyatakan tindakan yang telah diambil oleh MCMC untuk memantau dan menyelesaikan masalah ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya pengguna akan mengalami kehilangan paket data (*packet loss*) dalam komunikasi internet apabila maklumat atau data yang dihantar melalui komputer (PC) ke suatu pelayan (server) di destinasi yang dituju tidak mendapat atau menerima tindak balas daripada "*Internet Control Message Protocol (ICMP) Echo*".

Ini boleh berpunca daripada beberapa faktor seperti bebanan ke atas komputer (*PC busy*), penurunan signal (*signal degradation*), paket rosak (*corrupted packets*), kerosakan peralatan rangkaian (*faulty networking hardware*) dan pelayan yang dihubungi sibuk atau terlebih bebanan (*destination server busy*).

Selain daripada itu, masalah dan kesesakan laluan (*route congestion/routing*) juga boleh mengakibatkan pelanggan internet mengalami kehilangan paket (*packet loss*). Insiden akibat kerosakan atau kemalangan yang menyebabkan terputusnya sistem kabel dasar laut yang berlaku pada Disember 2008 serta pada Januari, Februari dan Mac 2009 dipercayai berpunca daripada aktiviti nelayan YANG telah mengakibatkan gangguan perkhidmatan kepada internet. Ini juga telah mengakibatkan kehilangan paket (*packet loss*) kepada pengguna yang melalui laluan ke Eropah, Amerika Syarikat dan Asia Utara.

Bagi mengatasi masalah kehilangan paket (*paket loss*) ini, pihak TM telah menjalankan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan Streamyx. Di antara inisiatif yang telah dilakukan adalah dengan meningkatkan kapasiti untuk domestik (IP Core) dan laluan antarabangsa. TM juga telah menambah sebanyak 2X10G IP Port ke Europe & 10G ke LA Equinix di Amerika. Di samping itu juga, pihak TM telah merancang untuk menambah kapasiti jalur lebar melalui projek sistem kabel dasar laut AAG (Asia-America Gateway) yang dijangka dapat beroperasi sepenuhnya pada suku tahun ketiga 2009.

**SOALAN NO.34**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD**  
**KAWASAN : PARIT SULONG**  
**TARIKH : 24.06.2009 (RABU)**

**Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD** [Parit Sulong] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah penurunan pelaburan asing yang dialami negara ketika ini dan sektor-sektor pelaburan yang terlibat dalam penurunan ini. Bagaimanakah kementerian boleh mengatasi kemelesetan atau penurunan pelaburan asing ini.

**Jawapan**

**Tuan Yang Dipertua,**

Dari segi pelaburan, Malaysia merupakan destinasi yang terus mendapat perhatian pelabur asing. Pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor perkilangan telah mencatat peningkatan ketara untuk tempoh tiga tahun berturut-turut bagi tahun 2006, 2007 dan 2008 iaitu masing-masing sebanyak RM20.2 bilion, RM33.4 bilion, dan RM46.1 bilion.

Bagi tempoh Januari hingga April 2009, jumlah FDI yang diluluskan adalah sebanyak RM4.4 bilion dalam sektor produk elektronik dan elektrik, kimia dan produk kimia dan produk logam fabrikasi. Manakala bagi tempoh yang sama untuk tahun 2008 jumlah FDI yang diluluskan adalah sebanyak RM16.6 bilion dalam sektor produk logam asas, kimia dan produk kimia dan produk elektronik dan elektrik.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah agresif dan proaktif bagi meningkatkan daya saing negara serta menarik pelaburan asing dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan ke Malaysia.

Bagi memastikan iklim pelaburan di Malaysia adalah kondusif dan berdaya saing, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- pelaksanaan dasar pelaburan yang liberal dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing;
- menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan bagi menilai dan meluluskan permohonan pelaburan yang memberi impak tinggi kepada negara;
- memberi tumpuan utama kepada industri berteknologi tinggi, berintensifkan modal, berasaskan sumber serta mempunyai nilai tambah yang tinggi;

- menggalakkan syarikat baru dan syarikat yang beroperasi di Malaysia untuk membesar dan mempelbagaikan operasi dengan menawarkan insentif-insentif fizikal dan bukan fizikal;
- mengambil langkah untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan;
- menandatangani perjanjian-perjanjian perdagangan bebas;
- menganjurkan pelbagai program menggalakkan pelaburan termasuk misi perdagangan dan pelaburan serta misi projek spesifik ke luar negara sumber pelaburan asing;
- mengeluarkan Lesen Pengilang secara automatik berkuatkuasa mulai 1 Disember 2008, kecuali untuk aktiviti yang melibatkan keselamatan, kesihatan, alam sekitar dan yang berkaitan dengan keagamaan di mana surat penilaian kelulusan masih diperlukan untuk pengeluaran lesen pengilang; dan
- meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Kerajaan seperti:
  - memendekkan jangka masa pemulangan cukai dan proses penilaian duti setem masing-masing daripada satu tahun kepada 14 hingga 30 hari, dan dari 26 hingga 86 hari kepada 10 hingga 16 hari masing-masing;

- **memendekkan masa yang diperlukan untuk meluluskan lesen perniagaan; dan**
- **pembangunan *Business Licensing Electronic Support Services* atau (BLESS) untuk membantu kelulusan lesen perniagaan secara dalam talian atau 'online'.**

\*\*\*\*\*

Ms: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)**  
**SOALAN : NO.35**

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah pro-aktif yang diambil oleh semua Naib Canselor universiti tempatan dalam menambahbaikkan prestasi universiti masing-masing terutama diperingkat antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa berusaha memperkasa dan menambah baik prestasi universiti tempatan. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dijadikan panduan kepada transformasi pengajian tinggi dan meningkatkan prestasi universiti tempatan di persada dunia.

Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak pengurusan universiti bagi memastikan kualiti universiti bertambah baik dari semasa ke semasa. Di antara langkah yang diambil ialah:-

- i. menyediakan prasarana dan persekitaran pembelajaran yang kondusif dengan memberi penekanan kepada aspek Pengajaran dan Pembelajaran yang merangkumi Sistem Jaminan Kualiti (Quality Assurance System) yang menyeluruh;
- ii. membuat penambahbaikan kurikulum secara berterusan dan mengadakan program latihan dan sangkutan industri untuk pelajar dan pensyarah;
- iii. Mempertingkatkan penggunaan Bahasa Inggeris secara meluas bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi untuk melahirkan graduan yang serba boleh dan memenuhi kehendak pasaran;
- iv. menghantar penyelidik menjalani latihan di makmal penyelidikan terkemuka dunia dan membawa masuk pakar penyelidik dari luar negara untuk berkhidmat di universiti Negara ini;
- v. meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa melalui program promosi yang dijalankan terutama bagi program pasca siswazah; dan
- vi. mempergiatkan program pra-siswazah di IPT masing-masing untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa seperti *Washington Accord* bagi program-program kejuruteraan, dan program profesional yang lain.

SOALAN NO: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' RASHID BIN DIN [ MERBOK ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2009**  
**RUJUKAN : 1841**

**SOALAN:**

**Dato' Rashid bin Din [ Merbok ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kos purata untuk membiayai seorang penagih dadah di Pusat Serenti daripada masuk hingga keluar, dalam tahun-tahun 2004 hingga 2008. Nyatakan peratusan kejayaan, yakni peratusan yang tidak kembali(relapse). Adakah peratusan ini menunjukkan peningkatan keberkesanan pemulihan yang dilaksanakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Merbok** yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos purata yang ditanggung untuk menampung pengurusan dan perbelanjaan penghuni di Pusat-pusat Serenti seluruh negara yang sekarang ini dikenali sebagai Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) untuk tahun 2004 dan 2005 adalah sebanyak RM12.07 sehari bagi seorang penghuni. Untuk tempoh dari tahun 2006 hingga 2008 kosnya pula adalah sebanyak RM19.77 sehari untuk seorang penghuni.

Ini bererti kos sebenar yang dibiayai oleh Kerajaan bagi setiap seorang penghuni untuk tempoh 24 bulan Program Pemulihan di PUSPEN bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah sebanyak RM14,234.40 seorang. Jumlah kos ini merangkumi perbelanjaan makan dan minum penghuni, perkhidmatan serta bekalan keperluan diri.

Tuan Yang Dipertua,

Peratusan kejayaan yang tidak kembali menagih semula atau *relapse* untuk tempoh 2007 hingga 2008 mengikut statistik yang diperolehi daripada Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) telah

menunjukkan kadar penurunan yang ketara. Pada tahun 2007 daripada 14,489 orang jumlah penagih dadah yang dikesan, 6,679 orang adalah penagih baru dan bakinya **7,810 orang** adalah **penagih berulang**. Sementara bagi tahun 2008, daripada 12,352 orang penagih yang dikesan, 5,939 orang adalah penagih baru dan bakinya **6,413 orang** adalah **penagih berulang**. Ini bererti berlaku **pengurangan sebanyak 17.9%** bagi penagih berulang.

Penurunan jumlah kes menagih semula ini merupakan satu indikator yang signifikan dalam menilai keberkesanan program pemulihan penagihan dadah di PUSPEN seluruh negara. Sekaligus menunjukkan Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan program-program pemulihan yang dilakukan di PUSPEN memenuhi kehendak semua pihak terutamanya masyarakat yang ingin penagih-penagih ini dapat kembali ke pangkuan masyarakat dan keluarga dalam keadaan yang bebas dari pengaruh dadah.

## SOALAN 37

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI  
SHUKRI [BATANG SADONG]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN : Meminta MENTERI**

#### **PELANCONGAN menyatakan:**

apakah inisiatif Kementerian untuk nilai aktiviti pelancongan negara, misalnya menggalak penanaman bunga raya supaya menghasilkan bunga secara serentak, mengadakan pesta buah-buahan pada masa-masa yang tertentu untuk dijadikan projek pelancongan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa mengambil inisiatif untuk menilai aktiviti-aktiviti pelancongan negara dalam usaha mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan yang terunggul di rantau ini. Oleh itu, Kementerian telah menggariskan strategi-strategi tertentu untuk mencapai sasaran bilangan pelancong ke Malaysia pada tahun 2009 seperti memberikan tumpuan kepada produk-produk khusus atau *niche* iaitu eko pelancongan, *Malaysia My Second Home* dan homestay bagi memenuhi pelbagai citarasa pelancong mengikut pasaran masing-masing.

Ini merupakan salah satu '***unique selling point***' yang digunakan untuk memasarkan Malaysia menerusi kempen pengiklanan antarabangsa dengan '***branding***' yang konsisten iaitu '***Malaysia Truly Asia***', yang menekankan bahawa Malaysia sebagai sebuah

negara yang mempunyai keunikan budaya dan seni masyarakat Malaysia serta kepelbagaian destinasi pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pesta Flora dan buah-buahan adalah termasuk dalam produk minat khas iaitu Agro pelancongan. Ini bermakna aktiviti-aktiviti Agro Pelancongan boleh dipakejkan dengan kerjasama pihak pengusaha-pengusaha pelancongan serta diberi publisiti oleh pihak media di samping menarik minat pelancong asing dan pelancong domestik.

Kementerian Pelancongan sentiasa memupuk pakatan strategik dan pengkongsian pintar antara agensi – agensi yang berkaitan seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam menarik minat pelancong mengenai acara-acara yang berkaitan dengan pertanian dan boleh menjadi produk pelancongan. Ini adalah dengan menyenaraikan dalam risalah ***‘Major Events and Festivals’*** yang diterbitkan pada setiap tahun.

Risalah ini menjadi panduan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan dan bakal pelancong mengenai acara utama yang terdapat di Malaysia pada setiap bulan. Malah pelancong-pelancong yang berminat boleh turut serta dalam memeriahkan lagi acara-acara yang diadakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI HARON  
( TANGGA BATU )

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.06.2009

Dato' Haji Idris bin Haji Haron ( Tangga Batu ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapakah masih ada caj kad kredit pelanggan oleh pihak bank kepada peniaga-peniaga.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pengenaan caj tambahan (*surcharge*) kepada pelanggan oleh peniaga-peniaga ke atas barangan yang dibeli menggunakan kad kredit adalah selaras dengan peraturan syarikat penjenama kad (*card brands*), seperti MasterCard Worldwide dan Visa International, serta mengikut syarat perjanjian di antara peniaga dan institusi pemeroleh peniaga (*merchant acquirer*). Syarat perjanjian tersebut melarang pengenaan caj tambahan ke atas barangan yang dibeli menggunakan kad kredit.
2. Pemegang kad berhak memaklumkan institusi pemeroleh atau pengeluar kad kredit yang berkenaan mengenai pengenaan caj tambahan supaya aduan tersebut dapat disiasat dan tindakan yang sewajarnya diambil oleh institusi pemeroleh, ke atas peniaga yang berkenaan. Pemegang kad juga mempunyai pilihan untuk tidak membeli barangan daripada peniaga yang mengenakan caj tambahan untuk urusanniaga menggunakan kad kredit.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]  
**TARIKH :** 24 JUN 2009

**SOALAN:**

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia akan fenomena perubahan iklim (Climate Change) yang kini melanda seluruh dunia. Adakah Kementerian bercadang mewujudkan Pelan Dasar Perubahan Iklim seperti di China bagi mengambil langkah pencegahan terhadap fenomena alam.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perubahan iklim jika tidak ditangani boleh membawa kesan terhadap kehidupan rakyat dan ekonomi negara. Bagi meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang fenomena ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan pelbagai kumpulan sasaran seperti pelajar, guru, masyarakat desa dan bandar, badan bukan kerajaan dan lain-lain.

Antara program-program kesedaran yang dijalankan termasuk:

- i. Program Anugerah Bandar Lestari, Sekolah Lestari, Anugerah Langkawi;
- ii. Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institut Pengajian Tinggi (IPT);
- iii. Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS);
- iv. Penerbitan Majalah Era Hijau, IMPAK, Buku *Climate Change in Malaysia*, brosur *You Can Fight Climate Change Today*;
- v. Kempen "Tabiat takpa, bumi binasa" melalui media massa;
- vi. Pameran Alam Sekitar;
- vii. Program Rakan Alam Sekitar; dan

viii. Persidangan dan bengkel bersama kementerian dan agensi lain, pihak swasta dan badan bukan kerajaan.

Kementerian ini juga sedang dalam proses menyediakan Dasar Perubahan Iklim Negara yang dijangka dapat disiapkan sebelum hujung tahun ini.

Sekian, terima kasih.

NW = 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG**  
**TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)**  
**SOALAN : NO.40**

Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perkembangan terkini tentang Malaysia-Japan International University of Technology (MJIUT) yang dirancang menerima pelajar kemasukan pertama pada pertengahan tahun 2009.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penubuhan Malaysia-Japan International University of Technology (MJIUT) telah dipersetujui secara rasminya di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Januari 2004. Pada 12 Disember 2008, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri untuk menubuhkan Universiti Teknikal Antarabangsa Malaysia Jepun atau singkatannya MAJU sebagai sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di bawah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm), di Branang, Selangor dengan pembiayaan penuh dari kerajaan. Walau bagaimanapun, setelah

MeCD dimansuhkan semasa penyusunan semula kabinet pada 15 April 2009, kedudukan MAJU yang sebelum ini berada di bawah bidang kuasa MeCD telah dipindahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Satu mesyuarat penyelarasan diadakan di antara KPT, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, MARA, EPU, Perbendaharaan di mana keputusan dibuat secara konsensus supaya MAJU beroperasi di UTM sebagai kampus Kejuruteraan Malaysia-Jepun (MJIE) dan ditempatkan di Kampus Antarabangsa. Sehubungan itu, KPT akan menubuhkan MJIE sebagai institut di UTM dan bukannya sebagai 'pusat' atau 'fakulti', sejajar dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (pindaan) 2009. Kos pembangunan dan pengurusan MJIE akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak kerajaan pusat melalui KPT. Pengambilan pelajar pertama pascasiswazah dijangka bermula pada Disember 2009. Manakala, pengambilan pelajar prasiswazah pula dijadualkan bermula pada sesi pertama 2010/2011.

**SOALAN NO. ( 41 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Y.B. TUAN TAN KOK WAI  
(CHERAS)  
**TARIKH** : 24 JUN 2009 (RABU )

**SOALAN :**

**Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindak balas Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Negara berikutan Mahkamah Persekutuan telah mengeluarkan penghakiman pada bulan Julai 2008 bahawa PBT tidak boleh mengenakan denda lewat cukai taksiran ke atas pembayar-pembayar cukai seperti dalam kes Generation Products lawan Majlis Perbandaran Klang, bagi mematuhi keputusan tersebut dan apakah langkah yang telah PBT ambil.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan atas soalan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak lagi mengenakan denda lewat ke atas cukai taksiran berikutan daripada penghakiman oleh Mahkamah Persekutuan pada 18 Julai 2008 seperti kes Generation Products Sdn. Bhd. lawan Majlis Perbandaran Klang. Walau bagaimanapun PBT boleh mengenakan caj pentadbiran sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis bagi membiayai kos mengutip cukai yang lambat dibayar.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **DATUK HAJI BAHARUM BIN  
MOHAMED (SEKIJANG)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **24.06.2009**

**Datuk Haji Baharum bin Mohamed (Sekijang)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan sama ada jangka masa panjang dan jangka pendek untuk terus membantu pasaran saham Malaysia (BSKL) terus diminati oleh pelabur tempatan dan pelabur asing.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi membantu pasaran saham Malaysia terus diminati oleh pelabur tempatan dan pelabur asing. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- i) Pengukuhan ekonomi daripada impak kemerosotan ekonomi dunia**

Kerajaan telah mengumumkan dua pakej rangsangan yang berjumlah RM67 bilion sejak November 2008 dalam usaha menjana semula ekonomi negara, mengukuhkan kebingkasan

nasional dan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dalam mengharungi cabaran keadaan ekonomi global semasa yang semakin meningkat.

**ii) Memudahkan penjanaan modal melalui terbitan sekuriti**

Keperluan terbitan hak oleh suruhanjaya Sekuriti (SC) telah digubal semula dalam usaha untuk mengurangkan masa-ke-pasaran (*time-to-market*) bagi membantu syarikat untuk memperoleh modal dari pasaran modal dengan lebih efisien dan kos-efektif.

**iii) Meningkatkan penglibatan antarabangsa dalam pasaran tempatan**

Usaha liberalisasi yang berterusan dalam sektor kewangan domestik (sektor perbankan dan insurans) dan sektor perkhidmatan yang diumumkan pada bulan April lalu dilihat sebagai suatu langkah untuk mengukuhkan sektor-sektor terbabit agar dilihat sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi di masa akan datang. Usaha ini yang bertujuan untuk menarik minat pelaburan dan keupayaan antarabangsa dan teknologi dilihat sebagai suatu langkah positif ke arah mengukuhkan daya saing sektor kewangan dan perkhidmatan domestik.

**iv) Memperbaiki pengawasan peserta pasaran bagi mengenal pasti kepincangan dengan lebih cepat**

Memperbaiki pemantauan risiko pasaran modal dan program pematuhan serta pemantauan cara kerja perniagaan.

**v) Memastikan pelaburan mempunyai nilai**

Kerajaan pada 10 Mac 2009, telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi sejumlah RM10 bilion bagi tujuan pelaburan ekuiti. Sebagai usaha berterusan, Kerajaan telah menggalakkan kemudahan kewangan untuk pelaburan domestik serta mengukuhkan pasaran modal tempatan dengan menyediakan kemudahan akses yang lebih besar kepada kemudahan kewangan melalui pasaran yang disenaraikan, modal teroka dan ekuiti swasta.

2. Selain itu, Bursa Malaysia telah menyediakan strategi syarikat yang tertumpu pada aktiviti dan usaha-usaha yang akan meningkatkan hala laju (*velocity*) pasaran. Fokus juga lebih tertumpu pada menambah baik akses, mempelbagaikan produk dan meningkatkan kecairan pasaran. Di antara inisiatif-inisiatif yang diambil termasuk:

**i) Pasaran Komoditi**

Bursa Malaysia telah memperkenalkan tiga siri indeks perladangan minyak sawit yang membolehkan pelabur menjejaki pergerakan harga saham syarikat perladangan tersenarai yang sebahagian besar pendapatannya dijana daripada aktiviti berkaitan minyak sawit.

**ii) Pasaran berlandaskan Islam**

Bursa Malaysia bersama Bursa Korea sedang menyediakan infrastruktur bagi dagangan komoditi berlandaskan Islam

**iii) Akses Langsung Pasaran (*Direct Market Access*)**

Untuk menambah baik akses ke pasaran, Bursa Malaysia telah melancarkan akses langsung pasaran (*direct market access*) bagi pasaran derivatif.

**iv) Penggabungan Papan Utama dan Kedua**

Bursa Malaysia dan Suruhajaya Sekuriti secara bersama telah melancarkan kerangka kerja baru bagi penyenaraian dan penjanaan dana ekuiti pada 8 Mei 2009. Perubahan kerangka kerja ini melibatkan penggabungan Papan Utama dan Papan Kedua bagi membolehkan syarikat mempunyai akses yang lebih cepat dan efisien kepada dana di dalam pasaran modal. Langkah ini juga membawa Bursa Malaysia sejajar dengan pasaran antarabangsa yang akan dilihat sebagai destinasi penjanaan dana yang kondusif.

**v) Sekuriti pelbagai-matawang**

Menyediakan kerangka kerja bagi sekuriti pelbagai matawang (*multi-currency securities*) yang akan menyokong penyenaraian, dagangan, penjelasan dan penyelesaian sekuriti bukan-Ringgit yang akan dilaksanakan pada 13 Julai 2009.

**vi) Pendidikan pelabur**

Bursa Malaysia juga menjalankan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pelabur runcit dan institusi berkaitan mengenai peluang pelaburan di pasaran tempatan. Di antara program tahunan yang dijalankan:

- a) Annual Palm & Lauric Oils Conference and Exhibition;
- b) Invest Malaysia; dan
- c) Program untuk pelabur runcit yang dijalankan bersama peserta pasaran.

NW: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

SOALAN 19

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Kuala Krai)

TARIKH : 24 JUN 2009

SOALAN 43 : **YB Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sejauh manakah kemajuan usaha untuk menyampaikan bantuan yang diberikan oleh rakyat Malaysia kepada penduduk Gaza yang diputuskan untuk dilaksanakan oleh Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO).**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Sebanyak 13 NGO telah menandatangani Perjanjian dengan Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan projek-projek yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Luar Negeri untuk manfaat rakyat Palestin di Gaza. Pada 19 Mac 2009, pengagihan peruntukan berjumlah RM10.57 juta daripada dana hasil kutipan telah diagihkan kepada kesemua NGO tersebut untuk melaksanakan misi bantuan kemanusiaan ke Gaza. Kategori misi bantuan tersebut dibahagikan kepada 4 kategori iaitu (i) bantuan keperluan asas; (ii) bantuan perubatan dan kesihatan; (iii) bantuan kepada kanak-kanak serta pembelajaran; dan (iv) pelaksanaan kerja-kerja amal yang lain.

Tahap bantuan yang dihulurkan kepada rakyat Palestin di Gaza adalah mengikut keutamaan semasa, iaitu bantuan kemanusiaan Fasa Selepas Peperangan dan Fasa Pembinaan Semula. Ini adalah bertujuan untuk memastikan bantuan yang diberikan bersesuaian dengan keperluan semasa dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat Palestin di Gaza.

Bagaimanapun, misi bantuan dan projek-projek tersebut dijangka hanya dapat dilaksanakan apabila gencatan senjata berkekalan di Palestin dapat dikuatkuasakan. Sehingga kini, pintu sempadan untuk masuk ke Gaza melalui Rafah di Mesir masih dikawal ketat dan tidak

dibuka secara bebas dan berterusan bagi membolehkan bantuan kemanusiaan masuk ke Gaza.

Walaupun menghadapi beberapa kekangan seperti yang disebutkan, usaha menyampaikan bantuan tersebut masih giat dilaksanakan oleh NGO-NGO Malaysia dengan bantuan NGO-NGO antarabangsa yang berpusat di Mesir dan Palestin. Di antaranya adalah Projek Pembiayaan Mikrokredit oleh Global Peace Mission (GPM) di mana para petugas-petugas projek kini sedang giat melalui latihan 3 bulan sebelum dihantar berkhidmat di Gaza. GPM juga dijadualkan akan berlepas ke Gaza sebelum 20 Jun 2009 untuk menjalankan kajian pelaksanaan berdasarkan rangka Amanah Ikhtiar Malaysia atau *Grameen Bank*.

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan Islamic Relief pula sedang menguruskan pemberian bantuan berbentuk peralatan kesihatan melalui agensi perantara NGO yang berada di Gaza. Dijangkakan lebih banyak bantuan akan dapat disalurkan ke Gaza melalui kaedah – kaedah tersebut.

NGO-NGO Malaysia yang terlibat adalah dikehendaki untuk memberikan laporan bulanan mengenai status pelaksanaan projek-projek tersebut kepada Kementerian Luar Negeri bagi tujuan pemantauan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]**

**TARIKH : 24 Jun 2009**

**SOALAN [20]**<sup>44</sup> : Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan hasil dan pencapaian lawatan rasmi Perdana Menteri ke Republik Rakyat China. Bagaimanakah pencapaian ini akan memberi manfaat kepada rakyat.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Y.A.B. Perdana Menteri telah melakukan lawatan rasmi ke Republik Rakyat China (RRC) dari 2 hingga 5 Jun 2009 atas undangan rasmi Kerajaan RRC. Lawatan ini juga adalah untuk memperingati Ulang Tahun ke-35 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan RRC sejak 1974.

2. Lawatan Rasmi Y.A.B. Perdana Menteri ke RRC telah mencapai matlamatnya dan dianggap amat berjaya. Y.A.B. Perdana Menteri telah dapat membincangkan dan mencapai kesefahaman mengenai isu-isu substantif dalam suasana terbuka dan tulus dengan pucuk

pimpinan RRC dalam pelbagai isu hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa. Lawatan ini akan melonjakkan lagi hubungan dua hala ke taraf lebih tinggi dan membawa hubungan dan kerjasama Malaysia-RRC ke satu era baru dan tempo yang lebih kencang.

3. Semasa lawatan rasmi tersebut, tiga dokumen antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC telah ditandatangani pada 3 Jun 2009 iaitu:

- (1) Pelan Tindakan Bersama Kerjasama Strategik antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC;
- (2) Perjanjian Penghapusan Separa Visa antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC; dan
- (3) Perjanjian Kerjasama dalam bidang Sains Marin dan Teknologi.

4. Pelan Tindakan Bersama Strategik menyediakan panduan serta membolehkan kedua-dua buah negara merancang kerjasama yang lebih komprehensif dalam 12 bidang antaranya politik, ekonomi, perdagangan dan kewangan, kebudayaan dan pendidikan, sains dan teknologi, kesihatan, pertahanan dan keselamatan, pertanian, sanitari dan *phytosanitary*, pelancongan, sumber manusia, tenaga, perhutanan, kerjasama serantau dan antarabangsa.

5. Perjanjian Penghapusan Separa Visa antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC pula merangkumi peraturan perjalanan di mana pemegang passport diplomatik dan rasmi tidak perlu lagi mendapatkan visa bagi perjalanan kedua-dua buah negara.

6. Rangka kerjasama dalam bidang sains marin dan teknologi pula termasuk pertukaran dasar marin, pengurusan zon persisiran bersepadu, perlindungan alam sekitar, penyelidikan saintifik marin, pengurangan bencana lautan dan *remote sensing*.

7. Dalam bidang ekonomi dua hala pula, Forum Perniagaan yang diadakan semasa lawatan rasmi tersebut telah meningkatkan *networking* dan mengenalpasti bidang-bidang dan peluang-peluang yang dapat diterokai oleh ahli-ahli perniagaan daripada kedua-dua buah negara. Pada masa yang sama, ianya juga dapat menjana peluang pekerjaan serta meningkatkan taraf hidup rakyat. Sebanyak 16 Memorandum Persefahaman antara syarikat swasta kedua-dua buah negara telah ditandatangani pada 4 Jun 2009, yang bernilai RM6.36 bilion.

8. Terdapat banyak manfaat yang akan dinikmati oleh rakyat hasil daripada lawatan rasmi Y.A.B. Perdana Menteri ini. Kerajaan RRC telah menjemput Malaysia untuk menggunakan sepenuhnya peluang yang ada dalam *ASEAN Infrastructure Fund* berjumlah USD10 bilion bagi tujuan pembangunan infrastruktur dan dana kredit sejumlah USD15 bilion untuk pembiayaan eksport dan perdagangan yang diperuntukkan oleh RRC bagi kegunaan negara-negara ASEAN. Pada masa yang sama, Kerajaan RRC memaklumkan bahawa ia berhasrat untuk mengimport lebih banyak minyak sawit dan kayu balak dari Malaysia. Peluang ini dilihat dapat mambantu mengukuhkan ekonomi negara serta menjana pendapatan kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 24 JUN 2009

SOALAN:

**Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil terhadap majikan-majikan yang mengekalkan pekerja asing dan membuang pekerja tempatan dan menyembunyikan pekerja tanpa izin di premis, kilang dan syarikat.

PR-022-L18647

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi dasar Kerajaan mengutamakan pekerjaan untuk rakyat tempatan. Pengambilan pekerja asing hanya dibenarkan di sektor tertentu sahaja dalam keadaan di mana jawatan tersebut tidak dapat dipenuhi oleh tenaga kerja tempatan. Sekiranya pemberhentian pekerja terpaksa dilakukan, pekerja asing hendaklah diberhentikan terlebih dahulu sebelum pekerja tempatan. (*Foreign Workers First Out*)

Di bawah Seksyen 60N, Akta Kerja 1955 menyatakan majikan yang mahu mengurangkan tenaga kerjanya oleh sebab lebih pekerja tidak boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja tempatan melainkan jika dia telah terlebih dahulu menamatkan perkhidmatan semua pekerja asing. Majikan yang gagal mematuhi arahan ini adalah melakukan kesalahan dan boleh didakwa di bawah Akta Kerja 1955.

Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua, penggajian pekerja asing tanpa izin adalah satu kesalahan dari segi undang-undang. Sekiranya majikan dikesan menggaji pekerja asing tanpa izin dipremis mereka, perkara ini akan dilaporkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' MUJAHID BIN HJ. YUSOF RAWA**

**TARIKH** : **24 JUN 2009 (RABU)**

**SOALAN** : **Y.B DATO' MUJAHID BIN HJ. YUSOF RAWA** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-  
tentang cadangan untuk mengadakan insurans untuk ternakan dan tanaman, bilakah boleh dilaksanakan.

**JAWAPAN** : **Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

**Tuan Yang Dipertua,**

Satu kajian mengenai Kesesuaian Pelaksanaan Skim Insurans Pertanian di Malaysia telah dijalankan pada tahun 2008 dan hasil kajian telah mengenal pasti subsektor tanaman padi dan subsektor ternakan ayam/itik sebagai bidang yang berkeutamaan tinggi untuk diinsuranskan di Malaysia. Ini adalah berdasarkan faktor kawasan pengeluaran yang luas, jumlah pengeluaran yang tinggi, kitaran pengeluaran yang stabil serta makluman risiko yang tersedia. Sebagai fasa pertama, Persatuan Insurans Kebangsaan Malaysia (NIAM) akan melancarkan skim insurans untuk ternakan pada tahun ini. Skim insurans untuk sektor pertanian yang lain hanya akan dimulakan jika skim insurans ternakan ini mendapat sambutan daripada pihak industri.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **TUAN LOKE SIEW FOOK  
(RASAH)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **24.06.2009**

**SOALAN NO** : **47**

**Tuan Loke Siew Fook (Rasah)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci berapakah lesen yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat 4D untuk menjalankan "Special Draw" sepanjang tahun 2009, jumlah kutipan cukai untuk setiap "draw" yang telah diadakan dan rasional Kerajaan membenarkan "Special Draw" ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan membenarkan cabutan khas diadakan dengan tujuan untuk membiayai pelbagai program/projek pembangunan berbentuk sukan, kebajikan, pendidikan, kesihatan dan kemasyarakatan. Bagi tahun 2009, Kerajaan telah memberikan kebenaran kepada syarikat-syarikat 4D untuk menjalankan sebanyak 12 kali cabutan khas (*Special Draw*). Setakat ini Kerajaan belum lagi menerima apa-apa bayaran cukai berhubung cabutan khas untuk tahun 2009 kerana cabutan khas (*Special Draw*) ini hanya akan bermula pada bulan Jun sehingga Disember 2009. Jumlah kutipan cukai untuk setiap 'draw' pada tahun 2008 secara purata ialah sebanyak RM9,939,540.95.

NW: 48

**PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA** : Y.B. Dato' Haji Mahfuz Bin Omar  
[Pokok Sena]

**TARIKH** : 18 Jun 2009

**SOALAN** : [77]  
Y.B. Dato' Haji Mahfuz Bin Omar  
[Pokok Sena] minta **MENTERI LUAR  
NEGERI** menyatakan langkah-langkah  
yang diambil terhadap media  
antarabangsa yang melaporkan berita-  
berita yang memburukkan nama  
Perdana Menteri dan negara.

**DARIPADA** : Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi Bin Awang  
[Marang]

**TARIKH** : 24 Jun 2009

**SOALAN** : [25] 48  
Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang  
[Marang] minta **MENTERI LUAR  
NEGERI** menyatakan apakah tindakan  
dari pihak Kerajaan untuk membersihkan  
nama Perdana Menteri yang dicalarkan  
oleh Media Asing dalam kes rasuah dan  
kes pembunuhan wanita asing.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang dikemukakan.

2. Memandangkan ada tiga soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ditujukan kepada Kementerian Luar Negeri iaitu daripada Y.B. Dato' Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena), Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) dan Y.B. Dr. Haji Hayati bin Othman (Pendang) yang menyentuh perkara mengenai Media Asing yang cuba memburuk atau mencelar nama Perdana Menteri dan negara, maka saya memohon izin untuk menjawab soalan-soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat tersebut secara serentak dan bersekali oleh kerana perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan.

3. Kementerian Luar Negeri, diperingkat Ibu Pejabat dan melalui Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar negeri sentiasa memantau laporan-laporan Media Asing mengenai laporan-laporan yang disiarkan yang menyentuh kepentingan negara termasuk tentang para pemimpinnya.

4. Sehubungan ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa menyalurkan maklumat-maklumat mengenai latarbelakang sesuatu isu yang dibangkitkan kepada Perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut dan menegaskan pendirian Kerajaan terhadap isu yang berkaitan.

5. Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara berkenaan akan diminta menyalurkan maklumat-maklumat tersebut dengan memberikan penerangan mengenai keadaan sebenar sesuatu isu yang dibangkitkan kepada pihak media tempatan di luar negara itu, dalam usaha menyangkal berita-berita

yang menjejaskan nama baik para pemimpin negara dan juga Malaysia secara keseluruhannya.

6. Jika perlu, Kementerian juga akan menyediakan jawapan atau *rebuttal* yang khusus untuk membidas dan menyangkal dakwaan yang tidak benar yang disebarkan oleh Media Asing mengenai Malaysia, termasuklah isu-isu yang menyentuh integriti dan imej negara di mata dunia.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Kementerian Luar Negeri sentiasa mengambil tindakan segera untuk memberi penjelasan atau menangkis sebarang laporan Media Asing atau mana-mana pihak yang mempunyai persepsi yang salah terhadap Malaysia dan juga para pemimpinnya.

NW = 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG**  
**( BAGAN )**  
**TARIKH : 24.06.2009**  
**NO. SOALAN : 49**

**TUAN LIM GUAN ENG ( BAGAN )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan:-

- (a) sama ada penilaian dibuat untuk meminda Akta Sewa Beli 1967 yang kini menggunakan kiraan "flat rate" berasaskan jumlah pembiayaan permulaan kepada berasaskan jumlah pembiayaan permulaan kepada kiraan faedah "monthly rest" berasaskan baki belum jelas; dan
- (b) sila nyatakan jumlah pinjaman sewa beli sejak 2004.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Akta Sewa Beli 1967 telah digubal untuk mengawal selia industri sewa beli melalui penguatkuasaan bentuk dan kandungan perjanjian sewa beli termasuk hak dan tanggungjawab pemunya, penyewa dan penjamin yang termaktub di dalam perjanjian sewa beli tersebut. Di samping melindungi sektor industri kewangan dan penyewa.

Kementerian telah membuat pindaan ke atas Akta Sewa Beli 1967 pada tahun 2005 melalui penggubalan dan penguatkuasaan Peraturan-peraturan Sewa Beli (Caj-caj Terma) 2005. Bakal penyewa diberi pilihan untuk memilih sama ada untuk memasuki perjanjian sewa beli dengan "*option flat rate*" di mana kadar faedahnya tidak melebihi 10% setahun ataupun memilih kadar "*variable*" iaitu tambahan sebanyak 2% daripada "*base lending rate*" (BLR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Had maksimum kadar caj terma boleh ubah (*variable*) ialah 17% untuk setahun.

Kementerian kini sedang dalam tindakan untuk meminda dan menggubal peruntukkan yang baru bagi memantapkan lagi penguatkuasaan Akta Sewa Beli selaras dengan perkembangan semasa dalam industri sewa beli negara. Bilangan perjanjian sewa beli sejak tahun 2004 hingga bulan April 2009 adalah sebanyak 97,464,248 juta yang melibatkan nilai pinjaman hampir RM9.47 billion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

Tuan Tan Tee Beng [ Nibong Tebal ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengenai garis panduan dalam konsep 1 Malaysia iaitu 'keadilan sosial'. Namun, kebebasan untuk media bersuara masih terbatas dan langsung tidak menggambarkan dasar demokrasi yang beliau ketengahkan. Adakah terdapat kelonggaran untuk media bersuara setelah konsep ini diperkenalkan oleh beliau.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Gagasan 1 Malaysia YAB Perdana Menteri tidak akan menjejaskan dari sudut keadilan sosial dan kebebasan media. Gagasan ini lebih menumpukan kepada usaha-usaha untuk menyatupadukan pelbagai kaum rakyat di negara ini. Justeru itu, konsep ini tidak akan menyekat kebebasan media untuk bersuara asalkan ia tidak menggugat keharmonian perhubungan kaum dan menjejaskan keselamatan negara. Setiap pengamal media masih perlu mematuhi

dan menghormati undang-undang sedia ada dan yang berkaitan dengan media antaranya ialah Akta Hasutan, Akta Fitnah dan lain-lain Akta Komunikasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
[IPOH BARAT]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN :**

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapakah sektor perkhidmatan awam di Malaysia adalah terbesar jika dibandingkan dengan bilangan penduduk dan adakah pengambilan di sektor awam berasaskan kepujian seseorang individu. Jika tidak, mengapakah sedemikian.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saiz sektor awam di Malaysia perlu dilihat dari segi komposisi perkhidmatan-perkhidmatan di dalamnya. Dari jumlah 1.2 juta penjawat awam, 90 peratus merangkumi sektor-sektor utama seperti berikut:

(i) Sektor pendidikan	- 506,760 (40%)
(ii) Sektor Keselamatan, Penguatkuasaan dan Pertahanan Awam	- 286,520 (22%)
(iii) Sektor Pentadbiran	- 184,310 (15%)
(iv) Sektor Kesihatan	- 163,380 (13%)

Kerajaan secara berterusan berusaha memperbaiki nisbah antara penjawat awam dan pelanggan sasaran (misalnya nisbah pendidik dan murid, nisbah anggota kesihatan dan penduduk) serta menjamin keselamatan dan ketenteraman negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pengambilan calon untuk berkhidmat dalam sektor awam adalah berdasarkan kelayakan dan merit yang diperlukan bagi sesuatu jawatan dan yang ditetapkan oleh skim-skim perkhidmatan yang berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI ]**  
**TARIKH :**  
**RUJUKAN : 1959**

**SOALAN:**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

- (a) berapa kes-kes kemalangan berlaku di Pintasan Muar sejak 2005 sehingga kini; dan
- (b) senaraikan pemandu yang terlibat dalam kemalangan maut mengikut jenis kenderaan, umur, jantina, bulan dan masa kemalangan berlaku dan punca-punca kemalangan ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bakri yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah kes kemalangan yang dilaporkan berlaku di Jalan Pintasan Muar bagi tahun 2005 ialah sebanyak 28 kes, tahun 2006 sebanyak 80 kes, tahun 2007 sebanyak 63 kes dan tahun 2008 adalah sebanyak 30 kes. Manakala bagi tempoh Januari hingga 22 Jun 2009, jumlah kes kemalangan yang dilaporkan di kawasan terbabit ialah sebanyak 65 kes menjadikan keseluruhan jumlah kes kemalangan yang dilaporkan dari tahun 2005 hingga bulan Jun tahun 2009 bagi Jalan Pintasan Muar berjumlah 266 kes.

Tuan Yang Dipertua,

Kebanyakan kes kemalangan yang berlaku di Jalan Pintasan Muar adalah melibatkan motokar dan motosikal di mana punca kemalangan berlaku kebanyakannya disebabkan oleh kecuaiian pemandu sendiri seperti melanggar lampu isyarat merah dan keluar dari simpang secara tiba-tiba.

Font : Arial (20)

Soalan No: 53

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN DR HAJI MOHD  
HAYATI BIN OTHMAN  
(PENDANG)**

**TARIKH : 24 .06.09**

**SOALAN :**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan apakah target baru akan dibuat di dalam membasmi kemiskinan tegar negara di luar bandar.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang telah dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar di samping mengurangkan separuh daripada kadar kemiskinan negara menjelang penghujung tahun 2010. Berdasarkan Kajian Separuh Penggal RMKe9, kawasan luar bandar mencatatkan jumlah penurunan kadar kemiskinan daripada 11.9% pada tahun 2004 kepada 7.1% pada tahun 2007 dan kadar ini disasarkan untuk diturunkan lagi kepada 5.95%

pada akhir tahun 2010. Manakala kadar kemiskinan tegar di luar bandar telah berjaya dikurangkan daripada 2.9% pada tahun 2004 kepada hanya 1.4% pada tahun 2007 dan dihapuskan sepenuhnya pada akhir tahun 2010.

Kerajaan masih berpegang kepada matlamat ini dan adalah terlalu awal bagi Kerajaan untuk menyediakan sasaran baru sebelum berakhirnya tempoh RMKe-9. Usaha pembasmian kemiskinan luar bandar akan terus diberikan penekanan utama di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui pelaksanaan beberapa program yang dapat menjana pendapatan dan peluang pekerjaan seperti bantuan berbentuk perniagaan kecil-kecilan,

pemprosesan sumber asas tani serta aktiviti berasaskan perkhidmatan dan pertanian.

Selain itu, Kementerian turut menyediakan latihan kemahiran dan pembangunan keusahawanan menerusi Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya yang menawarkan kursus-kursus kemahiran, antaranya seperti elektrik, kejuruteraan marin, chef masakan, jahitan dan andaman. Usaha-usaha pembasmian kemiskinan turut disokong dan dilengkapi dengan penyediaan kemudahan-kemudahan asas kepada penduduk luar bandar seperti kemudahan perumahan, jalan luar bandar, bekalan elektrik dan air serta ameniti sosial lain.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU  
(TELOK INTAN)**

**TARIKH : 24.06.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan : - .

- (a) bagaimana peruntukan kewangan disalurkan kepada Sekolah-Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil; dan
- (b) berapakah peruntukan untuk Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil untuk lima tahun yang lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Sekolah Agama Rakyat (SAR) merupakan sekolah agama yang berdaftar dan ditadbir oleh Kerajaan Negeri. Secara dasarnya, KPM tidak terlibat secara langsung urusan pentadbiran dan kewangan sekolah-sekolah berkenaan disebabkan SAR ini tidak didaftar di bawah KPM dan tidak berada di bawah kategori Sekolah Agama bantuan Kerajaan (SABK). Walau bagaimanapun, KPM membantu SAR tersebut melalui pemberian geran dan disalurkan terus ke sekolah-sekolah tersebut melalui cek.

Manakala bagi SJKC dan SJKT, peruntukan akan disalurkan oleh kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan seterusnya peruntukan tersebut akan diserahkan ke sekolah-sekolah berkenaan.

- (b) Peruntukan Bantuan Modal untuk Sekolah Agama, SJKC dan SJKT dari tahun 2004 hingga 2008 (lima tahun) adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>SAR (RM)</b>	<b>SJKC (RM)</b>	<b>SJKT(RM)</b>
2004	49,498,328	958,574,920	391,331,130
2005	39,794,020	1,014,442,400	414,990,700
2006	49,408,630	1,014,163,062	412,278,577
2007	56,150,225	1,095,965,624	444,678,062
2008	49,940,740	1,363,626,360	552,850,067
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>244,791,943</b>	<b>4,432,609,304</b>	<b>1,771,449,959</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO HAJI WAN ABDUL RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH  
(KOTA BHARU)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah SPR akan menimbang semula kaedah penggunaan 'inedible ink' pada hari mengundi.

**JAWAPAN:      YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak bercadang untuk menimbang semula kaedah penggunaan 'inedible ink' pada hari mengundi kerana ia dianggap tidak lagi sesuai untuk digunakan. Namun demikian SPR sedang berusaha mencari kaedah baru yang lebih moden dan boleh diterima oleh semua pihak. Pada masa ini SPR sedang meneliti dan mengkaji penggunaan 'biometrik' yang dirasakan sesuai untuk digunakan bagi tujuan pilihan raya. Namun demikian ia masih lagi di peringkat penelitian yang belum diputuskan kerana perlu melihat dari pelbagai sudut sebelum di buat perakuan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**RUJUKAN : 1843**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) jumlah kes jenayah Mat Rempit dari Januari 2000 hingga April 2009; dan

(b) apakah usaha-usaha dan tindakan-tindakan telah dan akan diambil untuk mencegah kegiatan Mat Rempit ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), Kementerian tidak mempunyai rekod bagi jumlah kes jenayah Mat Rempit sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Tindakan penguatkuasaan oleh pihak polis bagi mengesan penjenayah yang melibatkan Mat Rempit adalah sukar memandangkan individu yang menggunakan motosikal sebagai pengangkutan untuk melakukan jenayah tidak semestinya Mat Rempit.

Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Mat Rempit seperti yang digelar oleh media massa adalah penunggang motosikal yang sering menunggang secara laju dan merbahaya di jalan raya. Manakala mana-mana individu tidak kira Mat Rempit atau orang awam yang melakukan kesalahan jenayah adalah digelar sebagai penjenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian sememangnya memandang serius perkara ini dan telah merangka pelan tindakan jangka pendek dan panjang bagi mencegah kegiatan Mat Rempit (samseng jalanan).

Bagi pelan tindakan jangka pendek, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khususnya Cawangan Trafik telah mengadakan operasi-operasi Lumba Haram secara besar-besaran dan berterusan di seluruh negara. Hasil daripada 1,653 operasi yang diadakan sepanjang 1 Mei 2009 sehingga 14 Jun 2009, seramai 127 orang samseng jalanan telah ditangkap dan 77 orang daripadanya telah didakwa di Mahkamah.

Pihak polis juga telah mengadakan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membendung aktiviti lumba haram dan samseng jalanan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh jangka panjang, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bertujuan untuk menangani isu ini secara bersepadu dan

menyeluruh. Jawatankuasa Bersama berkenaan akan menumpukan kepada aspek-aspek berikut:-

- (i) Pindaan dan penambahbaikan perundangan yang sedia ada;
- (ii) Pelan tindakan penguatkuasaan dan operasi;
- (iii) Pemulihan dan kaunseling;
- (iv) Pelaksanaan program dan aktiviti bagi golongan sasaran (belia dan remaja); dan
- (v) Kesedaran awam.

Ingin saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Malaysia bersama-sama berganding bahu di dalam usaha Kerajaan membendung kegiatan jenayah dan Mat Rempit (samseng jalanan) dari terus berleluasa.

NW: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**( HULU LANGAT )**  
**TARIKH : 24.06.2009**  
**NO. SOALAN : 57**

**DR CHE ROSLI BIN CHE MAT ( HULU LANGAT )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

- (a) bilangan Koperasi Rakyat Miskin dan Ibu Tunggal (KOBERA) yang telah ditubuhkan sejak pelancaran oleh Perdana Menteri pada tahun 2008 lepas; dan
- (b) berapakah jumlah Dana pelancaran yang diperuntukan kepada Koperasi-koperasi berkenaan dan adakah aktiviti Koperasi dapat menaikkan taraf hidup anggota mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

- (a) Sejak pelancaran KOBERA pada 2008 dan sehingga 29 Mei 2009, sebanyak 111 KOBERA telah ditubuhkan dan sebanyak RM18 juta dana palancaran diperuntukkan kepada KOBERA yang mana sebanyak RM30,000 akan diberikan

kepada setiap KOBERA yang telah ada program melaksanakan aktiviti perniagaan.

- (b) Masih awal untuk mengukur samada aktiviti KOBERA dapat menaikkan taraf hidup anggota mereka memandangkan sebahagian besar baru ditubuhkan dan belum memulakan aktiviti. Walau bagaimanapun, projek yang dilaksanakan oleh KOBERA akan melibatkan golongan miskin di mana peluang pekerjaan dan peluang menambah pendapatan akan dibuka kepada mereka.

**DISEDIAKAN OLEH**

Nama : Bahagian Dasar dan Perancangan Pembangunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

**DISEMAK OLEH**

Nama : Timbalan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia

**DILULUSKAN OLEH**

Nama : Encik Daud bin Tahir  
Timbalan Ketua Setiausaha ( PDN ).

SOALAN NO: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA  
[ BACHOK ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**RUJUKAN : 1844**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai isu dan tindakan susulan terhadap kes penyebaran gambar-gambar bedah siasat Allahyarham Adik Nurin Jazlin yang dibuat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tersebut.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bachok yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kes penyebaran gambar-gambar bedah siasat Allahyarham adik Nurin Jazlin adalah disiasat di bawah Seksyen 8 Akta Rahsia Rasmi 1972. Kes ini telah pun selesai disiasat dan didapati berpunca daripada kecuaiian dua orang anggota polis iaitu Lans Kopral Amran bin Arifin dan Konstabel Yaakub Bin Mohd. Safar. Walaubagaimanapun, setelah meneliti kertas siasatan yang dikemukakan, Jabatan Peguam Negara mendapati tiada keterangan atau bukti yang kukuh untuk menuduh saspek. Kedua-dua anggota tersebut sedang dirujuk untuk diambil tindakan tatatertib.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
[ KUBANG KERIAN ]  
TARIKH : 24 JUN 2009  
SOALAN :

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengawal dan mencegah wabak H1N1 di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Wabak Influenza A (H1N1) ini mula dikesan di Mexico, Kanada dan Amerika Syarikat pada 17 April 2009 dan sehingga 23 Jun 2009, wabak ini telah menular ke 99 buah negara melibatkan sejumlah 53,110 kes dengan 232 kematian. Majoriti kes yang dilaporkan (95%) adalah dari benua Amerika. Daripada 99 buah negara tersebut, sejumlah 35 buah negara telah melaporkan kes jangkitan tempatan, dan di benua Asia pula, kes-kes tempatan telah dilaporkan di Singapura, Filipina, Australia, Jepun, China, Korea Selatan, Thailand dan Viet Nam

Wabak Influenza A (H1N1) ini adalah disebabkan oleh virus influenza baru iaitu Influenza Virus A(California/04/2009), yang merupakan campuran daripada *North American swine*, *North American avian*, *North American human* dan *Eurasian swine*. Wabak ini tiada kaitan dengan *swine flu virus* pada haiwan ternakan babi dan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 30 April 2009 telah menamakan virus baru ini sebagai Influenza A (H1N1) di mana sebelum ini ia disebut sebagai *Swine Flu virus*.

Penyakit Influenza A(H1N1) ini berjangkit melalui *droplet* cecair bersin dan batuk dan mereka yang *close contact* dalam lingkungan satu meter adalah berisiko mendapat jangkitan. Masa *incubation* adalah selama empat hingga tujuh hari dengan simptom utama adalah demam, batuk dan sakit badan. Cara pencegahan yang terbaik adalah penjagaan kebersihan diri seperti menutup mulut ketika batuk dan bersin serta mencuci tangan dengan sabun. Mereka yang sakit seharusnya tidak mengunjungi kawasan awam untuk mengelakkan penularan penyakit.

Semua pelawat dari luar negara serta warganegara Malaysia yang pulang akan disaring di semua pintu masuk antarabangsa udara, darat termasuk yang melalui pintu masuk air juga akan disaring secara visual dan pemeriksaan perubatan sekiranya mereka menunjukkan gejala-gejala influenza. Mereka yang disahkan mempunyai tanda-tanda influenza serta mempunyai rekod melawat negara-negara yang terlibat dengan jangkitan influenza A(H1N1) dalam tempoh 7 hari akan dirujuk ke hospital khas untuk siasatan lanjut.

Sehingga 23 Jun 2009, sejumlah 80 kes telah disahkan sebagai jangkitan Influenza A(H1N1) telah dilaporkan di negara ini di mana 69 kes adalah kes import sementara 11 kes lagi adalah jangkitan tempatan. Kes import bermaksud mereka mendapat jangkitan di luar negara dan dikesan di Malaysia manakala kes jangkitan tempatan merupakan kes yang mendapat jangkitan di negara ini tanpa sejarah perjalanan ke luar negara.

Untuk makluman, fakta berkaitan 80 kes ini adalah seperti berikut :

- i. Sejumlah 59 daripada 80 kes tersebut adalah melibatkan warganegara Malaysia yang mendapat jangkitan di negara yang terlibat dengan jangkitan Influenza A(H1N1). Sembilan (9) kes adalah pelajar di negara tersebut dan kembali bercuti di Malaysia sementara 32 kes lagi melibatkan warganegara Malaysia yang pergi melancong dan bercuti di negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1). Sementara lima (5) dari 9 kes jangkitan tempatan telah melibatkan tiga (3) buah sekolah. Mereka ini yang tidak pernah melawat negara terjejas dengan wabak

influenza A(H1N1) tetapi mendapat jangkitan melalui *close contact* kes import yang merupakan rakan karib sekelas.

- ii. . baki 21 kes lagi adalah di kalangan warganegara asing dari negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1) yang datang melawat Malaysia untuk bercuti.

Kementerian Kesihatan telah mengaktifkan aktiviti pencegahan dan kawalan Influenza A(H1N1) sejak 26 April 2009. Antara langkah yang telah diambil untuk mencegah dan mengawal penyebaran virus Influenza A (H1N1) dalam negara ini adalah:

- i. melakukan penyaringan kesihatan terhadap semua pengembara dari negara yang disahkan ada jangkitan virus Influenza A(H1N1) di semua pintu masuk antarabangsa seluruh negara. Setiap pengembara dikehendaki membuat pengisytiharan kesihatan dan menjalani saringan suhu badan. Sejumlah 20 unit alat pengesan /pengimbas suhu badan (demam) telah diletakkan di pintu-pintu masuk negara;
- ii. kes-kes yang telah disyaki jangkitan virus Influenza A(H1N1) dimasukkan ke hospital yang telah ditetapkan untuk pengawasan dan pemerhatian sehingga keputusan ujian makmal diperolehi;
- iii. kes-kes yang disahkan dijangkiti virus Influenza A(H1N1) akan diasingkan dan diberikan rawatan *antiviral* sehingga sembuh;
- iv. kontak kepada kes jangkitan virus Influenza A(H1N1) akan diletakkan di bawah kuarantin di rumah selama tujuh hari dari tarikh kontak terakhir dengan kes. Sekiranya mereka menunjukkan tanda-tanda jangkitan virus Influenza A(H1N1), mereka akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut;
- v. petugas-petugas yang terlibat dalam pengendalian kes Influenza A(H1N1) diwajibkan memakai alat perlindungan diri dengan cara yang betul dan kesihatan mereka juga akan dipantau pada setiap hari;

- vi. sejumlah 28 buah hospital dengan kemudahan 168 buah katil yang mempunyai fasiliti merawat kes Influenza A(H1N1) telah diaktifkan dan dalam keadaan bersiap sedia untuk menerima kes;
- vii. aktiviti kesedaran awam diberikan dengan cara memaklumkan penyakit Influenza A(H1N1), cara penularan dan langkah pencegahan dan kawalan yang perlu diambil;
- viii. memastikan bekalan stok ubat dan alat perlindungan diri mencukupi;
- ix. menyediakan kenyataan akhbar harian oleh Ketua Pengarah Kesihatan yang memaklumkan tentang tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan berkaitan situasi semasa dan khidmat-nasihat yang patut diamalkan oleh warga Malaysia.

Pada 11 Jun 2009, pihak WHO telah menaikkan tahap amaran pandemik influenza daripada 5 kepada 6. Walau bagaimana pun pihak WHO tidak menyarankan tindakan sekatan perjalanan, ekonomi atau penutupan sempadan. Kementerian Kesihatan telah menyediakan pelan *National Influenza Pandemic Preparedness Plan (NIPPP)* pada tahun 2005 sebagai langkah persediaan kepada pandemik influenza. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, pelan tindakan telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi yang terlibat termasuk latihan, *stockpile* ubat dan alat perlindungan diri (PPE). Sesuai dengan saranan WHO, Kementerian Kesihatan telah dan akan mengambil tindakan-tindakan berikut yang bersesuaian dengan Fasa 6 Pandemik :

- i. mengaktifkan Jawatankuasa Kebangsaan Antara Kementerian untuk menangani wabak fasa 6 yang akan dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan;
- ii. mengaktifkan Majlis Keselamatan Negara untuk menyelaraskan aktiviti pencegahan dan kawalan yang perlu dilaksanakan;
- iii. aktiviti surveilan, pencegahan dan kawalan seperti yang telah dinyatakan dalam *NIPPP* akan dipertingkatkan; dan
- iv. tindakan *social distancing* untuk membanteras penularan penyakit akan diambil sekiranya penularan tempatan dilaporkan di Malaysia bertujuan

untuk mengawal penularan penyakit daripada menjadi lebih meluas. Contoh tindakan adalah seperti penutupan sekolah, institusi dan pembatalan majlis perhimpunan dan perjumpaan awam.

Pada 18 Jun 2009, Jawatankuasa Kebangsaan Antara Kementerian Mengenai Pandemik Influenza A(H1N1) telah diadakan dan dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri serta dihadiri oleh pelbagai Kementerian dan badan-badan bukan kerajaan. Berikut adalah keputusan mesyuarat tersebut :

- i. borang '*Health Declaration Form (HDF)*' akan diwartakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, menjadikan wajib mengisi borang tersebut untuk semua orang yang memasuki Malaysia. Untuk memudahkan pengurusan pengisian, borang *HDF* perlu dilengkapkan semasa dalam penerbangan (kapal terbang) dan pihak penerbangan perlu memastikan semua orang termasuk anak kapal mengisi borang dengan lengkap. Semasa mendarat, anak kapal akan menyerahkan borang kepada anggota kesihatan yang menunggu di pintu kapal sebelum penumpang turun. Borang ini akan diwartakan dalam tempoh seminggu.
- ii. pemeriksaan kesihatan dalam kapal terbang bagi penerbangan dari negara yang mempunyai kadar penularan yang tinggi dan risiko kepada Malaysia sebagai sumber kes import akan dilakukan. Anggota kesihatan akan memasuki kapal terbang memeriksa semua penumpang termasuk anak kapal. Pemeriksaan suhu juga akan dilakukan termasuk pemerhatian penumpang dengan tanda-tanda jangkitan influenza.
- iii. Kementerian Pengangkutan akan mengeluarkan satu garis panduan yang mewajibkan pihak pengendali pengangkutan awam terutamanya kapal terbang untuk menyediakan *mask* kepada penumpang yang ada tanda jangkitan influenza dan mereka yang *close contacts* dengan mereka (duduk di 3 barisan hadapan dan belakang termasuk kiri dan kanan).
- iv. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diminta menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang ada pada mereka bagi memastikan semua tandas-tandas awam dijaga kebersihannya ke tahap optimum. Penjagaan

kebersihan diri dan persekitaran adalah penting dalam pencegahan penularan penyakit influenza dan juga lain-lain penyakit berjangkit seperti denggi, tifoid dan HFMD.

- v. kempen media untuk meningkatkan kesedaran orang awam akan diteruskan. Bagi maksud ini, Kementerian Penerangan adalah diminta untuk memastikan slot yang secukupnya disediakan dalam media-media kerajaan dan swasta. Kempen etika batuk dan penjagaan kebersihan tangan perlu diteruskan.
- vi. golongan yang berisiko untuk jangkitan influenza adalah disyorkan untuk mendapatkan pelalian influenza (*seasonal influenza*).
- vii. semua kementerian yang terlibat dengan perkhidmatan asas awam (*public essential services*) seperti polis, imigresen, perlu memastikan anggota barisan hadapan mereka sentiasa menjaga kebersihan yang baik untuk memastikan mereka tidak terdedah kepada jangkitan penyakit wabak pandemik.
- viii. melaksanakan aktiviti *social distancing* apabila wabak tempatan berlaku. Bagi memastikan wabak dapat dikawal dengan cekap dan berkesan, aktiviti *social distancing* adalah satu strategi utama dan ini termasuklah tindakan menutup sekolah, institusi dan majlis-majlis perjumpaan awam. Tindakan ini memerlukan kerjasama daripada semua agensi yang terlibat bagi memastikan kepatuhan kepada arahan ini jika keperluan timbul.
- ix. apabila keadaan menjadi tenat, di mana melibatkan kes yang tinggi serta kemungkinan kematian, modus operasi mungkin akan berubah seperti penggunaan fasiliti awam untuk tempat rawatan ataupun rawatan di rumah. Bagi maksud ini, Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan menyelaras keperluan ini.
- x. orang awam yang tidak sakit tidak digalakkan melawat hospital terutamanya kanak-kanak yang berumur kurang 12 tahun, kecuali bagi tujuan rawatan. Langkah ini adalah bagi tujuan mengurangkan

pendedahan atau risiko jangkitan kepada orang awam. Saranan ini adalah untuk semua hospital kerajaan dan swasta dan pihak pengurusan hospital di samping memastikan masa lawatan dipendekkan kepada tempoh yang sesuai, bilangan pelawat bagi sesuatu ketika dihadkan kepada 2 orang sahaja. Orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama kepada pelaksanaan perkara ini.

- xi. Bagi tujuan untuk meningkatkan pengawasan dan pengesanan kes, semua hospital termasuk hospital swasta diminta membuat saringan demam kepada pelawat hospital dan tenaga kerjanya. Mereka yang disyaki mengidap penyakit berjangkit perlu diberikan rawatan yang bersesuaian.

Untuk makluman, vaksin bagi influenza A(H1N1) masih belum dapat dihasilkan lagi. Pada masa ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) bersama-sama dengan syarikat-syarikat utama pembuat vaksin dunia sedang giat berusaha untuk menghasilkan vaksin Influenza A(H1N1) untuk digunakan sebagai pencegahan jangkitan Influenza A(H1N1). Virus Influenza A(H1N1) merupakan satu virus baru dan sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh pihak *WHO*, masa yang diperlukan untuk menghasilkan vaksin yang dimaksudkan mengambil masa di antara tiga hingga enam bulan. Vaksin Influenza A(H1N1) ini dijangka akan dapat disediakan sebelum penghujung tahun ini.

Pihak Kementerian amat yakin bahawa dengan kerjasama semua pihak dan sokongan padu daripada seluruh penduduk negara ini, ia akan dapat meminimumkan kesan dan impak daripada pandemik influenza di Malaysia melalui pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan yang cekap dan berkesan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN**  
**[ JEMPOL ]**  
**TARIKH : 24.6.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [ JEMPOL ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan : -

- (a) kedudukan terkini berkaitan masalah disiplin pelajar; dan
- (b) Adakah masalah beban tugas guru yang melampau menjadikan disiplin terabai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat memandang serius terhadap permasalahan disiplin murid sekolah dan telah bersetuju agar pendekatan secara holistik digunakan iaitu dengan melibatkan pelbagai pihak bukan hanya kepada guru sahaja dalam membendung masalah tersebut. Ini disebabkan faktor yang mempengaruhinya adalah pelbagai termasuk pengaruh media dan pengaruh teknologi maklumat (ICT) dan tidak hanya berpunca daripada sekolah sahaja.

Terdapat enam jenis hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan disiplin murid seperti dalam garis panduan yang ditetapkan oleh KPM. Hukuman

tersebut adalah Amaran, Denda, Penahanan (detention), Hukuman Dera (Rotan - kecuali terhadap murid-murid perempuan), Penggantungan dan Pembuangan. Faktor yang dijadikan asas dalam dasar bagi mengenakan hukuman pula adalah;

1. Beratnya kesalahan
2. Kekkerapan kesalahan dan kesungguhan murid yang melakukannya,
3. Perwatakan dan latar belakang murid yang melakukan kesalahan.

Terdapat perbezaan ketara bagi semua kategori kes salah laku yang dilakukan oleh murid-murid di mana murid-murid sekolah menengah didapati paling ramai terlibat berbanding murid-murid sekolah rendah. Dengan usaha yang dilakukan secara berterusan ini, kes-kes salah laku murid ini menunjukkan penurunan. Sepanjang tahun 2008, masalah salah laku murid berada pada kadar 2.08% berbanding 2.10% pada tahun 2007 dan 2.13% pada tahun 2006.

Bagi memantapkan lagi pelaksanaan disiplin di sekolah dan meringankan beban pentadbir dan guru disiplin dalam menangani masalah disiplin, Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid yang telah ditubuhkan sejak tahun 2004, KPM telah memutuskan agar satu bentuk permuafakatan yang dinamakan **Majlis Permuafakatan Pendidikan Daerah (MPPD)** diwujudkan. Majlis tersebut dipengerusikan oleh Pegawai Pelajaran Daerah dan anggota **MPPD** bukan sahaja dari warga pendidik tetapi juga agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk PIBG, NGO dan pihak-pihak berkepentingan dalam pendidikan di peringkat daerah. Disamping itu, pelbagai langkah dilakukan termasuklah;

1. Pelaksanaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 khususnya terhadap tatacara hukuman terhadap murid yang melakukan kesalahan disiplin oleh pihak sekolah. Nasihat dan bimbingan sentiasa diberi kepada sekolah agar tindakan yang dibuat adalah betul dan tidak mendatangkan isu ketidakpuasan kepada pihak

awam khususnya ibu bapa. Ini termasuklah pematuhan Pekeliling-Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh KPM dari semasa ke semasa;

2. Melaksanakan **Program Jati Diri** kepada murid yang telah dikenakan tindakan oleh pihak sekolah khususnya terhadap tindakan buang, gantung sekolah serta kepada murid yang telah dikenakan tindakan kerana melakukan kesalahan berat yang lain;
3. Melaksanakan **Kursus Literasi Undang-Undang kepada Guru Disiplin seluruh negara**;
4. Melaksanakan **Kursus Pengurusan Emosi** kepada guru disiplin;
5. Kempen menerusi media massa seperti **Media Radio digunakan** ( Era FM, Sinar FM, X-fresh FM, Hot FM, KL FM dan Klasik FM );
6. Menyediakan **'Poster Anti Ponteng', 'Poster Anti Buli' dan 'Poster Pencegahan Seks Bebas'**;
7. Melaksanakan Program Rintis ***Sistem Merit Demerit***;
8. Menggerakkan **Pasukan Petugas Anti Ponteng**. Program ini akan dimantapkan lagi menerusi **Majlis Permuafakatan Pendidikan Daerah (MPPD)**;
9. Menggerakkan **program keibubapaan kepada anggota PIBG**;
10. Menggerakkan **program khas bersama PDRM di setiap negeri**; dan
11. Pelaksanaan rintis program Piawaian Keselamatan Sekolah dengan menfokuskan kepada lima aspek iaitu Pengurusan Aktiviti Murid, Pengurusan Keselamatan Dalam Menghadapi Krisis dan Bencana,

Pengurusan Keselamatan Infrastruktur Sekolah, Pengurusan Keselamatan Dalam Menangani Gejala Sosial dan Pengurusan Keselamatan Dalam Menghadapi Risiko.

KPM berharap semua langkah yang diambil dapat menangani masalah disiplin yang berlaku. Namun kerjasama dari pelbagai pihak amat diperlukan dalam memastikan masalah disiplin ini dapat dibendung.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN**  
**[ PASIR PUTEH ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN :**

Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan agensi khas untuk memantau dan menguatkuasakan penggunaan label halal pada produk dan perkhidmatan kerana penyalahgunaan dan penipuan yang berleluasa mutakhir ini telah menimbulkan keresahan orang ramai khususnya masyarakat Islam.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di Pertua,**

1. Sememangnya Kerajaan dari masa kesemasa, selain mengeluarkan Sijil Halal sentiasa bekerjasama dengan pihak Bahagian Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,

## NO SOALAN: 61

Koperasi dan Kepenggunaan untuk melaksanakan aktiviti pemantauan di tempat-tempat berisiko tinggi. Dalam masa yang sama, pemeriksaan juga dilakukan untuk memastikan tiada penggunaan Sijil halal yang palsu.

2. Tugas pemantauan dan penguatkuasaan penggunaan label Halal adalah di bawah bidang kuasa Bahagian Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Pihak HDC bergabung dengan Kementerian berkenaan apabila melakukan penguatkuasaan terhadap syarikat-syarikat yang menjadi fokus aduan dari pihak konsumen. Jika kesalahan tersebut boleh dibuktikan sebagai satu kes yang melanggar Akta Perihal Dagangan 1972, penalti boleh dikenakan terhadap pihak yang didapati bersalah.
3. Untuk memperkukuhkan lagi sistem pemantauan dan penguatkuasaan pensijilan Halal, sijil Halal HDC mempunyai ciri-ciri keselamatan tersendiri yang menentukan ketulenan sijil yang boleh dikenalpasti oleh pegawai pemeriksa HDC. Ciri-ciri keselamatan inilah yang dapat membezakan sijil tersebut samada ianya tulen ataupun palsu. Walaubagaimanapun, oleh kerana terdapat pihak-

**NO SOALAN: 61**

pihak yang ingin mengaut keuntungan, HDC dan KPDN akan terus memantau dari masa kesemasa.

Disediakan oleh:

(Mariam Abdul Latif)

Naib Presiden

Bahagian Halal Integriti

Halal Industry Development Corporation (HDC)

No. Tel. Bimbit : 019-2333 592

Diluluskan oleh :

Y.Bhg. Dato' Seri Jamil Bidin

Ketua Pegawai Eksekutif

Halal Industry Development Corporation (HDC)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI  
(BAGAN SERAI)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah kos sewaan dan pengubahsuaian Muzium Adat Jelebu dan siapakah pemiliknya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Muzium Adat telah dibuka secara rasmi pada 2hb Februari 2008. Muzium ini adalah di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia. Penubuhannya bertujuan menghimpunkan koleksi artifak pelbagai kaum di Negara kita dan memaparkan adat resam dalam kehidupan seharian untuk diketahui, difahami dan dihayati seterusnya dapat merapatkan persefahaman serta memperkukuhkan jati diri bangsa. Kos sewaan muzium ini ialah RM5,000.00 sebulan, manakala kos pengubahsuaian dan pengisian pameran adalah RM4,926,600.00 juta. Bangunan yang menempatkan Muzium Adat ini disewa daripada UMNO Bahagian Jelebu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]**  
**TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)**

**SOALAN:**

**YB TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cara penyelesaian yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah perundangan dan sosial berbangkit berikutan insiden di mana salah seorang ibu bapa bukan Islam yang menganut Islam dan soal hak penjagaan anak-anak dalam keluarga yang asal yang tersusul.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini Jabatan Peguam Negara sedang memuktamadkan pindaan undang-undang yang berkaitan dengan penukaran agama. Bagi maksud ini, pindaan yang sewajarnya akan dibuat kepada tiga undang-undang yang berkaitan, iaitu Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan

Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]. Adalah diharapkan melalui pindaan-pindaan ini, masalah perundangan dan sosial yang berbangkit daripada pemeluk Islam oleh salah seorang pasangan bukan Islam seperti isu pembubaran perkahwinan, nafkah, hak jagaan anak dan pembahagian harta perkahwinan akan dapat diatasi.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN FONG FO KUAN [BATU GAJAH]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

**Puan Fong Fo Kuan [Batu Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik pemberian biasiswa untuk program luar negara dan dalam negara mengikut kaum dengan keputusan peperiksaan SPM 2008 dan nyatakan keputusan yang telah diambil untuk memastikan ketelusan pemberian biasiswa bagi mengelakkan '*brain drain*' dan ketidakpuasan hati di kalangan pelajar cerdas pandai.**

**JAWAPAN:      YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Program Ijazah Luar Negara (PILN)2009, seramai 2,100 pelajar lepasan SPM 2008 ditawarkan biasiswa tajaan JPA bagi mengikuti pengajian di luar negara, iaitu 1,176 pelajar Bumiputera dan 924 pelajar bukan Bumiputera. Manakala bilangan pelajar lepasan SPM 2008 yang ditaja di dalam negara adalah seramai 2,000 pelajar yang merangkumi 1,380 pelajar Bumiputera dan 620 pelajar bukan Bumiputera. Kedua-dua golongan pelajar ini akan mengikuti pengajian di peringkat pra-universiti dan penajaan akan diteruskan ke peringkat Ijazah Pertama sekiranya pelajar mencapai tahap kecemerlangan yang ditetapkan.

Selari dari tajaan di atas, tajaan untuk Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) 2009 akan dibuka pada hujung bulan ini dan pelajar lepasan SPM 2008 layak memohon sekiranya telah ditawarkan tempat untuk pengajian di peringkat Diploma.

Pemilihan calon-calon adalah berdasarkan kriteria dan kategori tajaan seperti yang diputuskan oleh Kerajaan iaitu:

- (i) Kategori 1 – Biasiswa berasaskan kecemerlangan pelajar, sebanyak 20% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Untuk kategori ini, pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (85%), kokurikulum (10%) dan temu duga (5%). Latar belakang dan kedudukan sosioekonomi calon tidak diambil kira.
  
- (ii) Kategori 2 – Biasiswa berasaskan komposisi kaum, sebanyak 60% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Di bawah kategori ini, pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (75%), ko-kurikulum (10%), latar belakang sosioekonomi keluarga (10%) dan temuduga (5%). Seterusnya pembahagian biasiswa adalah mengikut peratusan komposisi rakyat Malaysia;
  
- (iii) Kategori 3 – Biasiswa untuk kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak sebanyak 10% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Penajaan untuk kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan agihan 5% untuk Bumiputera Sabah dan 5% untuk Bumiputera Sarawak. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (65%), kokurikulum (5%), latar belakang sosioekonomi keluarga (25%) dan temuduga (5%).

- (iv) Kategori 4 – Biasiswa untuk golongan *socially disadvantaged*, sebanyak 10% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Penajaan adalah untuk pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan dan suasana pembelajaran yang terhad dan dari keluarga yang berpendapatan rendah. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (65%), kokurikulum (5%), latar belakang sosioekonomi keluarga (25%) dan temuduga (5%).

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**  
**[ TUMPAT ]**  
**TARIKH : 24 Jun 2009**

**PERTANYAAN**

**Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah (kuantiti) minyak dan gas yang telah dikeluarkan daripada kawasan perlombongan bersama Malaysia - Thai bagi tahun 2006, 2007 dan 2008.

**CADANGAN JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang pada 29 Jun 2009 secara bersekali memandangkan kedua-dua soalan tersebut adalah hampir sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (*Malaysian-Thailand Joint Development Area - MTJDA*) adalah satu kawasan yang bertindih di antara Malaysia dan Thailand dengan saiz lebih kurang 7,250 kilometer persegi. Segala aktiviti dan pembangunan sumber petroleum di dalam kawasan MTJDA diuruskan oleh Pihak Berkuasa Bersama Malaysia – Thailand (*Malaysia-*

*Thailand Joint Authority - MTJA*) yang dimiliki sama rata (50:50) oleh Kerajaan Malaysia dan Thailand.

Pada masa ini, produk petroleum yang dihasilkan dari Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (*Malaysian-Thailand Joint Development Area - MTJDA*) adalah gas dan kondensat. Gas pertama yang dihasilkan dari kawasan MTJDA adalah pada bulan Januari 2005.

Dari segi hasil pengeluaran, jumlah pengeluaran gas dan kondensat dari kawasan MTJDA bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah seperti berikut:

Tahun Kewangan berakhir 31 Mac	Jumlah Pengeluaran Gas (billion kaki padu)	Jumlah Pengeluaran Kondensat (juta tong)
2006	65.2	901.6
2007	61.6	766.5
2008	106.6	1460.0

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
(MACHANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.6.2009**

**SOALAN NO : 66**

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Silterra Malaysia Sdn. Bhd. telah berjaya menebus bon pinjaman dengan mengikut jadual dari Japan Bank for International Corporation (JBIC) yang Kerajaan Malaysia menjadi penjamin, berapa kadar faedah dan jumlah yang belum selesai, jika ada.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Silterra Sdn. Bhd. telah memperolehi pinjaman dari Japan Bank for International Corporation (JBIC) dengan jaminan Kerajaan Malaysia berjumlah Yen 4,898,300,000 (RM174.8 juta) pada 29hb Januari 2001 pada kadar faedah sebanyak 2.33% setahun dan tempoh bayaran balik tujuh tahun. Tujuan pinjaman adalah untuk membeli peralatan dari Jepun bagi pengeluaran wafer untuk keperluan sektor pembuatan. Pinjaman ini telah selesai dibayar balik sepenuhnya pada 21hb Ogos 2008 dengan bayaran terakhir pokok dan faedah sebanyak Yen 353,937,853 (RM13.0 juta).

NW = 67.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU  
[KOTA KINABALU]**

**TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan pembangunan ke atas bekas tapak lapangan terbang Tawau yang luasnya lebih kurang 300 ekar dimana untuk kepentingan umum orang awam membantah jika tapak ini dibangunkan oleh pihak swasta.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Tapak Lapangan Terbang Lama Tawau merupakan tanah Kerajaan Negeri yang dirizabkan bagi maksud lapangan terbang (*aerodrome reserve*) melalui pemberitahuan Warta Kerajaan dalam G.N. 575/1955 dengan keluasan 270.83 ekar. Dalam tahun 2004, Jabatan Tanah dan Ukur Sabah telah memaklumkan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengambil balik tapak tersebut kerana ia tidak lagi digunakan seperti yang dinyatakan dalam warta berkenaan. Namun, Kerajaan Persekutuan ingin menggunakan sebahagian tapak tersebut untuk kepentingan awam seperti kegunaan Kementerian dan Agensi Persekutuan yang berminat iaitu Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Bahagian Keselamatan Negara, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kementerian Pertahanan. Keluasan tapak yang dipohon ialah 126.04 ekar. Permohonan ini masih dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN JUN 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. LO' LO [TITIWANGSA]

TARIKH : RABU, 24 JUN 2009

RUJUKAN : 10

SOALAN :

Dr. Lo'Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :

Jumlah pub dan kelab malam berlesen yang dikenal pasti beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan, Putrajaya dan Kuala Lumpur sejak Januari 2008 dan adakah ada lesen dikeluarkan bagi tempat-tempat berkenaan untuk menawarkan khidmat GRO.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, secara umumnya, pub merupakan salah satu tempat hiburan yang menyediakan berbagai jenis minuman keras seperti *liquor, beer, spirits* dan *wine* serta terdapat aktiviti hiburan yang kebiasaannya secara *live music*. Manakala, kelab malam pula merupakan tempat tari-menari yang diiringi muzik samada yang dimainkan oleh DJ atau secara *live*.

Berdasarkan rekod Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), jumlah pub dan kelab malam berlesen yang menjalankan aktiviti hiburan di Kuala Lumpur adalah seperti berikut :

**Jumlah Pembaharuan Lesen Sedia Ada dan Pengeluaran Lesen Baru Bagi Pub dan Kelab Malam (2008 - Mei 2009)**

Jenis perniagaan	Tahun 2008		Tahun 2009	
	Pembaharuan Lesen Sedia Ada	Lesen Baru	Pembaharuan Lesen Sedia Ada	Lesen Baru
Pub	203	45	248	15
Kelab Malam	5	0	5	0
Jumlah	208	45	253	15
	253		268	

Pada tahun 2008, jumlah pub dan kelab malam berlesen yang beroperasi di Kuala Lumpur adalah sebanyak 253 unit. Sementara bagi tahun 2009 (sehingga Mei), jumlah pub dan kelab malam yang telah menjalankan operasinya adalah sebanyak 268 unit.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, DBKL tidak mengeluarkan lesen bagi aktiviti pegawai khidmat pelanggan (GRO).

Perbadanan Putrajaya pula, sehingga setakat ini, belum pernah melesenkan apa-apa aktiviti pub dan kelab malam bagi kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sementara itu, bagi Wilayah Persekutuan Labuan, terdapat 46 premis pusat hiburan yang telah berdaftar dengan Unit Pelesenan, Perbadanan Labuan. Terdapat 4 kategori pusat hiburan di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu :

- i) bar / lounge (25 unit);
- ii) karaoke (10 unit);
- iii) disko / hiburan langsung (4 unit); dan
- iv) pub (7 unit).

Perbadanan Labuan tidak pernah mengeluarkan sebarang lesen untuk perkhidmatan GRO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NW: 69

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Dato' Seri Ong Ka Ting**  
**[ KULAI ]**  
**TARIKH JAWAPAN** : **24 JUN 2009 (RABU)**  
**DI DEWAN RAKYAT**  
**SOALAN** : **NO. 69**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan apakah pelan tindakan Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan teknologi hijau dan mengurangkan pengeluaran karbon (*carbon emission*) di Malaysia, terutamanya dalam sektor penjanaan perkilangan dan perladangan dengan mempromosikan mekanisme CDM (*Clean Development Mechanism*).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kementerian telah mula menggalakkan penggunaan Teknologi Hijau seperti penggunaan Tenaga Boleh Diperbaharu dan amalan Kecekapan Tenaga atau dengan izin, *Renewable Energy (RE)* dan *Energy Efficiency (EE)* seawal Rancangan Malaysia Kelapan. Pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan seperti program *Small Renewable Energy Power Program (SREP)*, Projek *Biomass Based Power Generation and Cogeneration (Biogen)* di Kilang Kelapa Sawit, Projek *Malaysian Building Integrated Photovoltaics (MBIPV)*, *Malaysian Energy Efficiency Improvement Programme (MEEIP)* dan sebagainya. Walau

bagaimanapun, pada masa kini, Kementerian sedang merangka dasar strategi dan hala tuju Sektor Teknologi Hijau untuk memacu pembangunan Teknologi Hijau di Malaysia. Ini termasuklah penetapan fokus dan pelan tindakan Kementerian untuk membangunkan Teknologi Hijau dalam negara yang menggariskan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang untuk meningkatkan penggunaan Teknologi Hijau.

Tuan Yang Dipertua,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Clean Development Mechanism (CDM) merupakan suatu instrumen yang berasaskan pasaran yang diperkenalkan di bawah Protokol Kyoto bertujuan untuk membantu negara-negara membangun mencapai pembangunan lestari. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan CDM Kebangsaan dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air adalah pengerusi Jawatankuasa Teknikal CDM (JTCDM) bagi Sektor Tenaga di Malaysia dimana fungsi JTCDM adalah mempertimbangkan permohonan untuk melaksanakan projek-projek CDM yang berkaitan dengan Sektor Tenaga.

Bilangan permohonan yang diterima untuk projek CDM telah meningkat secara berperingkat dari tahun 2002 sehingga 2009 dimana permohonan yang diterima kebanyakannya daripada sektor perladangan dan perkilangan. Sehingga 2009, sebanyak 34 projek tenaga dari sektor perkilangan dan perladangan Malaysia telah didaftarkan dengan pihak Lembaga Eksekutif CDM di Bonn, Germany

dengan anggaran pengurangan gas karbon dioksida sebanyak 2.7 juta *Tonne CO2 equivalent* (tCO<sub>2e</sub>).

Kementerian sentiasa menggalakkan sektor-sektor seperti perkilangan dan perladangan khususnya ladang kelapa sawit serta pemaju-pemaju di bawah program SREP untuk memohon bagi mendapatkan status CDM bagi meningkatkan *viability* satu-satu projek. Selain itu, beberapa bengkel serta seminar mengenai CDM telah diadakan oleh Pusat Tenaga Malaysia (PTM) sejak tahun 2004 selaku Sekretariat CDM untuk Sektor Tenaga. Selain itu, PTM juga telah menerbitkan *Malaysia CDM Information Handbook* pada tahun 2006 untuk menyampaikan maklumat mengenai proses, prosedur serta kriteria kebangsaan CDM kepada pihak umum.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD  
YUSOFF [BALIK PULAU]

**TARIKH** : 24 JUN 2009 (RABU)

**SOALAN** :

**TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status dan tindakan terhadap projek terbengkalai jalan raya di antara Teluk Kumbar dan Genting di Balik Pulau.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Baik Pulih Jalan dari Pekan Genting ke Balik Pulau Pakej 2B yang terbengkalai telahpun dimulakan dengan pelantikan kontraktor yang baru pada 15 Mei 2009 dengan tarikh masuk tapak pada 27 Mei 2009.

Kos kontrak projek ini selepas ditender semula ialah sebanyak RM 42 juta dengan tempoh siap selama 72 minggu. Projek ini dijangka siap pada 23 November 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

NO: 71

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH  
( KELANA JAYA )  
TARIKH : 24.06.2009  
NO. SOALAN : 71

TUAN GWO-BURNE LOH ( KELANA JAYA ) minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN  
menyatakan sama ada GMC Utama Sdn. Bhd mempunyai lesen sah mengoperasi  
“Mat Kiosk“ dan “Airku“ sehingga terdapat 138 kes penipuan dilaporkan kepada pihak  
polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat GMC Utama Sdn Bhd pernah memohon lesen jualan langsung daripada  
Kementerian ini namun lesen mereka dibatalkan pada 16 Oktober 2008 disebabkan  
banyaknya aduan mengenai penipuan yang dilakukan oleh syarikat ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan memberi peruntukan kepada negeri Pulau Pinang untuk menguruskan Tapak Warisan Sedunia UNESCO.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan bagi pemuliharaan bangunan-bangunan warisan yang utama di dalam Tapak Warisan Dunia akan dipohon di bawah program Rancangan Malaysia Kesepuluh. Keutamaan pada tahun 2009-2010 ini adalah untuk Kementerian membantu Kerajaan Pulau Pinang dan Melaka dalam penyediaan Pelan Pengurusan Kawasan Warisan Dunia, Garis Panduan Pembangunan dan Konservasi Bangunan dan Penubuhan Pejabat Warisan Dunia George Town.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**RUJUKAN : 1845**

**SOALAN:**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan pengambilan dan latihan rekrut polis dan bilangan polis yang terkini. Walaupun sesetengah aspek polis seperti cawangan khas mempunyai tahap yang tertentu, apakah standard kepolisian di semua bidang berbandingkan dengan negara-negara seperti United Kingdom.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kekuatan keanggotaan PDRM pada masa kini adalah seramai 100,909 orang. Sejak tahun 2007 hingga 2009, PDRM telah membuat pengambilan seramai 1,779 Pegawai Kanan dan 8,530 anggota polis.

Pengambilan pegawai dan anggota PDRM dibuat untuk pangkat Inspektor Percubaan, Konstabel Percubaan dan Konstabel Sokongan. Bagi pengambilan polis berpangkat Inspektor Percubaan, mereka akan mengikuti Program Latihan Asas Kepolisan selama 12 bulan. Program tersebut berdasarkan kaedah (PLAK 6+5+1) iaitu Latihan Asas selama 6 bulan, Latihan Amali 5 bulan dan Latihan Perbarisan Tamat Latihan selama 1 bulan. Seterusnya, bagi pengambilan anggota polis Konstabel Percubaan, rekrut dikehendaki mengikuti Program Latihan Asas Kepolisan selama 7 bulan berdasarkan kaedah (PLAK 3+3+1) di mana mereka akan menjalani Latihan Asas selama 3 bulan, Latihan Amali selama 3 bulan dan Latihan Perbarisan Tamat Latihan selama 1 bulan. Manakala tempoh latihan bagi Konstabel Sokongan pula adalah selama tiga (3) bulan di PULAPOL. Walau bagaimanapun Ketiga-tiga Modul tersebut adalah meliputi Prosedur Kerja, Undang-undang, Liberal dan Latihan Luar.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan silibus dan kurikulum Latihan Polis di Malaysia, latihan yang dilaksanakan oleh pihak PDRM adalah setanding dengan negara-negara luar. Sebagai contoh, Latihan Kepolisan Asas di United Kingdom adalah hanya mengambil masa selama 4 bulan begitu juga dengan Latihan Asas di Seattle, Washington. Selain itu, PDRM mempunyai cara tersendiri untuk mengukur kecekapan dan keberkesanan organisasi iaitu melalui Key Performance Indicator (KPI), Star Rating System (SRS), Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) dan International Organization for Standardization (ISO).

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA  
(PARIT)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **24.06.2009**

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria (Parit) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah wabak Influenza A (H1N1) memberikan kesan ketara kepada pasaran saham tempatan seperti mana yang pernah berlaku ketika wabak selesema burung (H5N1) pada tahun 2002.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara umumnya wabak Influenza A (H1N1) tidak memberi kesan yang ketara terhadap pasaran saham tempatan mahupun pasaran global. Ini dapat dilihat daripada prestasi pasaran global dan serantau yang menunjukkan peningkatan yang amat menggalakkan.

2. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) telah menokok 18% setakat 8 Jun 2009 pada masa wabak H1N1 mula dikesan dan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 6% walaupun Malaysia melaporkan kesnya yang pertama. Prestasi pasaran saham tempatan adalah seiring dengan pasaran serantau dan terus menunjukkan trend positif yang dipacu oleh sentimen pelabur tentang prospek positif ekonomi tempatan dan global semenjak bulan Mac tahun ini.

3. KLCI telah didagangkan melebihi paras 1,000 mata secara konsisten semenjak 30 April dan telah meningkat kepada 1,075.50 mata pada 5 Jun, iaitu paras tertinggi sejak September 2008. Aktiviti dagangan dalam bursa tempatan juga telah menunjukkan peningkatan yang ketara semenjak pertengahan bulan April

apabila pasaran saham global mula melonjak naik di mana volum dagangan meningkat kepada 3.9 bilion pada 11 Mei, iaitu paras tertinggi sejak Februari 2007. Manakala purata harian volum dagangan untuk tahun ini sehingga 8 Jun adalah kira-kira 1 bilion sehari manakala volum melonjak kepada 1.7 bilion sehari sejak Malaysia melaporkan kes influenzanya yang pertama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI**

**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE**

**[ SETIU ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN :**

**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **Menteri Kesihatan** menyatakan jumlah petugas di sektor perubatan yang dikenakan tindakan tatatertib sepanjang tahun lalu dan apakah usaha konkrit Kementerian dalam memastikan sistem perkhidmata kepada rakyat tidak terjejas dengan isu disiplin petugas perubatan di negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sepanjang tahun 2008, sejumlah 180 orang penjawat awam di sektor perubatan telah dikenakan tindakan tatatertib di mana 157 penjawat awam adalah daripada Kumpulan Sokongan manakala 23 penjawat awam adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Antara usaha-usaha konkrit Kementerian dalam memastikan sistem perkhidmata kepada rakyat tidak terjejas dengan isu disiplin adalah melalui dua pendekatan berikut

- i. Berbentuk preventif seperti ceramah keagamaan, program *mentor-mentee*, kaunseling dan kempen-kempen. Program pemantauan secara berterusa terhadap tahap integriti seperti pengisytiharan harta, penglibatan dalam pekerjaan luar dan politik turut dilaksanakan secara berkala.
- ii. Berbentuk punitif seperti tindakan tatatertib yang telah digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING  
[SERDANG]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN : PUAN TEO NIE CHING  
[SERDANG]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci projek yang dilaksanakan di kawasan Serdang dalam tahun 2008 di bawah peruntukan khas Y.A.B. Perdana Menteri sebanyak RM500,000. Nyatakan projek, kos dan syarikat yang melaksanakan projek berkenaan.

**JAWAPAN : Y.B. DATO' DEVAMANY a/l S.KRISHNASAMY**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2008 yang lalu, sebanyak RM449,950.00 telah dibelanjakan bagi membiayai 23 projek/program sosial/kebudayaan dan keagamaan di kawasan Parlimen Serdang. Kesemua peruntukan telah disalurkan terus kepada pemohon/NGO yang berkenaan.

Bilangan dan kos projek mengikut kategori program adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>BIL PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK (RM)</b>
1	Membiayai sebahagian kos majlis/pertandingan	6	121,000.00
2	Membiayai bantuan kepada masjid/surau	3	42,900.00
3	Membiayai kos perayaan agama	7	140,050.00
4	Lain-lain program sosial	7	146,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>23</b>	<b>449,950.00</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**[ TELOK KEMANG ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**[ TELOK KEMANG ]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek-projek awam yang tergendala mengikut jadual pelaksanaannya di seluruh negara dan kerugian yang ditanggung akibat kelewatan pelaksanaan serta tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' DEVAMANY a/I S.KRISHNASAMY**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga 10 Jun 2009, maklumat Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) menunjukkan terdapat 1,062 projek atau 3.7% daripada keseluruhan 28,441 projek RMKe-9 berstatus Lewat Jadual berbanding perancangan asal di seluruh negara. Ini melibatkan peruntukan sebanyak RM9.374 bilion atau 4.1% daripada

keseluruhan peruntukan RMKe-9. Bagi projek-projek ini, tindakan penyelesaian untuk mengenal pasti seterusnya mengatasi isu atau masalah yang berbangkit dilaksanakan secara berterusan oleh kementerian/jabatan/agensi yang bertanggungjawab. Ini bertujuan untuk memulihkan status pelaksanaan projek supaya kembali kepada jadual pelaksanaan asalnya dan seterusnya mengelak sebarang kerugian, terutama dari segi kewangan kepada kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

**TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA (PADANG TERAP) minta**

**PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) sejauh manakah pelaksanaan Garis Panduan Hiburan Islam yang berada di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim); dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk menjadikan garis panduan ini sebagai akta.

## **JAWAPAN:**

### **Tuan Yang Dipertua;**

- (a) Garis Panduan Hiburan Dalam Islam yang diterbitkan oleh Jakim adalah sebagai rujukan kepada seluruh masyarakat di Malaysia khususnya para penggiat kesenian dan kebudayaan. Dengan berpandukan kepada garis panduan ini, semua penggiat seni dan hiburan di negara ini akan dapat mengadakan persembahan kesenian dan hiburan yang selari dengan kehendak Islam seterusnya mengelakkan mereka daripada aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan ajaran dan aqidah Islam.
- (b) Kerajaan akan sentiasa memantau sejauhmana pematuhan masyarakat Islam khususnya para penggiat hiburan dan kesenian terhadap garis panduan ini. Kerajaan juga akan sentiasa membuat penambahbaikan terhadap garis panduan ini bagi memastikan ia sentiasa sesuai dan relevan dengan keperluan semasa dalam usaha melahirkan sebuah

masyarakat yang bertamadun dan berakhlak mulia. Oleh yang demikian, Kerajaan juga dari masa ke semasa akan bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan untuk menjadikan garis panduan ini sebagai Akta yang boleh mendidik masyarakat agar dapat mematuhi tuntutan ajaran Islam di dunia ini.

Disediakan Oleh:

(HAJI RAZALI BIN SHAHABUDIN)

Tel: 019-2483175

Disemak Oleh:

(HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA)

Tel: 012-6851486

Diluluskan Oleh:

(DATO' HAJI WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABDUL AZIZ)

Tel: 012-2399864

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA .

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]  
TARIKH : 24 JUN 2009  
SOALAN :

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk pembiayaan kesihatan (*health financing*) penduduk (rakyat dan warga asing) di negara ini memandangkan kos pembiayaan perubatan semakin meningkat. Adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu skim insurans kesihatan mengikut model PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya sedar dan prihatin tentang *trend* peningkatan perbelanjaan kesihatan negara dan keperluan untuk mewujudkan mekanisma pembiayaan kesihatan yang bersesuaian untuk rakyat Malaysia seperti yang dinyatakan dan ini termasuklah rancangan mewujudkan model pembiayaan kesihatan baru seperti Skim Insurans Kesihatan Nasional. Perancangan sistem ini mengambilkira kajian yang telah dijalankan oleh Kerajaan dan input serta maklumbalas dari pelbagai pihak termasuklah sektor awam, swasta dan badan bukan kerajaan. Di samping itu, situasi ekonomi dan tahap pembangunan negara juga turut dipertimbangkan.

Kerajaan menyedari bahawa pelaksanaan mekanisma baru bagi pembiayaan kesihatan akan memberi kesan kepada pelbagai pihak. Justeru, cadangan untuk mewujudkan sebarang skema baru seperti Insurans Kesihatan Nasional perlulah dilakukan dengan amat berhati-hati agar pelaksanaannya dapat dilakukan

secara berperingkat-peringkat, teliti, lancar serta boleh diterimapakai oleh penduduk Malaysia. Model PERKESO seperti juga model-model pembiayaan kesihatan lain turut dikaji dan pengalaman PERKESO sebagaimana dalam kutipan caruman insurans turut diteliti dan diambilkira. Namun, butir-butir terperinci mekanisma pembiayaan kesihatan negara tersebut termasuk tarikh pelaksanaannya masih belum dimuktamadkan lagi.

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]**

**TARIKH : 24 Jun 2009 (Rabu)**

**SOALAN : Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah tertentu yang telah dan akan diambil dalam waktu terdekat ini terutamanya dalam isu politik , sosio ekonomi serta pendidikan bagi meyakinkan rakyat jelata bahawa dasar Kerajaan serta perlaksanaannya selaras dengan konsep 1 Malaysia seperti yang diperkenalkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang diPertua,**

Di antara langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan untuk menterjemah dan merealisasikan gagasan 1Malaysia adalah seperti berikut.

Dalam bidang politik dan pentadbiran, sekurang-kurangnya dua (2) langkah sedang dan akan dilaksanakan dengan giatnya, iaitu,

- (a) penyebaran konsep 1Malaysia secara meluas supaya dapat dihayati oleh semua lapisan masyarakat, terutamanya para pemimpin politik, pentadbiran dan masyarakat, supaya terus berusaha memupuk perpaduan antara kaum, melayani semua rakyat secara adil, khasnya mereka yang memerlukan

pembelaan, di samping menerima dan menghormati kepelbagaian dari segi kebudayaan sebagai satu kekuatan dan kelebihan;

- (b) memperkenalkan dan mengamalkan pengurusan prestasi dengan kaedah Penunjuk Prestasi Utama ("*Key Performance Indicators*" atau KPI) secara berkesan untuk meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan awam dan pelaksanaan projek-projek pembangunan supaya semua kumpulan sasaran dan semua rakyat dapat menikmati hasil pembangunan.

Dalam bidang ekonomi, langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan termasuklah peningkatan daya saing ekonomi negara melalui liberalisasi sektor-sektor ekonomi yang berkenaan untuk menjana dan menarik lebih banyak pelaburan, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan lagi pendapatan rakyat jelata, supaya negara kami berjaya beralih dari negara "*middle-income*" ke "*high-income*".

Dalam bidang sosial, pelaksanaan dasar-dasar pembangunan sosial akan memberi tumpuan yang lebih khusus kepada golongan-golongan masyarakat yang serba kekurangan (*disenfranchised*), kurang bernasib baik (*disadvantaged*) atau terpinggir, di samping menangani gejala-gejala sosial dan memperkasakan kumpulan-kumpulan tersebut melalui program-program pendidikan, kesihatan dan kebajikan supaya membolehkan mereka menyertai proses

pembangunan sosio-ekonomi secara lebih bermakna, berkesan dan berhasil.

Dalam bidang pendidikan pula, langkah-langkah akan terus diambil untuk mempertingkatkan lagi mutu pendidikan di semua peringkat, memberi biasiswa dan bantuan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dan yang memerlukannya, serta meningkatkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan corak minda (*mindset*) yang bersesuaian dengan masyarakat berasaskan pengetahuan.

Langkah-langkah spesifik yang lain sedang dibincang dan dirancang oleh Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan, berdasarkan kepada maklumbalas dan sumbangan idea-idea dari mereka yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang relevan.

Adalah diharapkan bahawa dengan komitmen yang kukuh, usaha yang gigih dan pendekatan yang kreatif, maka gagasan 1Malaysia sebagai sasaran untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu-padu dan maju dapat dicapai, selaras dengan Wawasan 2020.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN DING KUONG HING**  
**TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)**  
**SOALAN : NO. 82**

Tuan Ding Koung Hing [ Sarikei ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat mendirikan sebuah Politeknik atau Kolej Komuniti yang ditaja oleh kerajaan di bahagian Sarikei selaras dengan moto satu parlimen satu kolej, jika ya, bila.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah politeknik dan kolej komuniti dibuat berdasarkan kepada keperluan semasa. Pada masa ini, penubuhan kolej komuniti di bahagian Sarikei tidak termasuk dalam cadangan penubuhan bagi tempoh RMKe-9. Kolej Komuniti Cawangan Betong merupakan kolej komuniti yang berhampiran dengan kawasan Sarikei yang boleh menerima pelajar dari kawasan tersebut. Dalam RMKe-9, sebuah kolej komuniti akan ditubuhkan di Sarawak iaitu Kolej Komuniti Miri. Dengan penubuhan kolej komuniti ini, bilangan politeknik dan kolej komuniti di negeri Sarawak adalah berjumlah tujuh buah.

Selain kolej komuniti Miri, negeri Sarawak telah mempunyai dua buah politeknik, dua buah kolej komuniti induk dan dua buah kolej komuniti cawangan iaitu:-

- i. Politeknik Kuching Sarawak
- ii. Politeknik Mukah
- iii. Kolej Komuniti Kuching
- iv. Kolej Komuniti Mas Gading
- v. Kolej Komuniti Cawangan Betong
- vi. Kolej Komuniti Cawangan Santubong

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN CHARLES ANTHONY  
A/L R.SANTIAGO [KLANG]

**TARIKH** : 24 JUN 2009 (RABU)

**SOALAN** :

**TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [KLANG]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa permintaan Spaz Sdn. Bhd. (projek naik taraf jalan FT5 dari Klang ke Kapar (fasa 3) untuk peruntukan sebanyak RM11 juta masih belum diluluskan walaupun Kementerian telah terima peruntukan yang besar dari Pakej Perangsang 1 dan 2.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah mengkaji permohonan peruntukan berjumlah RM11.0 juta daripada Syarikat Spaz Sdn. Bhd. selaku kontraktor kepada Projek Menaiktaraf Jalan FT5 dari Kapar ke Klang. Didapati kaedah yang lebih sesuai untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di Bandar Klang adalah melalui mewujudkan rangkaian jalan sehalu di laluan utama di Bandar Klang. Kerajaan telah bersetuju meluluskan RM2.2 juta bagi maksud tersebut.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **24.06.2009**

**SOALAN NO** : **84**

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah yang dibelanjakan oleh rakyat Malaysia dan pelancong luar dalam industri judi di pusat-pusat perjudian dalam negara.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, hanya terdapat sebuah kasino dan enam (6) agensi nombor ramalan yang dilesenkan oleh Kerajaan untuk menjalankan operasi perjudian di Malaysia. Bagi tahun 2008, perbelanjaan rakyat Malaysia dan pelancong luar di pusat-pusat perjudian berjumlah lebih kurang RM22 bilion.

2. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai pecahan jumlah yang dibelanjakan oleh rakyat Malaysia dan pelancong luar di premis-premis perjudian yang dilesenkan Kerajaan oleh kerana maklumat kewarganegaraan tidak diperlukan ketika transaksi dijalankan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : RABU, 24 JUN 2009**

**RUJUKAN : 11**

**SOALAN :**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan:**

- (a) projek membangunkan semula Kompleks Plaza Rakyat, Kuala Lumpur dikatakan akan disambung semula selepas urusan perundangan selesai. Bilakah kerja-kerja pembangunan dimulakan; dan
- (b) siapakah kontraktor yang telah dianugerahkan kerja ini dan berapakah kos yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Petani, pada masa ini, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah pun menyediakan dan mengemukakan kertas pertimbangan kepada Unit Penswastan & PFI, Jabatan Perdana Menteri (UPPFI, JPM) berhubung cadangan untuk melantik syarikat baru bagi mengambil alih projek ini daripada Plaza Rakyat Sdn. Bhd (PRSB).

Sekiranya pihak UPPFI, JPM setuju dengan cadangan pelantikan syarikat baru tersebut dan pihak-pihak yang terlibat juga setuju dengan syarat-syarat dan

terma yang telah ditetapkan, maka kedudukan projek ini akan dimaklumkan setelah mendapat ulasan daripada pihak UPPFI, JPM.

Syarikat baru yang telah dicadangkan untuk mengambil alih segala liabiliti pemaju lama adalah Global Upline Sdn. Bhd (GUSB). Kos yang terlibat pula masih di peringkat pertimbangan. Ianya akan ditentukan kemudian setelah pelantikan GUSB dipersetujui oleh pihak UPPFI, JPM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN  
(TANJONG MANIS)**

**TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Puan Norah binti Abd Rahman (Tanjong Manis) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mengapakah:-**

- a) sama ada Kementerian telah memberi peruntukan yang sewajarnya kepada pegawai-pegawai kebajikan untuk menjalankan tugas di kawasan Parlimen Tanjong Manis untuk melancarkan permohonan Borang JKM CARI; dan
- b) Jika tidak, apa sebab-sebabnya.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM 3,915,740.00 bagi pembiayaan bayaran gaji, tuntutan perjalanan dan elaun

kerja lebih masa bagi 160 orang Pegawai Khidmat Sambilan di bawah Projek CARI di Negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan kewangan dan bilangan kakitangan sambilan Projek CARI diagihkan mengikut Bahagian. Bagi Bahagian Sarikei, seramai 8 orang pekerja sambilan Projek CARI telah ditempatkan dan daripada jumlah ini seramai 4 orang ditempatkan di Kawasan Parlimen Tanjung Manis dengan peruntukan sebanyak RM63,515.00.

Pihak Kementerian akan menghantar peruntukan tambahan serta kakitangan sambilan Projek CARI tambahan sekiranya diperlukan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sarikei.

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG**  
**( LAWAS )**  
**TARIKH** : **24 JUN 2009 ( RABU )**  
**SOALAN** : **Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG**

[Lawas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah manfaat secara langsung khususnya kepada rakyat luar bandar hasil daripada konsep 1 Malaysia yang diilhamkan baru-baru ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Seperti yang dijelaskan oleh YAB Perdana Menteri, Gagasan 1Malaysia merupakan kesinambungan kepada usaha memupuk perpaduan negara dan integrasi nasional di kalangan masyarakat Malaysia yang majmuk. Ianya memberi nafas dan tenaga baru kepada Wawasan 2020 dan Misi Nasional yang telah dimajukan sebelum ini. Teras utama Gagasan ini ialah untuk memupuk semangat saling

menghormati dan menerima kepelbagaian sebagai satu kekuatan, di samping membela semua rakyat Malaysia supaya tidak ada golongan terpinggir. Gagasan 1Malaysia adalah selaras dengan semangat dan intipati Perlembagaan Persekutuan dan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Oleh kerana keutamaan gagasan adalah rakyat, maka kerajaan sememangnya akan memberi perhatian kepada golongan-golongan yang ketinggalan dari aspek ekonomi, pendidikan, sosial, pembangunan dan sebagainya tanpa mengira kaum. Kerajaan akan mengambil pelbagai pendekatan ke arah mengurangkan jurang-jurang yang sedia wujud.

Dalam bidang ekonomi di mana realitinya memang terdapat golongan atau kaum yang berpendapatan rendah dan kurang berjaya. Golongan tersebut kebanyakannya terdiri daripada penduduk-penduduk di luar bandar, walaupun terdapat juga masalah kemiskinan di kalangan penduduk bandar. Mereka merupakan golongan yang memerlukan perhatian dan tindakan istimewa daripada Kerajaan. Di samping meningkatkan prasarana asas seperti jalan, jambatan, bekalan elektrik dan air, usaha akan diteruskan untuk mengwujudkan lebih banyak

peluang pekerjaan dan perniagaan demi meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Dalam bidang pendidikan pula, langkah-langkah akan terus diambil untuk mempertingkatkan lagi mutu pendidikan di semua peringkat, memberi biasiswa dan bantuan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dan yang memerlukannya, serta meningkatkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan corak minda (*mindset*) yang bersesuaian dengan masyarakat berasaskan pengetahuan (*knowledge society*).

Dalam bidang sosial, pelaksanaan dasar-dasar pembangunan sosial akan memberi tumpuan yang lebih khusus kepada golongan masyarakat yang serba kekurangan (*disenfranchised*), kurang bernasib baik (*disadvantaged*) atau terpinggir, khasnya yang dari luar bandar, di samping menangani gejala-gejala sosial dan memperkasakan kumpulan-kumpulan tersebut melalui program-program pendidikan, kesihatan dan kebajikan supaya membolehkan mereka menyertai proses pembangunan sosio-ekonomi secara lebih bermakna, berkesan dan berhasil.

Bagi melihat hasrat kerajaan ini terlaksana dengan baik dan berkesan, pentadbir-pentadbir perlu meningkatkan sistem penyampaian masing-masing. Pengurusan prestasi melalui KPI akan digunakan untuk mengukur prestasi pencapaian. Kaedah ini secara tidak langsung akan memberi pulangan atau manfaat kepada semua rakyat tanpa mengira sama ada mereka tinggal di bandar mahu pun luar bandar.

Adalah diharapkan bahawa dengan komitmen yang kukuh, usaha yang gigih dan pendekatan yang kreatif, maka gagasan 1Malaysia sebagai sasaran untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu-padu dan maju tanpa mengira bandar atau luar bandar dapat dicapai, selaras dengan Wawasan 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ  
(SRI GADING)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Anugerah Seniman Negara dalam memajukan industri seni negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Pengiktirafan tertinggi kerajaan kepada penggiat seni, karyawan dan seniman yang memperlihatkan ketokohan dan memberikan sumbangan yang cemerlang dalam bidang seni melalui Anugerah Seni Negara (ASN) telah membantu memajukan industri seni negara. Dalam tempoh pelaksanaannya sejak tahun 1993, anugerah ini telah mengangkat seramai 84 orang tokoh dalam pelbagai bidang dan daripada jumlah tersebut lapan orang) merupakan penerima Anugerah Seniman Negara.

Tokoh Seniman Negara akan berkhidmat dengan kementerian selama setahun sebagai Seniman Tamu yang menjadi pakar rujuk dan melaksanakan aktiviti untuk meningkatkan minat dan penglibatan masyarakat dalam seni. Antaranya ialah;

- Memberi tunjuk ajar cara pembuatan peralatan muzik, seni ukiran, tarian dan lakonan kepada pelajar dan penggiat untuk meningkatkan kemahiran dan menghasilkan produk yang berkualiti.
- Mempamerkan hasil karya seni yang bermutu untuk jualan di samping meningkatkan minat masyarakat terhadap seni budaya.
- Merakamkan hasil karya seni dalam bentuk CD dan VCD bagi tujuan promosi dan dokumentasi, dan;
- Pementasan seperti bangsawan dan konsert mampu memajukan aspek produksi seperti peralatan teknikal, sistem bunyi, pencahayaan, peralatan muzik, kostum, aksesori, penggubahan lagu, lirik dan seumpamanya.

Di samping itu, anugerah ini telah berjaya mengangkat kesenian tradisional yang hampir pupus seperti wayang kulit, mak yong, bangsawan dan seni ukir setaraf dengan kesenian yang lain iaitu seni lukis, muzik, teater dan seni filem.

Dengan adanya program pengiktirafan oleh kerajaan kepada penggiat, karyawan, seniman, budayawan dan pelbagai sektor yang

terlibat dalam pembangunan industri seni budaya seperti swasta, badan bukan kerajaan dan media telah berjaya menggalak dan merangsang pembangunan industri seni negara.

Program pengiktirafan seperti Anugerah Seniman Negara secara langsung telah memberi kesan kepada kemajuan industri seni tanah air.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG  
(GELANG PATAH)  
TARIKH : 24.06.2009

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN TAN AH ENG [ GELANG PATAH ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah untuk membetulkan fakta-fakta sejarah Malaysia sebelum Kemerdekaan khususnya dalam buku teks Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) hanya menerbitkan **buku teks Sejarah** untuk keperluan murid sekolah menengah rendah dan menengah atas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, KPM belum menerbit atau mengeluarkan **buku teks Malaysia** seperti yang didakwa bagi kegunaan murid sama ada di sekolah menengah ataupun di sekolah rendah dengan menggunakan fakta sejarah Malaysia yang salah.

Berhubung dengan fakta-fakta dalam buku teks yang dikeluarkan oleh KPM, Kementerian sentiasa mengambil langkah untuk menyemak semula fakta-fakta sejarah berkaitan dengan jangkamasa sebelum kemerdekaan dan didapati peristiwa, tokoh dan perjuangan memang tepat mengikut tarikh dan jangkamasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kandungan buku teks Sejarah telah ditulis oleh pakar-pakar sejarah Malaysia dan penulisan adalah mengikut peristiwa, fakta dan tokoh-tokoh yang benar-benar terlibat.

Pendekatan kurikulum Sejarah di sekolah menengah dirancang dan disusun dalam bentuk rentetan peristiwa mengikut kronologi supaya murid dapat memahami proses perkembangan masyarakat dan negara serta unsur-unsur kesinambungan dan perubahan yang berlaku. Justeru, sejarah perjuangan menentang British dan sekali gus untuk kemerdekaan memang dipelopori oleh orang-orang Melayu dan begitu juga sekitar tahun 1946, orang Melayu menentang Malayan Union. Namun pemimpin-pemimpin dari pelbagai bangsa dinyatakan apabila peranan mereka jelas dan dibuktikan oleh fakta sejarah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM memang sentiasa prihatin dan sedia untuk menyemak semula dan membaiki, sekiranya terdapat fakta yang benar-benar silap dalam buku teks Sejarah dengan mengambil kira bukti dan fakta yang tepat tetapi tidak berpegang pada prinsip 'mengada-adakan sejarah' bertepatan seperti mana yang dinyatakan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam NST, 6 Mei 2009 iaitu *"Of course, we can improve on it from time to time but you cannot re-invent history by adding something which is not there."* dan seterusnya YAB juga menegaskan, *"Whatever changes or reviews must be based on the principles of correctness and truth. You can't make things which are not there."*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI  
ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR  
[JERANTUT]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:**

apakah cara-cara meningkatkan lagi kegiatan promosi Malaysia di luar negara dan tarikan terhadap pelancong untuk datang ke negara kita.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha meningkatkan lagi kegiatan promosi Malaysia di luar negara, Kementerian melalui Tourism Malaysia telah dan akan sentiasa melaksanakan strategi-strategi seperti berikut:-

- i) mengambil bahagian secara aktif di dalam **Pameran Pelancongan Antarabangsa (Exhibitions and Fairs)** yang mana turut disertai oleh pengusaha-pengusaha produk pelancongan tempatan untuk mengadakan perbincangan dua hala antara '*buyers and sellers*' serta dapat menawarkan pakej percutian yang menarik ke Malaysia;

- ii) menganjurkan **Misi Jualan** ke bandar-bandar yang telah dikenalpasti dan peryertaan dibuka kepada pihak hotel, agensi pelancongan serta pengusaha produk '*niche*'. Semasa penganjuran misi jualan, satu seminar akan diadakan untuk meningkatkan pengetahuan terhadap produk-produk yang ditawarkan;
  
- iii) melaksana dan mempergiatkan **usaha-usaha pengiklanan 'global', 'thematic' dan 'e-marketing'** dengan mempamerkan produk-produk pelancongan yang menarik di Malaysia;
  
- iv) menganjurkan "**Mega Familiarisation Trip**" atau Program Lawatan Suaikenal untuk media, agensi pelancongan dan korporat dari negara asing ke Malaysia untuk melihat dan mengalami sendiri keunikan negara Malaysia;

- v) memperluaskan **publisiti** mengenai produk-produk pelancongan yang menarik melalui aktiviti Perhubungan Awam (PR) di luar negara dan mengedar **risalah dan brosyur pelancongan**; dan
  
- vi) **bekerjasama dengan Badan Pelancongan Kebangsaan (NTO) negara lain serta wakil-wakil industri pelancongan** untuk membentuk "*creative packaging*" dan memasarkan pakej pelancongan '*niche*'.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK  
[ SIK ]  
TARIKH : 24 Jun 2009

**SOALAN :**

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang di ambil untuk memastikan semua Hotel, Motel, Chalet dan Rumah Tumpangan di seluruh Negara memiliki 'Sijil Halal' bersesuaian dengan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di Pertua,**

1. Halal Industry Development Corporation (HDC) pada 13 Februari 2009 telah mencadangkan kepada *Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO)*, *Malaysian Association of Hotel (MAH)* dan *Malaysian Budget Hotel Association (MBHA)* untuk mengadakan sesi

## NO SOALAN: 91

perbincangan dan dialog tentang isu-isu pensijilan Halal yang akan disusuli dengan program latihan kesedaran Halal. Pihak gabungan hotel telah bersetuju untuk bekerjasama dan akan turut serta dalam semua program yang akan dianjurkan.

2. HDC dengan kerjasama pihak *Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO)*, *Malaysian Association of Hotel (MAH)* dan *Malaysian Budget Hotel Association (MBHA)* telah mengadakan satu Seminar Kesedaran Halal Pengusaha Hotel di Malaysia pada 18 Jun 2009. Seminar ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Professor Dr. Ismail Ibrahim, Pengerusi Panel Syariah HDC dan sejumlah 100 orang pengusaha hotel telah menghadiri seminar tersebut. Isu-isu dan proses berkaitan pensijilan Halal telah dibincang dan diberikan penerangan secara khusus dan terperinci oleh HDC. Sebagai susulan kepada seminar ini, HDC dengan kerjasama *Malaysian Association of Hotels Training Centre (MAHTEC)* akan mengadakan siri-siri latihan Halal kepada pengusaha-pengusaha hotel. Semoga dengan usaha-usaha sebegini di samping lain-lain program yang dirancang oleh HDC ianya akan membantu mempercepatkan pihak

**NO SOALAN: 91**

hotel, motel, chalet dan rumah tumpangan di seluruh Malaysia memohon bagi mendapatkan sijil halal demi kebaikan bersama.

Disediakan oleh:

(Puan Mariam Abdul Latif)

Naib Presiden

Bahagian Halal Integriti

Halal Industry Development Corporation (HDC)

No. Telefon : 03-7965 5562

Diluluskan oleh :

Y.Bhg. Dato' Seri Jamil Bidin

Ketua Pegawai Eksekutif

Halal Industry Development Corporation (HDC)

No. Telefon : 03-7965 5503

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ]**

**TARIKH : 22 JUN 2009 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ]** minta

**PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kertas siasatan SPRM yang lengkap untuk laporan polis Datuk Seri Anwar Ibrahim bertarikh 1hb Julai 2008 terhadap Tan Sri Abdul Gani Patail dan Tan Sri Musa Hassan telah diberi kepada panel tiga hakim bersara termasuk laporan perubatan bertarikh 26hb Oktober 1998 yang direka oleh Dr. Abdul Rahman Yusof bersama dengan Tan Sri Abdul Gani Patail.

**JAWAPAN:      YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menghantar kertas siasatan yang lengkap termasuk laporan perubatan yang disediakan oleh Dr Abdul Rahman bin Yusof kepada ketiga-tiga ahli panel. Walaubagaimanapun, Suruhanjaya tidak bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat dalam soalan ini yang mengatakan bahawa laporan tersebut adalah direka.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : Y.B DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED**  
**[ PULAI ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2009**

**PERTANYAAN**

**Y.B Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [ Pulai ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan kemajuan dalam perundingan dua hala Malaysia dan Kyrgyzstan yang dikendalikan oleh Unit Perancang Ekonomi.

**CADANGAN JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak terjalannya hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Kyrgyz pada tahun 1992, **tahap kemajuan perundingan dua hala antara kedua-dua buah negara** telah menunjukkan perkembangan yang memberansangkan. Kerjasama dalam pelbagai bidang telah dijalinkan khususnya ekonomi dan perdagangan, pendidikan, kesihatan, kewangan Islam dan takaful, pengurusan kualiti dan 'standard', sains, teknologi dan *Information Communication Technology* (ICT) serta bina upaya.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) bertanggungjawab menyelaraskan mekanisme hubungan dua hala dengan Republik Kyrgyz menerusi Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia – Republik Kyrgyz yang diadakan di peringkat pegawai kanan. Mesyuarat ini telah diadakan semenjak tahun 1998 dan dihoskan secara bergilir di antara Malaysia dan Republik Kyrgyz dengan turut melibatkan wakil-wakil daripada kementerian, jabatan, agensi yang berkaitan serta sektor swasta daripada kedua-dua belah pihak.

Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia – Republik Kyrgyz yang Ke- 6 telah diadakan di Bishkek, Republik Kyrgyz pada 21 hingga 24 April 2009. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Ketua Pengarah UPE, JPM manakala delegasi Republik Kyrgyz pula diketuai oleh *Chairman of the State Committee on State-Owned Property*. Mesyuarat Ke-7 Suruhanjaya Bersama Khas Malaysia - Republik Kyrgyz akan dihoskan oleh Malaysia pada tarikh yang akan dipersetujui bersama.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi ekonomi dan perdagangan, nilai perdagangan yang direkodkan antara kedua-dua negara setakat tahun 2008 adalah berjumlah US\$2.38 juta. Eksport utama Malaysia ke Republik Kyrgyz antaranya adalah makanan yang diproses, minyak sawit serta lain-lain minyak sayuran berjumlah US\$2.17 juta. Import dari Republik Kyrgyz pula antaranya adalah *metal, non-metallic mineral products* serta barangan *chemical* berjumlah US\$0.21 juta.

Bagi meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan, Malaysia menggalakkan penyertaan dari Republik Kyrgyz

dalam pelbagai program promosi yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta agensi-agensi di bawahnya seperti '*Malaysia International Halal Showcase*' (MIHAS), *International Trade Malaysia* (INTRADE) dan '*Small and Medium Industry Expo*' (SMEDEX).

Dari segi kewangan Islam dan Takaful, Republik Kyrgyz telah memohon bantuan teknikal dari Malaysia khususnya dalam aspek sistem kewangan Islam dan takaful. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia (BNM) bekerjasama dengan Eco Bank daripada Republik Kyrgyz untuk membantu memperkembangkan sistem kewangan Islam dan Takaful secara lebih komprehensif di sana. Selain itu, kedua-dua negara juga bersetuju untuk berkongsi pengalaman khususnya dalam pelaksanaan sistem kewangan Islam dari segi polisi, kredit serta takaful.

Dari segi pendidikan, Malaysia dan Republik Kyrgyz telah bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang pendidikan khususnya dalam menarik pelajar-pelajar dari Republik Kyrgyz untuk melanjutkan pelajaran di universiti yang terdapat di Malaysia. Sehingga Disember 2008, terdapat seramai 34 orang pelajar dari Republik Kyrgyz yang sedang melanjutkan pengajian di universiti awam dan swasta Malaysia.

Kedua-dua buah negara juga bersetuju untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman serta kepakaran dalam pembinaan kurikulum, latihan guru serta program pertukaran pelajar dan pendidik yang antara lain membolehkan pihak Malaysia memberi latihan Bahasa Inggeris kepada pihak Republik Kyrgyz dan juga bagi pihak Republik Kyrgyz memberi latihan Bahasa Russia kepada pihak Malaysia.

Dari segi **kesihatan**, Kementerian Kesihatan Malaysia dan *Ministry of Healthcare*, Republik Kyrgyz dijangka akan menandatangani Memorandum Persefahaman (*MoU*) dalam bidang kesihatan setelah draf memorandum yang disediakan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Dari segi **pengurusan kualiti dan standard**, Malaysia dan Republik Kyrgyz bersetuju untuk menimbang kemungkinan menandatangani perjanjian antara *Kyrgyzstandard* dengan SIRIM Berhad bagi kerjasama dalam bidang pengurusan kualiti dan *standard*. Dalam hal ini, kepakaran Malaysia boleh digunakan untuk membantu Republik Kyrgyz dalam memperkenalkan aplikasi *standard* antarabangsa bagi siri ISO 9000, ISO 14000 dan HACCP di Republik Kyrgyz.

Dari segi **pelancongan**, Republik Kyrgyz bukanlah merupakan negara pasaran utama produk pelancongan Malaysia berdasarkan jumlah populasi penduduk Republik Kyrgyz (5.2 juta) dan pendapatan per kapita yang rendah (US\$2,100). Namun demikian, kerjasama dalam bidang pelancongan antara Malaysia dan Republik Kyrgyz boleh dipertingkatkan menerusi program promosi pelancongan seperti MATTA Fair yang dianjurkan sebanyak 2 kali setahun di Kuala Lumpur, *Kyrgyz Republic's International Touristic Fair "Tourism and Travels Bishkek International Touristic Fair (BITF)"* dan *International Touristic Fair "Osh City on Great Silk Road"* yang dianjurkan di Republik Kyrgyz.

Dalam bidang **sains, teknologi dan ICT**, kedua-dua buah negara bersetuju untuk bekerjasama terutamanya melalui pertukaran pengalaman serta kemahiran. Pada Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia – Republik Kyrgyz Ke-6 di Bishkek, Republik Kyrgyz, Malaysia

telah mengemukakan cadangan untuk mengadakan kerjasama dalam pelaksanaan Teknologi Kad Pintar yang melibatkan sektor swasta daripada kedua-dua buah negara.

Dari segi bina upaya, sehingga April 2009, seramai 174 peserta dari Republik Kyrgyz telah menghadiri pelbagai kursus yang dianjurkan oleh 48 institusi latihan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM). Pada ketika ini, Republik Kyrgyz berada di kedudukan ke-39 di kalangan 138 negara penerima PKTM. Sehingga tahun 2007, PKTM juga telah menaja dua orang pelajar dari Republik Kyrgyz untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan di peringkat sarjana dan seorang di peringkat PhD.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa memberi perhatian penuh terhadap kemajuan yang dicapai dalam hubungan dua hala antara Malaysia dan Republik Kyrgyz. Dalam hal ini, UPE akan sentiasa memantau tindakan susulan ke atas perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Khas Malaysia - Republik Kyrgyz.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
(AMPANG)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **24.06.2009**

**SOALAN NO** : **94**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (Ampang) minta MENTERI  
KEWANGAN menyatakan :**

- (a) Adakah Kerajaan akan memansuhkan terus lesen judi, dan
- (b) Jika tidak, apakah yang telah menjadi halangan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat untuk memansuhkan lesen perjudian yang telah diluluskan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan memastikan pengawalseliaan dan pemantauan yang ketat dilaksanakan secara berterusan terhadap industri perjudian supaya ia tidak berkembang dan mampu dikawal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB**  
**[ BALING ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2009**  
**RUJUKAN : 1849**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan menjalankan penyiasatan terhadap laporan 'kes' membawa senjata api ke Sidang Dun Perak' yang berlaku pada 7 Mei 2009 lalu. Apakah hasil siasatan dan tindakan terhadap mereka yang berkenaan serta adakah DUN Perak, atau DUN-DUN lain membenarkan orang membawa senjata api masuk ke Dewan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Baling yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak polis sedang menjalankan siasatan berhubung dakwaan Y.B. Sivakumar yang menyatakan seorang lelaki yang disyaki membawa senjata api masuk ke dalam Dewan Undangan Negeri Perak pada 7 Mei 2009. Dakwaan Y.B. Sivakumar ini adalah berdasarkan kepada rakaman video pada hari kejadian kekecohan DUN Perak. Berdasarkan siasatan didapati bahawa Y.B. Sivakumar sendiri menyatakan tidak pasti sama ada imej yang didakwa tersebut adalah merupakan senjata api atau sebaliknya. Imej senjata dan lelaki tersebut sedang diteliti oleh pihak polis bagi menentukan kesahihan seperti yang didakwa oleh pengadu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI [TENOM]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN :**

**Tuan Raime bin Unggi [Tenom] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa jawatan kontrak di agensi sektor awam banyak ditawarkan dalam iklan akhbar berbanding tawaran jawatan tetap dalam sektor awam, sedangkan perkhidmatan sektor awam amat memerlukan tenaga kerja yang berjawatan tetap bagi melicinkan perjalanan awam negara.**

**JAWAPAN:**      **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan perkembangan ICT, pengambilan jawatan tetap di bawah Pihak-pihak berkuasa Melantik seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dibuat sepanjang masa melalui portal masing-masing (misalnya bagi SPA ialah [www.spa.gov.my](http://www.spa.gov.my)). Calon boleh membuat permohonan terus secara *online* jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka. Kaedah yang sama juga digunakan bagi agensi Kerajaan lain yang pada masa ini mempunyai laman web sendiri. Selain itu, bagi pengambilan jawatan tetap dengan jumlah yang kecil, pengiklanan kekosongan juga dibuat melalui surat edaran ke jabatan-jabatan Kerajaan termasuk Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia. Kedua-dua kaedah ini mematuhi peraturan sedia ada selain ianya lebih efisien dan dapat menjimatkan kos.

Pada masa yang sama, kekosongan-kekosongan jawatan di sektor awam juga diiklankan melalui "Jobs Malaysia" yang diuruskan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

-----

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[SHAH ALAM]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap akhbar-akhbar dan media asing yang memburuk-burukkan Perdana Menteri sendiri di negara-negara di mana akhbar dan media tersebut diterbitkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan akan sentiasa mengkaji dan memantau keperluan untuk mengambil tindakan undang-undang (berpandukan nasihat Jabatan Peguam Negara) jika ada sebarang pelanggaran undang-undang yang membabitkan aktiviti memburuk-burukkan nama Perdana Menteri di dalam dan di luar negara. Secara amnya, tindakan undang-undang terhadap mana-mana akhbar dan media asing boleh diambil melalui tindakan sivil oleh mana-mana orang, termasuk Perdana Menteri sendiri, jika terdapat laporan yang berbentuk fitnah dalam akhbar dan media asing itu.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
[ GOMBAK ]

TARIKH : 24 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan virus seperti Influenza A (H1N1) dan penyakit berjangkit lain yang sedang melanda negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Wabak Influenza A (H1N1) ini mula dikesan di Mexico, Kanada dan Amerika Syarikat pada 17 April 2009 dan sehingga 23 Jun 2009, wabak ini telah menular ke 99 buah negara melibatkan sejumlah 53,110 kes dengan 232 kematian. Majoriti kes yang dilaporkan (95%) adalah dari benua Amerika. Daripada 99 buah negara tersebut, sejumlah 35 buah negara telah melaporkan kes jangkitan tempatan, dan di benua Asia pula, kes-kes tempatan telah dilaporkan di Singapura, Filipina, Australia, Jepun, China, Korea Selatan, Thailand dan Viet Nam

Wabak Influenza A (H1N1) ini adalah disebabkan oleh virus influenza baru iaitu Influenza Virus A(California/04/2009), yang merupakan campuran daripada *North American swine*, *North American avian*, *North American human* dan *Eurasian swine*. Wabak ini tiada kaitan dengan *swine flu virus* pada haiwan ternakan babi dan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 30 April 2009 telah menamakan virus baru ini sebagai Influenza A (H1N1) di mana sebelum ini ia disebut sebagai *Swine Flu virus*.

Penyakit Influenza A(H1N1) ini berjangkit melalui *droplet* cecair bersin dan batuk dan mereka yang *close contact* dalam lingkungan satu meter adalah berisiko mendapat jangkitan. Masa *incubation* adalah selama empat hingga tujuh hari dengan simptom utama adalah demam, batuk dan sakit badan. Cara pencegahan yang terbaik adalah penjagaan kebersihan diri seperti menutup mulut ketika batuk dan bersin serta mencuci tangan dengan sabun. Mereka yang sakit seharusnya tidak mengunjungi kawasan awam untuk mengelakkan penularan penyakit.

Semua pelawat dari luar negara serta warganegara Malaysia yang pulang akan disaring di semua pintu masuk antarabangsa udara, darat termasuk yang melalui pintu masuk air juga akan disaring secara visual dan pemeriksaan perubatan sekiranya mereka menunjukkan gejala-gejala influenza. Mereka yang disahkan mempunyai tanda-tanda influenza serta mempunyai rekod melawat negara-negara yang terlibat dengan jangkitan influenza A(H1N1) dalam tempoh 7 hari akan dirujuk ke hospital khas untuk siasatan lanjut.

Sehingga 23 Jun 2009, sejumlah 80 kes telah disahkan sebagai jangkitan Influenza A(H1N1) telah dilaporkan di negara ini di mana 59 kes adalah kes import sementara 21 kes lagi adalah jangkitan tempatan. Kes import bermaksud mereka mendapat jangkitan di luar negara dan dikesan di Malaysia manakala kes jangkitan tempatan merupakan kes yang mendapat jangkitan di negara ini tanpa sejarah perjalanan ke luar negara.

Untuk makluman, fakta berkaitan 80 kes ini adalah seperti berikut :

- i. Lima puluh sembilan (59) daripada 80 kes tersebut adalah melibatkan warganegara Malaysia yang mendapat jangkitan di negara yang terlibat dengan jangkitan Influenza A(H1N1). Sembilan (9) kes adalah pelajar di negara tersebut dan kembali bercuti di Malaysia sementara 32 kes lagi melibatkan warganegara Malaysia yang pergi melancong dan bercuti di negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1). Sementara lima (5) dari 9 kes jangkitan tempatan telah melibatkan tiga (3) buah sekolah. Mereka ini yang tidak pernah melawat negara terjejas dengan wabak

influenza A(H1N1) tetapi mendapat jangkitan melalui *close contact* kes import yang merupakan rakan karib sekelas.

- ii. baki 21 kes lagi adalah di kalangan warganegara asing dari negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1) yang datang melawat Malaysia untuk bercuti.

Kementerian Kesihatan telah mengaktifkan aktiviti pencegahan dan kawalan Influenza A(H1N1) sejak 26 April 2009. Antara langkah yang telah diambil untuk mencegah dan mengawal penyebaran virus Influenza A (H1N1) dalam negara ini adalah:

- i. melakukan penyaringan kesihatan terhadap semua pengembara dari negara yang disahkan ada jangkitan virus Influenza A(H1N1) di semua pintu masuk antarabangsa seluruh negara. Setiap pengembara dikehendaki membuat pengisytiharan kesihatan dan menjalani saringan suhu badan. Sejumlah 20 unit alat pengesan /pengimbas suhu badan (demam) telah diletakkan di pintu-pintu masuk negara;
- ii. kes-kes yang telah disyaki jangkitan virus Influenza A(H1N1) dimasukkan ke hospital yang telah ditetapkan untuk pengawasan dan pemerhatian sehingga keputusan ujian makmal diperolehi;
- iii. kes-kes yang disahkan dijangkiti virus Influenza A(H1N1) akan diasingkan dan diberikan rawatan *antiviral* sehingga sembuh;
- iv. kontak kepada kes jangkitan virus Influenza A(H1N1) akan diletakkan di bawah kuarantin di rumah selama tujuh hari dari tarikh kontak terakhir dengan kes. Sekiranya mereka menunjukkan tanda-tanda jangkitan virus Influenza A(H1N1), mereka akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut;
- v. petugas-petugas yang terlibat dalam pengendalian kes Influenza A(H1N1) diwajibkan memakai alat perlindungan diri dengan cara yang betul dan kesihatan mereka juga akan dipantau pada setiap hari;

- vi. sejumlah 28 buah hospital dengan kemudahan 168 buah katil yang mempunyai fasiliti merawat kes Influenza A(H1N1) telah diaktifkan dan dalam keadaan bersiap sedia untuk menerima kes;
- vii. aktiviti kesedaran awam diberikan dengan cara memaklumkan penyakit Influenza A(H1N1), cara penularan dan langkah pencegahan dan kawalan yang perlu diambil;
- viii. memastikan bekalan stok ubat dan alat perlindungan diri mencukupi;
- ix. menyediakan kenyataan akhbar harian oleh Ketua Pengarah Kesihatan yang memaklumkan tentang tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan berkaitan situasi semasa dan khidmat-nasihat yang patut diamalkan oleh warga Malaysia.

Pada 11 Jun 2009, pihak WHO telah menaikkan tahap amaran pandemik influenza daripada 5 kepada 6. Walau bagaimana pun pihak WHO tidak menyarankan tindakan sekatan perjalanan, ekonomi atau penutupan sempadan. Kementerian Kesihatan telah menyediakan pelan *National Influenza Pandemic Preparedness Plan (NIPPP)* pada tahun 2005 sebagai langkah persediaan kepada pandemik influenza. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, pelan tindakan telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi yang terlibat termasuk latihan, *stockpile* ubat dan alat perlindungan diri (PPE). Sesuai dengan saranan WHO, Kementerian Kesihatan telah dan akan mengambil tindakan-tindakan berikut yang bersesuaian dengan Fasa 6 Pandemik :

- i. mengaktifkan Jawatankuasa Kebangsaan Antara Kementerian untuk menangani wabak fasa 6 yang akan dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan;
- ii. mengaktifkan Majlis Keselamatan Negara untuk menyelaraskan aktiviti pencegahan dan kawalan yang perlu dilaksanakan;
- iii. aktiviti surveilans, pencegahan dan kawalan seperti yang telah dinyatakan dalam *NIPPP* akan dipertingkatkan; dan
- iv. tindakan *social distancing* untuk membanteras penularan penyakit akan diambil sekiranya penularan tempatan dilaporkan di Malaysia bertujuan

untuk mengawal penularan penyakit daripada menjadi lebih meluas. Contoh tindakan adalah seperti penutupan sekolah, institusi dan pembatalan majlis perhimpunan dan perjumpaan awam.

Pada 18 Jun 2009, Jawatankuasa Kebangsaan Antara Kementerian Mengenai Pandemik Influenza A(H1N1) telah diadakan dan dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri serta dihadiri oleh pelbagai Kementerian dan badan-badan bukan kerajaan. Berikut adalah keputusan mesyuarat tersebut :

- i. borang '*Health Declaration Form (HDF)*' akan diwartakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, menjadikan wajib mengisi borang tersebut untuk semua orang yang memasuki Malaysia. Untuk memudahkan pengurusan pengisian, borang *HDF* perlu dilengkapkan semasa dalam penerbangan (kapal terbang) dan pihak penerbangan perlu memastikan semua orang termasuk anak kapal mengisi borang dengan lengkap. Semasa mendarat, anak kapal akan menyerahkan borang kepada anggota kesihatan yang menunggu di pintu kapal sebelum penumpang turun. Borang ini akan diwartakan dalam tempoh seminggu.
- ii. pemeriksaan kesihatan dalam kapal terbang bagi penerbangan dari negara yang mempunyai kadar penularan yang tinggi dan risiko kepada Malaysia sebagai sumber kes import akan dilakukan. Anggota kesihatan akan memasuki kapal terbang memeriksa semua penumpang termasuk anak kapal. Pemeriksaan suhu juga akan dilakukan termasuk pemerhatian penumpang dengan tanda-tanda jangkitan influenza.
- iii. Kementerian Pengangkutan akan mengeluarkan satu garis panduan yang mewajibkan pihak pengendali pengangkutan awam terutamanya kapal terbang untuk menyediakan *mask* kepada penumpang yang ada tanda jangkitan influenza dan mereka yang *close contacts* dengan mereka (duduk di 3 barisan hadapan dan belakang termasuk kiri dan kanan).
- iv. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diminta menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang ada pada mereka bagi memastikan semua tandas-tandas awam dijaga kebersihannya ke tahap optimum. Penjagaan

kebersihan diri dan persekitaran adalah penting dalam pencegahan penularan penyakit influenza dan juga lain-lain penyakit berjangkit seperti denggi, tifoid dan HFMD.

- v. kempen media untuk meningkatkan kesedaran orang awam akan diteruskan. Bagi maksud ini, Kementerian Penerangan adalah diminta untuk memastikan slot yang secukupnya disediakan dalam media-media kerajaan dan swasta. Kempen etika batuk dan penjagaan kebersihan tangan perlu diteruskan.
- vi. golongan yang berisiko untuk jangkitan influenza adalah disyorkan untuk mendapatkan pelalian influenza (*seasonal influenza*).
- vii. semua kementerian yang terlibat dengan perkhidmatan asas awam (*public essential services*) seperti polis, imigresen, perlu memastikan anggota barisan hadapan mereka sentiasa menjaga kebersihan yang baik untuk memastikan mereka tidak terdedah kepada jangkitan penyakit wabak pandemik.
- viii. melaksanakan aktiviti *social distancing* apabila wabak tempatan berlaku. Bagi memastikan wabak dapat dikawal dengan cekap dan berkesan, aktiviti *social distancing* adalah satu strategi utama dan ini termasuklah tindakan menutup sekolah, institusi dan majlis-majlis perjumpaan awam. Tindakan ini memerlukan kerjasama daripada semua agensi yang terlibat bagi memastikan kepatuhan kepada arahan ini jika keperluan timbul.
- ix. apabila keadaan menjadi tenat, di mana melibatkan kes yang tinggi serta kemungkinan kematian, modus operasi mungkin akan berubah seperti penggunaan fasiliti awam untuk tempat rawatan ataupun rawatan di rumah. Bagi maksud ini, Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan menyelaras keperluan ini.
- x. orang awam yang tidak sakit tidak digalakkan melawat hospital terutamanya kanak-kanak yang berumur kurang 12 tahun, kecuali bagi tujuan rawatan. Langkah ini adalah bagi tujuan mengurangkan

pendedahan atau risiko jangkitan kepada orang awam. Saranan ini adalah untuk semua hospital kerajaan dan swasta dan pihak pengurusan hospital di samping memastikan masa lawatan dipendekkan kepada tempoh yang sesuai, bilangan pelawat bagi sesuatu ketika dihadkan kepada 2 orang sahaja. Orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama kepada pelaksanaan perkara ini.

- xi. Bagi tujuan untuk meningkatkan pengawasan dan pengesanan kes, semua hospital termasuk hospital swasta diminta membuat saringan demam kepada pelawat hospital dan tenaga kerjanya. Mereka yang disyaki mengidap penyakit berjangkit perlu diberikan rawatan yang bersesuaian.

Untuk makluman, vaksin bagi influenza A(H1N1) masih belum dapat dihasilkan lagi. Pada masa ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) bersama-sama dengan syarikat-syarikat utama pembuat vaksin dunia sedang giat berusaha untuk menghasilkan vaksin Influenza A(H1N1) untuk digunakan sebagai pencegahan jangkitan Influenza A(H1N1). Virus Influenza A(H1N1) merupakan satu virus baru dan sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh pihak *WHO*, masa yang diperlukan untuk menghasilkan vaksin yang dimaksudkan mengambil masa di antara tiga hingga enam bulan. Vaksin Influenza A(H1N1) ini dijangka akan dapat disediakan sebelum penghujung tahun ini.

Pihak Kementerian amat yakin bahawa dengan kerjasama semua pihak dan sokongan padu daripada seluruh penduduk negara ini, ia akan dapat meminimumkan kesan dan impak daripada pandemik influenza di Malaysia melalui pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan yang cekap dan berkesan.

SOALAN NO: 99

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**RUJUKAN : 1850**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan fakta berkaitan pembunuhan Encik Muthusamy a/l Palanisamy, KP 801102-08-5317 di Taman Daya, Johor Bahru pada tengah hari 22 Mei 2009. Adakah Kerajaan bercadang mengadakan inquiri terhadap kejadian ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan pada umumnya akan menjalankan siasatan dan inquiri terhadap kes-kes jenayah yang melibatkan ketenteraman dan keselamatan orang awam. Kertas siasatan akan dibuka dan seterusnya proses siasatan akan dilakukan dengan terulus agar keadilan dapat ditegakkan. Kes ini disiasat mengikut **Sek 307 Kanun Keseksaan (mencuba membunuh orang)**, **Sek 8(a) Akta Senjatapi 1960** dan **Sek 8 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat 1970)**. Pihak polis ketika ini dalam tindakan untuk melengkapkan kertas siasatan. Laporan pakar merangkumi laporan post mortem, laporan pakar kimia dan laporan persenjataan serta masih dalam tindakan. Setelah laporan siap, kertas siasatan ini akan dirujuk ke kamar Timbalan Pendakwa Raya untuk mendapatkan arahan selanjutnya dan juga menjalankan inquiri oleh Mahkamah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

TARIKH: 24 JUN 2009

SOALAN:

**Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [ Jerai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pencari kerja yang berdaftar dengan Kementerian bagi tahun 2008 dan suku pertama tahun 2009 dan nyatakan peratusan yang telah berjaya mendapat pekerjaan dan peratusan yang masih menganggur.

PR-022-L19588

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan portal *JobsMalaysia* yang berfungsi sebagai hub pencarian pekerjaan dan penawaran pekerjaan secara *online*. Melalui perkhidmatan ini, permohonan pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat mengikut kesesuaian kelayakan akademik dan pengalaman kerja.

Jumlah pencari kerja baru yang mendaftar dengan *JobsMalaysia* pada tahun 2008 adalah seramai 172,772 orang. Bagi suku pertama tahun 2009, seramai 75,090 pendaftar baru telah direkodkan dalam sistem ini.

Penempatan yang telah berjaya dilakukan oleh sistem ini bagi tahun 2008 adalah seramai 25,911 atau 15%. Bagi suku pertama tahun ini pula, seramai 5,464 orang atau 7.3% telah berjaya ditempatkan. Bilangan mereka yang berjaya dibuat penempatan mungkin lebih tinggi sekiranya semua yang berjaya mendapat pekerjaan melaporkan kepada KSM.

Disamping itu, KSM juga berjaya membantu seramai 29,417 orang pencari kerja mendapatkan pekerjaan melalui aktiviti-aktiviti lain yang dilaksanakan seperti Program Penempatan Pekerjaan (3P) mulai bulan Februari 2009. Pada suku pertama tahun 2009, melalui aktiviti yang sama, seramai 8,081 orang telah berjaya mendapat pekerjaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : Y.B TUAN CHOW KON YEOW**  
**[ TANJONG ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2009**

**PERTANYAAN**

**Y.B. Tuan Chow Kon Yeow [ TANJONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan-tindakan Kementerian untuk memperkasakan NCER (Koridor Ekonomi Utara) sebagai hub pengangkutan di Pulau Pinang dan sama ada ia akan membiayai satu kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam di Pulau Pinang .

**CADANGAN JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli - Ahli Yang Berhormat, Pelan Induk yang disediakan bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sememangnya telah mengenal pasti Pulau Pinang sebagai pemacu logistik utama atau hub pengangkutan bagi Koridor Utara. Dalam hal ini, Rangka Tindakan Sosioekonomi NCER akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha mempertingkatkan perhubungan logistik dalam dan luar negara serta memperkukuhkan infrastruktur utiliti awam untuk menyokong pembangunan ekonomi keseluruhannya. Sistem perhubungan

komprehensif yang merangkumi sistem pengangkutan udara, laut, kereta api dan jalan raya, adalah penting dalam usaha membangunkan NCER. Dalam hal ini dua program pelaksanaan telah dikenal pasti untuk meningkatkan sistem pengangkutan di NCER iaitu:

- i) mempertingkatkan hubungan pengangkutan dalaman iaitu dengan membina dan menaik taraf jalan raya serta mempertingkatkan sistem pengangkutan awam; dan
- ii) mempertingkatkan perhubungan nasional dan antarabangsa melalui peluasan infrastruktur jalan raya, kereta api, pelabuhan dan lapangan terbang.

Bagi tujuan ini, antara projek infrastruktur sedia ada dan baru yang dicadangkan dalam Pelan Induk NCER adalah seperti penambahbaikan dan pembesaran Pelabuhan Kontena Butterworth, pembesaran lapangan terbang Pulau Pinang, pelebaran jambatan Pulau Pinang, pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua dan Projek landasan berkembar Ipoh-Padang Besar. Langkah-langkah ini akan dapat memperkasakan Pulau Pinang sebagai hub pengangkutan NCER serta memastikan wujudnya satu sistem perhubungan yang ,enyeluruh dalam NCER.

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan melalui pihak berkuasa koridor NCER iaitu NCIA, akan mengkaji keperluan infrastruktur pengangkutan di NCER dalam memastikan hasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai hub pengangkutan NCER satu realiti. Dalam hal ini, beberapa kajian terdahulu yang berkaitan telah pun dilaksanakan, misalnya *Penang Island Urban Transport Study*

oleh UPE, JPM pada 2008. Objektif utama kajian tersebut adalah mengenalpasti langkah penyelesaian kepada masalah pengangkutan bandar di Pulau Pinang. Selain itu, terdapat satu lagi kajian berkaitan iaitu Pelan Induk Pengangkutan Awam Bagi Bandar-Bandar Utama yang sedang dijalankan oleh *Malaysian Institute of Transport* (MITRANS) di mana skop kajian tersebut turut meliputi Negeri Pulau Pinang. Objektif kajian adalah untuk merangka dasar dan strategi pengangkutan awam bagi bandar-bandar utama di Malaysia termasuk mengenal pasti koridor transit di samping sebagai garis panduan utama dalam perancangan dan pelaksanaan projek pengangkutan di Malaysia serta mengesyorkan langkah bagi membangunkan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan *reliable*. Laporan akhir kajian ini dijangka akan diperolehi pada Julai 2009.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **TUAN JOHN A/L FERNANDEZ  
( SEREMBAN )**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **24.06.2009**

**Tuan John a/l Fernandez ( Seremban )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan selari dengan konsep Satu Malaysia, tidakkah Bank-Bank Komersial di Malaysia bercadang untuk menerima Cek-cek yang ditulis dengan bahasa Tamil. Ini adalah kerana menulis Cek di dalam bahasa Malaysia, Inggeris dan Cina adalah diterima oleh Bank-bank berkenaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada sekatan dikenakan terhadap penggunaan sebarang bahasa bagi menulis cek. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa selain daripada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris di dalam penulisan cek adalah tertakluk kepada penerimaan oleh pihak bank-bank berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENA)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kerajaan bercadang menurunkan umur kelayakan mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun.

**JAWAPAN:      YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan umur kelayakan mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun kerana kebanyakan rakyat Malaysia diperingkat umur 18 tahun masih lagi diperingkat persekolahan. Adalah kurang elok jika pelajar-pelajar dilibatkan dengan politik kerana diperingkat umur tersebut mereka belum lagi matang berbanding dengan masyarakat di negara-negara barat.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menjadikan media tempatan (televisyen, radio dan akhbar) lebih inovatif dan kreatif bagi menarik golongan muda yang kini lebih banyak melayari Internet sebagai sumber rujukan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sentiasa memberi kebebasan kepada badan-badan penyiar untuk berkarya bagi melahirkan idea-idea kreatif dan inovatif supaya dapat menarik minat masyarakat terutamanya generasi muda terhadap media elektronik. Kementerian tidak menetapkan genre tertentu untuk disiarkan di stesen-stesen TV swasta bagi mengelakkan stesen-stesen TV terlalu terikat dengan peraturan yang ketat serta menghalang kreativiti dan kemajuan sektor berkenaan. Walau bagaimanapun Kementerian sentiasa menggalakkan

kandungan yang berfaedah termasuk genre sejarah dan perjuangan kemerdekaan untuk disiarkan oleh stesen-stesen TV swasta.

Kementerian melalui SKMM mengambil inisiatif menyediakan satu dana khas "*Networked Content Development Fund*" (NCDG) sebanyak RM50 juta untuk menggalakkan penerbitan kandungan tempatan bagi perkhidmatan berangkai, termasuk kandungan mudah-alih, TV dan sebagainya. Dalam hal ini, Kementerian sentiasa menggalakkan penerbit-penerbit tempatan yang menerbitkan bahan kandungan kreatif bagi menarik minat penonton. Sebagai contoh, dana tersebut telah digunakan untuk membiayai pembikinan dokumentari sejarah bertajuk "Alexander Bukan Zulkarnain" yang telah disiarkan di saluran Astro.

Tanpa menafikan elemen hiburan sebagai kandungan asasi stesen-stesen TV dan radio, Kementerian sentiasa mengadakan pertemuan dengan pihak media penyiar bagi memastikan kandungan media sentiasa kreatif dengan mengimbangi program-program hiburan, inovatif serta bercorak pendidikan dan ilmiah. Kesemua program ini akan menjadi menarik sekiranya stesen-stesen TV dan radio lebih kreatif dan berusaha lebih gigih untuk menjalin kerjasama pintar dengan institusi pengajian tinggi, syarikat-syarikat besar dan institusi penyelidikan bagi menggabungkan unsur-unsur kreatif dan inovatif.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
(PERMATANG PAUH)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **24.06.2009**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Permatang Pauh)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan Kerajaan ke atas laporan Organisation For Economic Co-Operation And Development (OECD) yang menyenaraikan Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA) di antara tiga pusat perlindungan cukai yang tidak memberi kerjasama. Jelaskan bentuk kerjasama yang diperlukan, tindakan yang diambil dan kesannya kepada Labuan sebagai pusat kewangan dan perniagaan antarabangsa.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bentuk kerjasama yang diperlukan oleh *Organisation For Economic Co-Operation And Development* (OECD) setelah Malaysia (Labuan) disenaraikan sebagai negara yang tidak mematuhi piawaian percukaian antarabangsa (*internationally agreed tax standard*) adalah dalam konteks pembekalan maklumat pembayar cukai termasuklah maklumat perbankan. Pendekatan OECD berkehendakkan Malaysia mengguna pakai perenggan (4) dan (5) *Article 26 Exchange of Information* di bawah OECD Model Tax Convention bagi memastikan pertukaran maklumat dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Berikutan penyenaian tersebut, Malaysia telah bersetuju mengguna pakai perenggan (4) dan (5) Article 26 OECD Model *Tax Convention* dengan melaksanakan antaranya, perkara berikut:

- (i) memasukkan perenggan (4) dan (5) Article 26 *Exchange of Information* OECD Model *Tax Convention* ke dalam Model Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (PPPDK) Malaysia; dan
- (ii) mencadangkan kepada negara rakan pejanji PPPDK Malaysia yang sedia ada untuk menggantikan peruntukan mengenai *Exchange of Information* dengan memasukkan perenggan (4) dan (5) Article 26 *Exchange of Information* OECD Model *Tax Convention*.

Tiada kesan negatif yang ketara terhadap minat pelabur kepada Labuan pada masa ini memandangkan Labuan diyakini mempunyai reputasi yang baik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH  
[ LENGGONG ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**RUJUKAN : 1851**

**SOALAN:**

**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha meningkatkan tahap dan kualiti perkhidmatan Polis di luar bandar :-

- (a) Apakah standard atau ukuran digunakan dalam menentukan kedudukan atau status sebuah Ibu Pejabat Polis; dan
- (b) Jumlah kejadian jenayah yang dilakukan oleh warga asing dalam negara ini.

**Jawapan:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

- a) Kedudukan atau status sesebuah Ibu Pejabat Polis ditentukan berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :
- i) Kepadatan penduduk
  - ii) Keluasan kawasan pentadbiran
  - iii) Kadar jenayah narkotik, trafik, kekerasan dan harta benda.
  - iv) Kadar kemalangan jalan raya
  - v) Ancaman keselamatan seperti perkauman dan pelampau agama.
  - vi) Pembangunan fizikal
  - vii) Unjuran pembangunan

Status sesebuah Ibu Pejabat Polis akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan yang kebiasaannya akan berubah seiring dengan kemajuan ekonomi dan pertambahan penduduk.

b) Jumlah kejadian jenayah yang dilakukan oleh warga asing pada masa ini meningkat setiap tahun walaupun peratusannya masih kecil. Statistik kejadian jenayah melibatkan warga asing adalah seperti berikut :

2007			2008			2009 (Jan-April)		
Kes	Warga Asing	%	Kes	Warga Asing	%	Kes	Warga Asing	%
383,960	5678	1.5	385,473	7917	2.05	17,643	1174	6.7

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR (KETEREH)**  
**TARIKH : 24.06.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [ KETEREH ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan pendekatan yang bakal diambil bagi memastikan kurikulum yang diajar di sekolah berjaya membentuk atau melahirkan pelajar yang mempunyai peribadi yang kental dalam mengatasi masalah sosial yang wujud di kalangan masyarakat kita kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), melalui kurikulum yang sedia ada telah mengambil beberapa pendekatan untuk melahirkan murid yang mempunyai peribadi yang kental dalam mengatasi masalah sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat kita kini. Antaranya ialah melalui Kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral KBSR dan KBSM.

Pengajaran al Quran, Akidah, Ibadah, Sirah dan Adab dalam mata pelajaran Pendidikan Islam KBSR dan KBSM, serta pelaksanaan Program j-QAF di sekolah rendah menekankan kepada pembentukan peribadi yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal solih dan berakhlak mulia.

Dalam Pendidikan Moral nilai-nilai seperti kerajinan, rasional, toleransi, kasih sayang, mematuhi peraturan dan undang-undang, peka terhadap isu-isu sosial

diajar kepada murid sebagai salah satu cara untuk mengatasi masalah sosial yang wujud di kalangan masyarakat kita.

Pembinaan Kurikulum Transformasi yang berasaskan enam tunjang iaitu komunikasi, kerohanian sikap dan nilai, kemanusiaan, fizikal dan estetika dan literasi sains dan teknologi, dan ketrampilan diri bagi melahirkan insan holistik akan mengukuh dan memantapkan lagi sifat dan peribadi yang kental dalam kalangan murid melalui isi kandungan dan cadangan pedagogi yang lebih efektif. Kaedah dan pendekatan ini adalah untuk memastikan kurikulum yang diajar di sekolah berjaya membentuk dan seterusnya melahirkan pelajar yang mempunyai peribadi yang kental dalam menangani masalah sosial yang wujud di kalangan masyarakat hari ini.

Rjm 64

No: 108

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE  
[ GOPENG ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini serta rancangan untuk Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang meneliti kesesuaian menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS), Ipoh sepertimana yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Perak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISNAN A/L NAGAPAN (PADANG SERAI)**

**TARIKH : 24.06.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN GOBALAKRISNAN A/L NAGAPAN [ PADANG SERAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah wang yang telah diperuntukkan untuk SJK(T) Kulim dari tahun 2000 hingga 2006.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi peruntukan Belanja Mengurus 2000 hingga 2006, kesemua 17 buah SJKT di daerah Kulim telah menerima sebanyak RM66.4 juta.

Agihan peruntukan SJKT daerah Kulim mulai tahun 2000 hingga 2006 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>
2000	7.5 juta
2001	7.9 juta
2002	8.6 juta
2003	9.0 juta
2004	9.8 juta
2005	10.6 juta
2006	12.7 juta
<b>JUMLAH</b>	<b>66.4 juta</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA** : **TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT)**  
**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**TARIKH** : **24.06.2009**

**Tuan Lim Lip Eng (Segambut)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa projek usaha sama Proton Holdings Berhad dengan Goldstar Heavy Industrial Co. Ltd. di Dongguan, China gagal, berapa kerugian Proton dialami dan apakah kemungkinan boleh menang dalam kes tindakan undang-undang yang diambil oleh Goldstar di Singapura.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kegagalan projek usaha sama Proton Holdings Berhad (PROTON) dengan Goldstar Heavy Industrial Co. Ltd. (Goldstar) di Dongguan, China adalah disebabkan kegagalan Goldstar memenuhi obligasi kontrak bagi memulakan aktiviti perniagaan dalam masa yang ditetapkan, serta kegagalan memperolehi kelulusan daripada Kerajaan China untuk membolehkan syarikat usaha sama mengeluarkan kenderaan penumpang di negara tersebut.

2. Secara ringkasnya, kerugian PROTON akibat daripada kegagalan transaksi tersebut adalah dianggarkan berjumlah USD5.78 juta yang merangkumi modal pusingan dalam syarikat usaha sama berkenaan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, kontrak usaha sama tersebut dengan jelas memperuntukkan bahawa semua pertikaian haruslah dirujuk kepada timbang tara. Oleh itu, selaras dengan Perjanjian Timbang Tara bertarikh 6 Julai 2007, Proton Automobiles (China) Ltd (PAC) telah memulakan prosiding timbang tara terhadap Goldstar di Singapura. Pada amnya, PROTON mempunyai peluang tinggi untuk memenangi prosiding timbang tara tersebut kerana tindakan Goldstar memulakan prosiding mahkamah di Mahkamah Rakyat di Dongguan City jelas bertentangan dengan Perjanjian Timbang Tara dan merupakan pelanggaran langsung peruntukan dalam Perjanjian Timbang Tara

serta injuksi antisaman yang diperoleh oleh PAC di Mahkamah Tinggi, Singapura.

**SOALAN NO: (11)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [ BATU ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**RUJUKAN : 1852**

**SOALAN:**

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) apakah sebab-sebab Kementerian mengeluarkan larangan untuk tidak membangkitkan isu pembunuhan Altantuya Shaariibuu semasa berkempen dalam pilihan raya kecil pada bulan Mac lepas ; dan

(b) manakah undang-undang yang diperuntukkan kepada Kementerian untuk mengeluarkan larangan sedemikian.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah mengeluarkan sebarang perintah larangan berkempen semasa pilihan raya kecil. Namun begitu, Kementerian sentiasa menasihatkan parti-parti yang bertanding agar tidak menimbulkan sesuatu isu yang memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam. Ini termasuk juga isu-isu yang masih dibicarakan di mahkamah kerana akan menimbulkan *subjudis*.

NW: 112

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**

**TARIKH : 24 Jun 2009**

**SOALAN : ~~114~~ 112**

**Dato' Seri Tiong King Sing** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan ;

- a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mempraktikkan semula Sistem Ujian Lisan secara menyeluruh/komprehensif kepada pemohon-pemohon yang kurang mahir di dalam penggunaan komputer khususnya kepada penduduk negeri Sarawak; dan
- b) adakah pemohon-pemohon yang dimaksudkan boleh dikecualikan daripada mengambil ujian berkomputer dan ujian bertulis dalam perkara ini tanpa melalui tapisan yang ketat.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa memberi peluang kepada orang ramai yang kurang mahir di dalam penggunaan komputer termasuklah penduduk negeri Sarawak untuk mendapatkan Lesen Memandu. Bagi membantu mereka yang kurang mahir di dalam penggunaan komputer tersebut, JPJ tanpa mengabaikan aspek-aspek keselamatan jalan raya telah memperkenalkan sistem ujian lisan atau bertulis seperti berikut:
- i. mengadakan Ujian Bahagian 1 secara bertulis di Pejabat JPJ di seluruh negara untuk keperluan calon yang gagal Ujian Berkomputer melebihi tiga kali;
  - ii. mengadakan Program Satu Komuniti Satu JPJ (SKSJ) (dahulunya Program JPJ Bersama Rakyat – JBR) di mana melalui program ini, pemohon yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dibenarkan mengambil Ujian Khas Berkelompok secara lisan atau bertulis. Mereka yang lulus ujian ini akan diberikan Lesen Belajar Memandu (LDL) dan seterusnya setelah lulus Ujian Bahagian II iaitu ujian litar dan Ujian Bahagian III iaitu ujian di jalan raya, mereka ini akan diberikan Lesen Memandu Percubaan (PDL); dan

- iii. mengadakan Ujian Bahagian 1 Khas bagi pemohon buta huruf atau lembam yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh JPJ tanpa mengabaikan aspek keselamatan jalan raya.

Tuan Yang Dipertua,

- (b) Dengan mengambil kira keadaan semasa dan permintaan daripada golongan calon buta huruf dan lembam yang ingin menduduki Ujian Undang-undang Bahagian 1, JPJ telah melaksanakan Ujian Undang-undang Bahagian 1 secara lisan mulai 1 Mac 2009 dengan syarat-syarat minimum serta prosedur yang mudah iaitu tanpa perlu menduduki ujian berkomputer terlebih dahulu seperti berikut:
  - i. pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia;
  - ii. permohonan hendaklah disahkan oleh Penghulu / Guru Besar / Pengetua Sekolah / Pegawai Kerajaan Gred A / Wakil Rakyat / Jaksa Pendamai;
  - iii. bagi calon di Sabah dan Sarawak selain daripada pengesahan seperti di para (ii) di atas, pengesahan juga boleh dibuat oleh Ketua Masyarakat; dan

- iv. bagi calon lembam hendaklah mengemukakan surat pengesahan daripada pengamal perubatan dalam bidang berkenaan.

Seterusnya, calon yang dibenarkan untuk menduduki Ujian Bahagian 1 (Lisan) perlu mengikuti Kursus Kurikulum Pemandu (KPP) Khas selama 5 jam di Institut Memandu terlebih dahulu. Kekerapan ujian adalah 2 kali sebulan iaitu pada setiap Khamis minggu pertama dan minggu ketiga.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN JUN 2009

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA: TUAN CHUA TEE YONG (LABIS)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

Tuan Chua Tee Yong [ Labis ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Suruhanjaya Pengangkutan Awam yang ditubuhkan akan merangka serta melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Awam (*Public Transport Master Plan*) dan apakah status pembentukan '*draft public transport master plan*'.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) merupakan salah satu langkah strategik Kerajaan untuk menambahbaik sistem pengangkutan awam darat dengan mengurangkan pertindihan kuasa antara agensi-agensi yang terlibat, dalam usaha meningkatkan kecekapan operasi serta kualiti sistem pengangkutan awam.

Pada masa ini, Kerajaan dalam peringkat akhir menentukan skop, objektif, struktur organisasi, keperluan guna tenaga, pembiayaan, pelan pelaksanaan, kaedah dan penggubalan rang undang-undang bagi SPAD. Dalam proses penubuhan SPAD ini, pandangan/input pelbagai pihak termasuk Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan, wakil beberapa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, pengusaha dan pengguna pengangkutan awam telah diperolehi.

Dua Rang Undang-Undang SPAD sedang digubal iaitu Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan Akta Pengangkutan Awam Darat untuk dibentangkan di Parlimen.

SPAD, apabila ditubuhkan kelak, akan menyediakan pelan-pelan perancangan pengangkutan awam yang akan turut mengambil kira isu penyelarasan di peringkat negeri. Kerajaan juga pada masa ini sedang menyediakan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam bagi Bandar-Bandar Utama yang merangkumi 11 bandar utama. Hasil kajian ini akan dijadikan rujukan oleh SPAD untuk merancang dan mengawal selia sektor pengangkutan awam darat.

Dipercayai usaha penubuhan SPAD dan penyediaan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam bagi Bandar-Bandar Utama akan dapat menambah baik dan memperkasakan sistem pengangkutan awam di negara kita.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN  
Daripada : Datuk Seri Panglima Mojilip bin  
Bumburing @ Wilfred [ Tuaran ]  
Tarikh Menjawab : 24 Jun 2009 (Rabu)  
Soalan : [No. ~~116~~ 114 .

**SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [ Tuaran ]**  
minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**  
menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk  
memperkembangkan perladangan kayu jarak (jatropa) sebagai salah  
satu perusahaan utama pertanian Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini belum ada tanaman jatropha diusahakan secara perladangan oleh syarikat-syarikat swasta atau tanaman sampingan dikalangan pekebun-pekebun kecil. Pada masa ini, Kementerian saya melalui Lembaga Getah Malaysia dan Lembaga Tembakau Negara telah mengambil inisiatif mengadakan plot-plot kajian bagi meneliti potensi tanaman jatropha sebagai sumber untuk penghasilan biodiesel. Plot-plot kajian ini mula ditanam secara berperingkat mulai bulan November 2007. Hasil kajian dijangka dapat dirumuskan pada tahun hadapan iaitu selepas 3 tahun penanaman apabila pokok telah matang.

Aspek-aspek penyelidikan yang sedang diberi perhatian termasuklah pemilihan varieti bagi mendapatkan benih yang berhasil tinggi, amalan agronomi dan sistem pengeluaran, kajian musuh dan penyakit, mekanisasi ladang, pembangunan produk sampingan dan adaptasi teknologi pemprosesan biodiesel.

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN**  
**( KINABATANGAN )**  
**TARIKH** : **24 JUN 2009 ( RABU )**  
**SOALAN** : **Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a). langkah-langkah pragmatik dan konkrit ke arah merealisasikan konsep 1 Malaysia di kalangan masyarakat majmuk di Negara ini; dan
- (b). peranan kakitangan Kerajaan dalam memastikan konsep 1 Malaysia mampu diterjemahkan dalam pentadbiran seharian dan sejauh manakah penerimaan rakyat terhadap konsep 1 Malaysia terutamanya kaum Tionghua dan India di Negara ini.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang dijelaskan oleh YAB Perdana Menteri, Gagasan 1Malaysia merupakan kesinambungan kepada usaha memupuk perpaduan negara dan integrasi nasional di kalangan masyarakat Malaysia yang majmuk. Ianya memberi nafas dan tenaga baru kepada Wawasan 2020 dan Misi Nasional yang telah dimajukan sebelum ini. Teras utama Gagasan ini ialah untuk memupuk semangat saling menghormati dan menerima kepelbagaian sebagai satu kekuatan, di samping membela semua

rakyat Malaysia supaya tidak ada mana-mana golongan terpinggir. Gagasan 1Malaysia adalah selaras dengan semangat dan intipati Perlembagaan Persekutuan dan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Langkah-langkah yang diambil untuk merealisasikan konsep 1Malaysia di kalangan masyarakat majmuk Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga (3) strategi utama, iaitu, strategi promosi, strategi pelaksanaan dan strategi pemasyarakatan seperti berikut:-

(1) Strategi Promosi

Strategi ini bertujuan untuk menyebarkan seluas-luasnya dan memberi penjelasan mengenai konsep Gagasan 1Malaysia, di samping memberi peluang dan ruang untuk perbincangan secara terbuka di kalangan rakyat, ianya berdasarkan kepada ketaat-setiaan kepada negara dan komitmen kepada rakyat. Saluran-saluran yang digunakan termasuklah:-

- (a) Media massa tercetak dan elektronik;
- (b) Laman-laman web kerajaan dan blog Perdana Menteri sendiri;

- (c) Perbincangan melalui forum, seminar, bengkel dan “*talk show*;”
- (d) Pengeluaran bahan-bahan tercetak dan terakam.

Para pemimpin politik dan masyarakat juga dialu-alukan untuk bersama-sama memajukan dan menyemarakkan konsep Gagasan 1Malaysia ini kerana mereka mempunyai pengaruh yang besar dan dapat memainkan peranan yang positif.

## (2) Strategi Pelaksanaan

Segala visi, misi dan strategi dapat dimajukan hanya melalui pelaksanaan secara berkesan semua program pembangunan sosio-ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan kemasyarakatan. Oleh itu, strategi pelaksanaan dan pengurusan hendaklah merangkumi langkah-langkah berikut:-

- (a) Pelaksanaan semua dasar secara adil, dengan memberi tumpuan kepada golongan dan individu yang terpinggir.

- (b) Perkhidmatan yang cekap dan berintegriti melalui kaedah pengurusan prestasi yang berkesan, seperti *Key Performance Indicators* (KPI).
- (c) Kajian semula dasar dan pelaksanaannya dari masa ke semasa supaya mengenalpasti kekurangan dan kelemahan untuk tujuan transformasi dan penambahbaikan.
- (d) Mendapat maklumbalas melalui pelbagai saluran, termasuk tinjauan mesra atau "*walk-about*".

Dalam segala hal yang berkaitan dengan pelaksanaan dan pengurusan, kakitangan kerajaan sememangnya memainkan peranan yang amat penting. Di samping meningkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian, mereka hendaklah juga terus bersikap positif dan terbuka supaya memberi layanan yang adil dan mesra kepada semua rakyat.

### (3) Strategi Pemasyarakatan

Pemupukan perpaduan dan integrasi serta penghayatan semangat kepada konsep Gagasan 1Malaysia tidaklah boleh terhad hanya kepada

strategi promosi dan strategi pelaksanaan sahaja. Usaha hendaklah dicurahkan untuk menggalakkan pemasyarakatan (socialisation) dan penyemarakkan di kalangan rakyat supaya semua turut bersama mengambil pelbagai inisiatif untuk menyertai proses pembangunan negara secara bermakna dan berfaedah melalui langkah-langkah berikut:-

- (a) Rakyat jelata hendaklah sentiasa peka dan sensitif kepada kepelbagaian dan perbezaan di kalangan rakyat dari segi agama, budaya dan adat resam. Dengan demikian, rakyat dapat menterjemahkan semangat 1Malaysia ke atas segala aspek hubungan inter-etnik dalam kehidupan seharian mereka.
- (b) Rakyat hendaklah digalakkan untuk mengambil bahagian secara aktif dan positif dalam pelbagai pertubuhan bukan kerajaan yang menangani isu-isu semasa yang meliputi semua rakyat, seperti alam sekitar, keselamatan, kebajikan sosial, kesihatan, pengangkutan dan sebagainya. Proses dan pengalaman berjuang bersama menangani isu-isu ini melalui kerjasama dengan kerajaan akan memberi

sumbangan konkrit terhadap perpaduan negara dan penghayatan 1Malaysia.

- (c) Institusi perhubungan rakyat di peringkat akar umbi, seperti Rukun Tetangga (RT) dan RELA akan diperbesar dan diperkasakan supaya dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan positif lagi. Ini merupakan sebahagian penting dalam pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional 2006 - 2010.
- (d) Mengadakan lebih banyak program latihan kemahiran komunikasi, pengurusan konflik dan mediasi, kaunseling kepimpinan komuniti dan sebagainya supaya menjadi lebih berkesan dalam usaha menguruskan hubungan etnik di peringkat akar umbi.

Melalui maklumbalas dari pelbagai saluran, adalah didapati bahawa rakyat Malaysia pada amnya, termasuklah kaum Tionghua dan India di negara ini, menerima baik konsep Gagasan 1Malaysia ini. Walau bagaimanapun, mereka memerlukan lebih banyak lagi penerangan dan penjelasan.

Adalah diharapkan bahawa dengan komitmen yang kukuh, usaha yang gigih dan pendekatan yang kreatif, maka Gagasan 1Malaysia sebagai sasaran untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu-padu dan maju akan dapat dicapai, selaras dengan Wawasan 2020.

NO SOALAN : ~~148~~ 146

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 24 Jun 2009**

**PERTANYAAN**

**Y.B. Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pelaburan Petronas dan MISC di Myanmar; dan
- (b) adakah Kerajaan akan mengarahkan Petronas untuk menarik pelaburan di Myanmar sekiranya pihak junta terus mencabul hak asasi rakyat Myanmar dan menolak semua saranan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu dan ASEAN.

**CADANGAN JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS mempunyai kepentingan kira-kira 41 % di dalam Projek Gas Yetagun di Myanmar. Projek ini juga disertai oleh syarikat-syarikat minyak yang lain seperti *Nippon Oil Exploration* dari Jepun dan *PTT Exploration and Production Public Company Limited (PTTEP)* dari Thailand. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008, projek ini mengeluarkan kira-kira 180 juta kaki

padu gas sehari dan sebahagian besar daripadanya dieksport ke Thailand.

Berhubung pelaburan oleh MISC, ingin saya maklumkan bahawa MISC tidak mempunyai sebarang pelaburan di Myanmar.

Mengenai soalan (b), Kerajaan akan terus mendokong pendekatan ke arah mengekalkan hubungan damai dengan semua negara dan yakin bahawa cara terbaik menyelesaikan sesuatu isu adalah menerusi saluran diplomatik. Dalam hubungan ini, Malaysia menganggap isu hak asasi di Myanmar adalah isu dalaman negara tersebut. Namun begitu, Malaysia sentiasa menyokong usaha-usaha yang diambil oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga negara-negara anggota ASEAN dalam memujuk dan menggesa Kerajaan Myanmar untuk menghormati hak-hak asasi manusia serta mengembalikan proses demokrasi di negara tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk meminta PETRONAS atau pelabur-pelabur Malaysia yang lain untuk menarik pelaburan mereka di negara tersebut malah berpendapat bahawa tindakan mengenakan sekatan ke atas negara tersebut akan menambah beban rakyat Myanmar.

**Disediakan : Nik Adnan bin Nik Abdullah**  
**Telefon : 03-88883625**

**Disemak : Dr. Rosli bin Mohamed**  
**Telefon : 03-88883666**

**Diluluskan : Y.Bhg. Datuk Dr. Muzahet bin Masruri**  
**Telefon : 03-88883494**

## **SOALAN 117**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG**

**[WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:**

mengapakah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah melantik Daro World Wide Sdn Bhd (syarikat kawalan asing tidak langsung) yang tiada pengalaman mengendalikan "call centre" tanpa proses tender terbuka bahkan telah membayar pendahuluan RM3.8 juta kepadanya serta yuran bulanan sebanyak RM47,500 yang terdahulu dan kos telekomunikasi.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

Pihak Kementerian menerusi agensinya Tourism Malaysia telah melantik Syarikat Daro World Wide Sdn Bhd bagi mengendalikan "Call Center" secara lantikan terus setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Daro World Wide Sdn Bhd merupakan syarikat milik Bumiputra yang memiliki pegangan saham sebanyak 60 peratus.

Pihak Kementerian menerusi agensinya, Tourism Malaysia tidak pernah membuat sebarang pembayaran pendahuluan yang bernilai RM3.8 juta. Sebaliknya, RM3.8 juta merupakan jumlah kos keseluruhan projek ini dan pembayaran dibuat secara berperingkat kepada pihak Syarikat Daro setelah berpuashati dengan semua kerja yang mengikut syarat seperti pemasangan *software*, perkara-perkara teknikal, pengambilan pekerja dan kelengkapan yang berkaitan dengan pemasangan telah dilaksanakan.

Sehingga kini, pembayaran secara berperingkat yang telah dibuat adalah seperti berikut :

- 1) Pembayaran pertama pada 19 November 2007 sebanyak RM 1,925,000.00**
- 2) Pembayaran kedua pada 21 Februari 2008 sebanyak RM 237,500.00**
- 3) Pembayaran ketiga sebanyak RM 105,836.14**

Manakala, bayaran sebanyak RM47,500.00 adalah merupakan **bayaran** bulanan untuk membiayai gaji 13 orang pekerja Syarikat Daro dan bayaran telekomunikasi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.06.2009

Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan subsidi yang diberikan ataupun cukai yang dikutip daripada pengguna untuk setiap liter petrol yang dijual, termasuk jenis RON98, RON95 dan diesel.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, subsidi petrol yang ditanggung oleh Kerajaan untuk bulan Mei 2009 adalah 17.44 sen seliter bagi RON97 dan 7.53 sen seliter bagi RON92. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengutip cukai jualan sebanyak 4.18 sen seliter bagi diesel. Kadar subsidi yang ditanggung atau cukai jualan yang dikutip ditentukan setiap bulan berdasarkan formula *Automatic Pricing Mechanism*. Buat masa kini, tiada jualan petrol RON98. Penjualan petrol RON95 akan bermula pada September 2009, tetapi telah diperkenalkan secara *pilot* oleh Petronas di Putrajaya.

SOALAN NO: 119

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**RUJUKAN : 1853**

**SOALAN:**

**Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kerajaan akan meminda Akta Hasutan bagi memperkemaskannya dengan lebih terperinci dan memasukkan hukuman mandatori memandangkan masih banyak pihak bangkit isu-isu sensitif seperti ungkit, cabar dan hina. Begitu juga akta ISA apakah ianya akan dipinda untuk diperkemaskan bagi menangani isu-isu keselamatan negara dengan lebih berkesan tetapi telus dan tidak dituduh menyalahgunakan kuasa.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menyemak dan mengemas kini akta-akta sedia ada. Walau bagaimanapun, memasukkan peruntukan hukuman mandatori di dalam Akta Hasutan akan menyekat atau menghadkan bidang kuasa mahkamah dan budi bicara hakim di dalam menjatuhkan hukuman. Tindakan ini juga akan dilihat sebagai satu *encroachment* (dengan izin) terhadap kuasa kehakiman.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedang menyemak Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 dengan mengambil kira pandangan dari masyarakat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH  
( JASIN )**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.06.2009**

**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah ( Jasin )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan persediaan negara menjadi HUB dan "Role Model" perbankan Islam serta mekanisme mengawal selia perbankan Islam yang berbeza dari sistem perbankan konvensional.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia memperkenalkan sistem dwi perbankan menerusi pelaksanaan sistem kewangan Islam seiring dengan sistem kewangan konvensional sejak tahun 1984. Sehubungan ini, pelbagai strategi telah dilaksanakan bagi membina sistem kewangan Islam yang komprehensif yang sekali gus dapat memberi pilihan kewangan yang lengkap kepada semua untuk bermuamalah dalam satu sistem kewangan yang menepati kehendak syarak.

2. Strategi-strategi ini bolehlah dibahagikan kepada empat inisiatif menyeluruh seperti berikut:-

**a. Sebagai Kaedah Alternatif**

Menerusi inisiatif ini, Kerajaan menubuhkan bank Islam dan syarikat takaful yang pertama pada tahun 1983 dan 1985 sebagai satu pilihan kepada umat Islam di Malaysia untuk bermuamalah dalam institusi kewangan Islam yang berteraskan Syariah. Selari dengan ini, Kerajaan seterusnya memperkenalkan Skim Perbankan Islam pada tahun 1993. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan akses kepada produk kewangan Islam tetapi juga meningkatkan jumlah cawangan yang menawarkan produk kewangan Islam

dari hanya 50 cawangan pada tahun 1993 kepada lebih 2,000 cawangan pada tahun 2008. Di samping itu, inisiatif ini turut meningkatkan kefahaman institusi kewangan konvensional terhadap daya maju kewangan Islam di mana 12 buah institusi kewangan konvensional telah pun menubuhkan subsidiari yang khusus menawarkan kewangan Islam.

**b. Pelan Induk Sektor Kewangan**

Dalam inisiatif ini, Kerajaan telah melakarkan hasrat untuk memperkasa sistem kewangan Islam menerusi satu pelan induk yang lengkap dan jelas bagi tempoh 2001-2010. Antara landskap dalam Pelan Induk ini ialah untuk menguasai 20% daripada aset sistem kewangan, mewujudkan kerangka pengawalseliaan, Syariah, perundangan dan urus tadbir yang komprehensif dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam tersohor di rantau ini. Salah satu daripada perkara penting dalam pengawalseliaan sistem perbankan Islam yang berbeza dengan pengawalseliaan perbankan konvensional adalah keperluan setiap institusi kewangan menubuhkan Jawatankuasa Syariah bagi memastikan urusan dan perniagaan institusi tersebut menepati kehendak Syariah dan setiap produk mestilah mendapat kelulusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Hasilnya, negara telah mencatat pelbagai kejayaan, antaranya:-

- (i) Malaysia kini merupakan negara pengeluar sukuk utama sama ada di dalam Ringgit Malaysia atau mata wang asing;
- (ii) pada akhir bulan Disember 2008, syer aset sistem perbankan Islam mencakupi 17.4% (RM251 bilion) daripada jumlah keseluruhan aset industri perbankan, manakala syer deposit dan pembiayaan sistem perbankan Islam masing-masing mencecah 18.9% (RM195 bilion) dan 18.8% (RM150 bilion);
- (iii) jumlah bank-bank Islam telah bertambah daripada hanya 2 buah pada tahun 2001 kepada 17 buah pada akhir tahun 2008; dan
- (iv) syarikat takaful juga bertambah daripada hanya 2 buah pada tahun 2001 kepada 8 buah syarikat takaful dan 2 buah syarikat takaful semula pada akhir tahun 2008.

**c. Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa**

Menerusi inisiatif yang dikenali sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa pada tahun 2006, Malaysia kini merupakan salah satu pusat kewangan Islam antarabangsa yang komprehensif dan berdaya saing. Inisiatif ini bertujuan mengoptimumkan kelebihan daya saing Malaysia di dalam bidang kewangan Islam di peringkat global. Menerusi inisiatif ini, usaha berterusan giat dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kedudukan Malaysia khususnya di dalam aspek berikut:-

- (i) sebagai pusat originasi, pengedaran dan perdagangan sukuk;
- (ii) sebagai pusat pengurusan dana Islam;
- (iii) sebagai pusat perkhidmatan kewangan Islam mata wang antarabangsa;
- (iv) sebagai pusat perniagaan takaful dan takaful semula; dan
- (v) sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, latihan, khidmat runding dan penyelidikan dalam kewangan Islam.

**d. Liberalisasi Sektor Kewangan Islam**

Pada 27 April 2009, Kerajaan telah mengumumkan pakej liberalisasi sektor kewangan Islam bagi mempercepatkan proses integrasi Malaysia sebagai 'hub' kewangan Islam ke peringkat global. Langkah ini penting bagi memperkukuh landskap sistem kewangan Islam negara dengan kehadiran institusi kewangan Islam yang mempunyai saiz modal yang besar untuk mengembangkan operasi kewangan Islam terutamanya di persada antarabangsa. Institusi kewangan Islam tempatan yang ingin meningkatkan daya saing mereka juga diberi kelonggaran untuk mengadakan pakatan perkongsian strategik dengan pemegang ekuiti asing. Pakej liberalisasi ini merangkumi:-

- (i) pemberian lesen kepada dua institusi perbankan Islam asing dengan modal berbayar USD1 bilion dan dua syarikat takaful keluarga yang berupaya memberi nilai tambah;
- (ii) menaikkan tahap maksima pemegangan ekuiti asing kepada 70% kepada institusi kewangan Islam tempatan yang mempunyai modal berbayar USD1 bilion; dan

(iii) kelonggaran kepada syarikat takaful untuk mengambil tenaga profesional asing dan mengendali operasi bank Takaful.

3. Seajar dengan matlamat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai 'hub' dan 'role model' sistem kewangan Islam, inisiatif seterusnya ialah ke arah memperkukuh hubungan rangkaian kewangan Islam dengan pusat-pusat kewangan tradisional dan baru.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
(SIBUTI)**

**TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang (Sibuti)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapakah setelah lebih 200 borang cari telah dikembalikan kepada Jabatan Kebajikan Daerah Miri, hanya 10 orang sahaja permohonan diluluskan, adakah pengesahan oleh Ahli Yang Berhormat yang turun padang tidak boleh digunakan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Miri telah menerima 200 permohonan melalui Projek CARI. Dari jumlah tersebut, sebanyak 15 kes telah diluluskan, 88 kes tidak diluluskan dan 97 kes masih dalam siasatan. Untuk makluman Yang Berhormat, JKM menerima semua permohonan yang dikemukakan oleh mana-mana perujuk termasuklah permohonan yang mempunyai pengesahan dari Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap permohonan perlu disiasat oleh Pegawai Pembangunan Masyarakat iaitu sepertimana terkandung di dalam Panduan Pengurusan Bantuan Kebajikan yang digunapakai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Panduan ini juga merupakan sebahagian daripada prosedur kualiti yang telah disahkan dan merupakan elemen penting kawalan dalaman berkaitan pengurusan bantuan kebajikan JKM. Pertimbangan akan diberikan ke atas permohonan-permohonan yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan seperti berikut:-

- i) Warganegara Malaysia dan bermastautin tetap;
- ii) Pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu:
  - a) RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia
  - b) RM830 sebulan bagi Sarawak; dan
  - c) RM960 bagi Sabah
- iii) Golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan berdasarkan kepada hasil siasatan yang dijalankan dengan mengambilkira faktor-faktor berikut bagi menentukan kelayakan bantuan:
  - a) Bilangan anak/tanggungan yang tinggal bersama dan berasingan (contohnya di asrama, kolej dan lain-lain);
  - b) Tahap ketidakupayaan ketua keluarga/ahli keluarga
  - c) Sokongan ahli keluarga atau anak yang tinggal berasingan;
  - d) Keadaan dan kelengkapan rumah kediaman berdasarkan keperluan; dan

- e) Faktor-faktor lain yang munasabah dan bersesuaian dengan keadaan pemohon/keluarganya.

Kes-kes yang tidak diluluskan terdiri daripada permohonan-permohonan yang tidak memenuhi salah satu ataupun lebih kriteria-kriteria yang telah disebutkan walaupun Ahli Yang Berhormat menyokong permohonan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

NO: 122

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN**  
**( KOTA BELUD )**  
**TARIKH : 23.06.2009**  
**NO. SOALAN : 122**

**DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN ( KOTA BELUD )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan dan usaha Kerajaan untuk memastikan rangkaian bekalan dalam bidang industri pembinaan dan keperluan harian pengguna tidak dikuasai oleh sesetengah pihak dan berapa peratuskah ianya dimiliki oleh Bumiputera.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Sumber dari CIDB Global Outlook 2003 melaporkan terdapat empat rantai nilai yang penting dalam industri pembinaan iaitu perancangan dan rekaan; pembelian dan pembekalan; pembinaan serta penyelenggaraan. Dalam empat rantai nilai ini, pembelian dan pembekalan; dan pembinaan merupakan rantai nilai yang besar dengan peratusan masing-masing iaitu 50 peratus dan 35 peratus.

Walaubagaimanapun, penglibatan Bumiputera dalam rantaian nilai tersebut iaitu pembelian dan pembekalan hanya 10 peratus manakala dalam rantaian nilai pembinaan pula adalah sebanyak 30 peratus.

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bertanggungjawab untuk memastikan bekalan barangan terkawal adalah mencukupi melalui Akta Kawalan Bekalan 1961. Barangan pembinaan iaitu **besi keluli** dan **simen** adalah antara barang kawalan sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Bekalan. Kedua-dua industri telah diliberalisasi pada 12 Mei 2008 bagi besi keluli diikuti oleh industri simen pada 5 Jun 2008. Walaupun harga besi keluli dan simen tidak dikawal harga, namun bekalan barang-barang tersebut masih dikawalselia bagi memastikan bekalan mencukupi bagi memastikan projek pembangunan tempatan tidak tergendala.

**DISEDIAKAN OLEH**

Nama : Angelina Fatimah Ambrose  
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri

**DILULUSKAN OLEH**

Nama : Encik Daud bin Tahir  
Timbalan Ketua Setiausaha ( PDN )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MASIR ANAK KUJAT  
(SRI AMAN)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN : TUAN MASIR ANAK KUJAT  
(SRI AMAN)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada banci yang menyeluruh akan diadakan semula untuk mengenal pasti mereka yang berkelayakan seperti miskin tegar / ibu tunggal dan lain-lain untuk disenaraikan dalam Sistem eKasih di kawasan Parlimen Sri Aman.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' DEVAMANY a/I S.KRISHNASAMY**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan Banci Isi Rumah Miskin (BIRM) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) sebagai input kepada Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional, iaitu eKasih. BIRM telah dijalankan secara berfasa. Fasa pertama dijalankan

bermula pada November 2007 melibatkan daerah-daerah terpilih bagi Negeri Kelantan, Terengganu dan Sabah. Manakala pada Februari 2008, ia diperluaskan ke seluruh negara melibatkan semua Blok Penghitung (BP). BIRM yang menyeluruh dan dijalankan serentak ini telah berakhir pada Jun 2008 di mana semua data dan maklumat yang dikutip di lapangan diselaraskan oleh pihak DOS sebelum diserahkan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) secara berperingkat.

Dengan maklumat asas keluarga miskin yang terdapat dalam eKasih, Kerajaan tidak akan melakukan bancian semula kemiskinan. Walau bagaimanapun verifikasi ke atas senarai tambahan yang baru dikenalpasti boleh disalurkan kepada *Focus Group* di setiap peringkat daerah, negeri dan pusat. Maklumat ini akan melalui kaedah dan metodologi yang sama dengan BIRM dan dimasukkan ke dalam eKasih sekiranya layak. Sistem eKasih mempunyai ciri-ciri 'Pendaftaran Terbuka', yang khusus bagi

memasukkan senarai kemiskinan yang disahkan layak tetapi tidak dicakupi semasa BIRM berlangsung. Melalui capaian kepada Portal eKasih, orang awam boleh membuat pendaftaran terbuka dengan melaporkan kes-kes kemiskinan tersebut dan perkara ini akan diambil tindakan oleh pegawai-pegawai di Pejabat Pembangunan Negeri masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)**

**TARIKH : 24 JUN 2009**

**SOALAN:**

**Datuk Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementeriannya bercadang untuk menambah lagi program bersempena dengan Perayaan Gawai Dayak, lebih-lebih lagi dengan program yang ditayangkan pada 1 Jun.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Majlis Rumah Terbuka Malaysia Gawai Dayak Tahun 2009 diadakan pada 13 Jun 2009 (Sabtu) di Stadium Perpaduan Kuching, Sarawak.

Pengisian MRTM Gawai Dayak adalah lebih untuk mengenengahkan tradisi masyarakat Sarawak menyambut perayaan dan disertai dengan berbagai aktiviti berbentuk kekeluargaan disulami elemen seni dan budaya semua kaum berasaskan 1 Malaysia. Antara aktiviti adalah seperti Persembahan Kesenian, Jamuan Rakyat

dan Pameran yang melibatkan penyertaan masyarakat tempatan dari pelbagai bangsa dan etnik.

Antara program-program ini, Pameran Gawai Dayak yang diadakan pada tahun ini adalah berlainan kerana ianya diadakan di River Site dan diadakan selama dua (2) hari iaitu pada 13 dan 14 Jun 2009.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA)

TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)

**SOALAN NO. 125**

**Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota)** minta **Menteri Belia dan Sukan** menyatakan berapakah nilai peruntukan serta perbandingan untuk setiap persatuan belia yang berasaskan sukan dan kepimpinan bagi tempoh sepanjang 2007 dan 2008 dan bagaimanakah kaedah penyaluran bantuan tersebut dilaksanakan.

**JAWAPAN:**

1. Pada tahun 2007 Kementerian telah menyalurkan peruntukan kepada persatuan belia yang berasaskan sukan sebanyak **RM27,765,827.00** dan sebanyak **RM4,209,110.00** pada tahun 2008. Manakala bantuan Kementerian kepada persatuan belia yang berasaskan kepimpinan pada tahun 2007 dan 2008 masing-masing sebanyak **RM13,328,005.00** dan **RM21,185,479.00**.
2. Kaedah penyaluran bantuan tersebut adalah menerusi pembayaran terus ke persatuan-persatuan terlibat melalui pengeluaran cek bayaran atau menerusi sistem EFT (Electronic Fund Transfer).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED**  
**(SEKIJANG)**  
**TARIKH : 24 JUN 2009**  
**SOALAN :**

**YB. Datuk Haji Baharum Bin Mohamed (Sekijang)** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapakah Hospital Daerah Segamat yang dirancang dan dicadangkan menjadi hospital pakar dan hospital rujukan sehingga kini belum menjadi kenyataan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan sememangnya sentiasa prihatin terhadap keperluan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan kepakaran bagi rawatan di semua hospital kerajaan seluruh negara termasuklah di Segamat. Pada masa ini terdapat seorang pakar perubatan yang telah ditempatkan di Hospital Segamat. Kementerian juga telah mengenalpasti beberapa lagi pakar seperti pakar anesthesiologi, ortopedik dan bedah untuk ditempatkan di hospital berkenaan yang akan memulakan perkhidmatan masing-masing dalam masa yang terdekat iaitu selewat-lewatnya pada bulan Ogos 2009.

Di samping itu seorang Pakar Pediatrik yang baru pulang dari luar negara akan ditempatkan di Hospital Segamat sebaik sahaja pelantikan dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.